

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 25

Rabu

9 Mei 2007

K A N D U N G A N

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):

- **Kekurangan Guru Besar Di SJK(C) Di Sarawak**
- *Y.B. Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)* (Halaman 1)

RANG UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan
Pekerja (Pindaan) 2007 (Halaman 4)

Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri (Pindaan) 2007 (Halaman 19)

Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007 (Halaman 36)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 53)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Rabu, 9 Mei 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

KEKURANGAN GURU BESAR DI SJK(C) DI SARAWAK

10.04 pagi

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, usul saya adalah sebegini, "Bahawa Dewan ini meluluskan permintaan Ahli Parlimen bagi Bandar Kuching YB Tuan Chong Chieng Jen untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincangkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan, iaitu mengenai kekurangan guru besar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Sarawak yang serius. Pada 7 Mei 2007, satu laporan *Sin Chew Daily* telah melaporkan bahawa di Sarawak terdapat 16 buah SJK(C) yang tidak ada guru besar. Di antaranya ada dua buah SJK(C) yang sudah tidak ada guru besar lebih 10 tahun yang lalu.

"Ketiadaan guru besar di SJK(C)-SJK(C) itu telah menjejaskan pentadbiran sekolah-sekolah itu. Ia juga membebankan guru lain yang mana tugas mereka yang sepatutnya adalah untuk mengajar murid-murid, tetapi mereka pula terpaksa menjalankan kerja-kerja pentadbiran sekolah itu. Maka ia juga akan menjejaskan pengajaran murid-murid di sekolah-sekolah tersebut.

"Sepanjang masa ini, SJK(C)-SJK(C) telah mengalami kekurangan guru. Malahan di sesetengah SJK(C), kita mendapati bahawa, saiz sesetengah kelas melebihi 50 orang padahal Piagam Kementerian Pelajaran ialah lebih kurang 35 murid satu kelas. Kekurangan guru besar di Sarawak akan bertambah serius lagi memandangkan di daerah Kuching dan Samarahan sahaja, 12 orang guru besar akan bersara pada tahun ini.

Sebelas orang guru besar lagi akan bersara pada tahun 2008. Ia adalah hak asasi murid-murid Malaysia untuk menerima pendidikan dalam SJK(C) dan ia adalah tugas kerajaan untuk membekalkan kakitangan yang mencukupi untuk SJK(C). Memandangkan kini terdapat lebih kurang 50 ribu murid bumiputera yang belajar di SJK(C), maka masalah yang dihadapi oleh SJK(C) bukan lagi masalah yang melibatkan masyarakat Cina sahaja. Dengan kemunculan China sebagai kuasa besar ekonomi di rantau Asia, kedudukan bahasa Cina turut bertambah

penting semakin hari. Kefasihan generasi baru negara kita dalam bahasa Cina akan membolehkan negara kita menembusi pasaran China. Oleh itu dari segi hak kemanusiaan, budaya, sosial, malahan ekonomi, kerajaan harus memberi lebih perhatian kepada pembangunan SJK(C)-SJK(C) dan memberhentikan dasar peminggiran SJK(C) yang dijalankan sehingga kini.

“Parlimen Malaysia harus memberi pertimbangan segera supaya kerajaan mengambil tindakan berkesan untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru besar yang dihadapi oleh SJK(C)-SJK(C) di Sarawak. Janganlah kita melalaikan dan menggadaikan peluang pendidikan generasi muda kita sebagai satu permainan politik perkauman.”

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bandar Kuching pada hari Isnin, 7 Mei 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya difahamkan bahawa tindakan sedang diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak sedang mengambil tindakan untuk mengatasi dan mengisi jawatan guru besar sekolah-sekolah yang berkaitan. Perkara ini tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah berlaku, sepuluh tahun lebih dan apa tindakan yang diambil oleh negeri Sarawak untuk mengatasi masalah ini. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak menolak usul saya, maka Tuan Yang di-Pertua perlu memberitahu apakah tindakan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua Tuan Yang di-Pertua, dia sudah tolak 18(2).

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini hal orang Sarawak, apa you...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ikut arahanlah. Mengapa semua ada alasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua Tuan Yang di-Pertua, dia sudah tolak 18(2). Apa lagi?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Dengar hujah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya di sini tidak menentukan baik buruknya usul ini. Saya juga tidak menentukan bahawa usul ini betul atau tidak betulnya. Saya hanya menentukan bahawa perkara ini dari segi teknikal sama ada usul ini hendak disegerakan atau tidak dan memandangkan kepada keadaan usul ini tidak perlu disegerakan. Saya sudah membuat keputusan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sudah lama sudah selesai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah cakap Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 Akta A1273; di bawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATA CARA JENAYAH (PINDAAN) (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tata Cara Jenayah (Pindaan) 2006 Akta A1274; di bawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG
SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2007****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dipertimbangkan dalam Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis. **[8 Mei 2007]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Saya perlukan sedikit penjelasan daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan apabila saya telah mendapat panggilan lewat malam semalam dan pagi ini yang mengatakan bahawa kemungkinan besar Parlimen telah mengkompromikan integritinya, adakah ini benar bahawa beberapa lot tanah di sini telah diagihkan untuk perniagaan menjual kereta yang dikendalikan oleh BNBBBC? Kalau sedemikian, apakah makna bila Perdana Menteri semalam melancarkan program integriti dan sebagainya?

Bukankah tempat ini pada pandangan saya dan pada pandangan orang ramai, satu tempat yang unik, suci dan tidak ada apa-apa ruangan perniagaan terlibat dalam Parlimen. Ada tiga *pillar* dalam negara ini iaitu Parlimen, eksekutif dan satu lagi *legislation*. Macam mana kita boleh benarkan perkara ini? Adakah ini benar dan jika benar, macam mana ini dibenarkan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak ada dalam pengetahuan saya. Oleh itu, saya tidak boleh membuat apa-apa respons mengenai perkara ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi, tidak berlakulah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Saya tidak tahu. Tidak ada dalam pengetahuan saya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, saya difahamkan BNBBBC telah mendapat kebenaran daripada Tuan Pengerusi. Itu saya...

Tuan Pengerusi: Daripada saya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, itu saya dapat panggilanlah.

Tuan Pengerusi: Saya sudah jawab.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Pengerusi boleh arahkan satu siasatan.

Tuan Pengerusi: Perkara ini tidak ada dalam pengetahuan saya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau sekarang diberitahu Tuan Pengerusi, adakah Tuan Pengerusi ambil tindakan?

Tuan Pengerusi: Teruskan. Tidak ada dalam mana-mana penjelasan atau order untuk membuat penjelasan mengenai perkara ini. Sila.

Fasal-fasal 1 hingga 39 -

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya hendak bahas.

Tuan Pengerusi: Baik, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, semalam bila saya sedang berhujah mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, saya telah mengemukakan apakah niat dan objektif pemindaan ini. Satu di antara yang mustahak adalah *preamblenya* di mana ia mengatakan pemindaan yang sangat dengan izin, *goes to the rude of this amendment*. Iaitu perkataan yang digunakan di klausa 2 iaitu persaraan, digunakan dua kali. Jadi saya hendak tanya apakah makna persaraan bila seseorang yang lebih dari 55 tahun hanya diwajibkan untuk menyumbang 50% dari seorang yang perlu diwajibkan menyumbang sebelum dia mencapai umur 55 tahun. Apakah rasional dan apakah dasarnya?

Saya hendak petik apa yang dikatakan dengan izin oleh Perdana Menteri semalam semasa interviu. Dia kata dengan izin, "*The Prime Minister has thrown his support behind the Employees Provident Fund's proposal to slash employers' and employees' contributions for those aged 55 and above to 6% and 5.5% respectively*". "*I will go along with what the EPF will like to do*", said Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. "*He said those aged 55 and above who were still in the workforce had already performed their service, earned their income and made their contributions to the fund. There must be a good reason why EPF wants to reduce their contribution,*" he told reporters.

Jadi soalan saya apakah alasan tersebut dan apakah sebabnya? Walhal kita semua tahu bila seorang menyumbang itu telah mencapai 55 tahun, itulah masa di mana dia perlukan lebih perhatian, dia perlukan lebih wang disimpan di atas nama dia kerana dia ada obligasi-obligasi yang tertentu. Jadi bila membawa pindaan ini, tetapi rasionalnya, akan mengakibatkan, menghakiskan dan menyusahkan seorang yang lebih 55 tahun. Tuan Pengerusi, saya akan mengambil satu demi satu.

Tuan Pengerusi: Ya, baik. Yang Berhormat Menteri, ada jawapan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Semalam yang saya sudah beritahu bahawa sebelum pindaan ini, mereka yang telah mencapai umur 55 tidak diwajibkan untuk membuat caruman kepada KWSP, tidak ada langsung. Sekarang dengan pindaan ini, EPF berkehendakkan supaya dia juga ada *contribution*, ada juga caruman tapi kadarnya rendah sedikit daripada sebelum ini.

Ini pun sebenarnya Tuan Pengerusi kita, dengan izin *win-win* lah. Kerana kalau mereka sudah mencapai umur 55 tahun, maka gaji mereka sudah maksimum. Kalau kita hendak paksa ataupun mana-mana majikan hendak mengambil mereka bekerja semula, dia kena fikir dua kali

kerana ini adalah orang yang telah mencapai gaji yang maksimum. Adakah ia lebih untung atau lebih jimat kalau dia ambil pekerja yang lebih muda kerana gaji belum sampai maksimum lagi dan memberi *contribution* yang penuh iaitu sebanyak 12% ataupun 5.5% tetapi kalau hendak menggalakkan majikan untuk mengambil orang ini bekerja semula, maka kita bagilah kelonggaran sedikit. Ini pun tambahan sebenarnya daripada yang sebelum ini. Sebelum ini tidak ada langsung caruman. Maksudnya bila dia mula bekerja semula, tidak ada langsung.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya rasionalnya, bila satu jawapan diberi bahawa sebenarnya selepas pemindaan ini, ia akan memberi ruangan yang besar kepada seseorang yang telah mencapai umur 55 tahun itu. Sebenarnya ia bukan *win-win*, *it is a 'loose-loose' situation* kerana sebelum ini bila tidak ada undang-undang, semua majikan ada dua pilihan.

Satu, tidak perlu memberi apa-apa penyumbangan atau memberi penyumbangan yang sedia ada iaitu lebih lumayan dan lebih tinggi daripada apa yang ada. Kenapa pada masa seseorang mencapai umur 55 tahun mereka didiskriminasikan? Mengapa ini terjadi? Saya rasa ini satu rasional yang tidak boleh diterima. Adakah alasan di mana seseorang yang 55 tahun itu sudah kaya raya, maka dia patut mendapat 50% dari yang sedia ada dalam undang-undang. Itulah yang ditanyakan bukan oleh saya sahaja tetapi oleh Malaysian Trades Union Congress, orang ramai dan pihak-pihak yang menyumbang kepada EPF.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, susah saya hendak *convince* dengan izin, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ini. Dia sudah *fixed* dia punya *mind* tentang perkara ini. Sebenarnya saya sudah sebut tadi. Rasionalnya ialah kita hendak menggalakkan supaya mereka ataupun yang sudah sampai umur bersara ini untuk diambil semula bekerja. Kalau majikan terpaksa bayar juga caruman penuh seperti yang sebelum mereka bersara, beban pada mereka. Sebab itu saya katakan tadi kita hendak menggalakkan supaya mereka ini boleh diambil semula. Maksudnya *employability* kepada mereka yang lebih umur ini atau yang sudah pencen ini, makin meningkat *employability*, maksudnya diambil semula, ini yang kita hendak. Sebelum bersara, mereka sudah menyimpan banyak. Cuma tambahan lagi...sebelum ini tiada langsung *obligation* dan tiada langsung paksaan ke atas majikan. Tiada langsung. Ada pilihan sama ada nak bagi ataupun langsung tak nak bagi.

Tuan Pengerusi: Baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sebenarnya Tuan Pengerusi, kalau *employer* itu nak bagi tambah lagi pun boleh, sehingga 19% diberi kelonggaran cukai. Boleh kalau dia nak tambah tapi yang setakat yang mandatorinya kena bayar 5.5%. Ia terpulang kepada *employer*. Kalau dia nak bayar penuh pun boleh, nak bayar sampai 19% pun boleh. Tiada masalah. Ada kelonggaran di situ Tuan Pengerusi, tapi yang minimumnya ialah 5.5% daripada *employee* dan 6% daripada majikan. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Teruskan. Yang Berhormat bagi Kepong ada?

10.21 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya dengar dengan teliti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengenai rasional untuk mengenakan 6% secara paksaan atau 5.5% ke atas pekerja dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan keadaan yang serupa di Singapura, apakah mereka buat? Adakah mereka dipaksa berbuat demikian ataupun mereka ada opsyen pula?

Saya sebut di sini, yang pertamanya kita tahu ada orang yang tidak begitu mahir di dalam pelaburan, mungkin dikeluarkan wang mungkin diberhentikan sumbangannya dan dia akan membuat sesuatu pelaburan yang gagal dan sebagainya. Dia telah hilangkan simpanan sepanjang hayatnya, golongan itu memang ada. Sebab itu saya cadangkan kita adakan kaunseling yang cukup tapi bagi orang yang mampu ataupun mahir untuk membuat pelaburan di bidang yang lain selain dari KWSP, apakah itu fikiran atau pandangan KWSP untuk memberi mereka yang mahir ini peluang untuk opsyen yang lain? Itu sahaja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, apabila saya berdebat semalam saya tunjuk graf tentang cadangan oleh pihak KWSP untuk membenarkan mereka-mereka yang ingin melabur selepas mencapai simpanan yang kadar yang tertentu mengikut umurnya, Tuan Pengerusi. Katakanlah 55 tahun, simpanannya yang selebihnya itu dia dibenarkan untuk melabur sendiri. Kemudian umur 25 tahun, 35 tahun, 40 tahun dan sebagainya, jadi itu mengikut umurnya. Itu ada grafnya dan ada kadarnya. Simpanannya itu kalau lebih dari had itu, maka EPF kalau ikut pindaan ini akan membenarkan mereka melabur.

Tetapi dalam institusi-institusi yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan, ini sebagaimana dalam insurans dan apa-apa juga institusi yang boleh mendatangkan hasil dan apabila mereka jual, dia kena pulang balik kepada EPF sehingga mencapai umur 55 tahun barulah dia boleh buat *flow down* semula. Itu adalah satu cadangan-cadangan baru yang dibuat oleh EPF dalam pindaan ini, Tuan Pengerusi. Kalau mereka sudah mahir, mereka boleh melabur dan dibenarkan. Kalau sebelum ini tidak boleh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, boleh saya alih ke satu lagi pemindaan iaitu klausa 9, Tuan Pengerusi. Dengan pemindaan ini, ada cadangan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Tatatertib Lembaga.

Berkaitan dengan ini, saya telah membangkitkan semalam pada ucapan dasar saya dan telah mendapat jawapan. Selepas 1 Januari tahun ini, EPF telah membeli komputer-komputer dengan harga RM200 *million*, saya mengatakan tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa bukan RM200 *million* tetapi hanya RM100 *million*. Mungkin bagi EPF ia satu perkara yang kecil.

Soalan saya adalah, kenapa pembelian itu perlu kerana saya difahamkan semua komputer IBM yang sedia ada dengan EPF ini adalah baru dan boleh guna pakai. Adakah benar bahawa pembelian komputer-komputer ini adalah atas bukan *arms lines deal* tetapi dengan

pihak-pihak yang ada kena-mengena, ada keluarga dan ada pihak-pihak atasan yang ingin mengaut keuntungan. Itulah sebab pembelian komputer ini. Adakah komputer-komputer itu akan diguna pakai juga berkaitan dengan lembaga ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya dah jawab semalam iaitu kos yang untuk beli *hardware* komputer ini ialah RM100 juta, bukanlah RM200 juta seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Saya juga ada beritahu semalam mengikut maklumat yang saya dapat iaitu komputer-komputer ini telah pun dah lama iaitu sejak tahun 1978 dahulu, sekarang baru nak ditukar untuk seluruh EPF.

Tentang *accusation* Tuan Pengerusi dengan izin, mungkin ada *hanky-panky* dalam pembelian komputer ini, saya tidak tahulah. Jadi saya harap dapat disiasat oleh pihak EPF berkenaan dengan perkara ini. Jadi saya tidak ada jawapan atau maklumat tentang ada atau tidak cara mana mereka membeli komputer itu. Kalau diperlukan dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mahu, saya bolehlah dapatkan maklumat yang *detail* tentang ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Bukan sahaja penjelasan Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah satu yang asas, *goes to the fabric, to the root of the matter* dengan izin, kerana tohmahan-tohmahan yang saya buat ini adalah satu tohmahan dengan asas. Semalam bila saya mengatakan ada satu surat khabar yang tidak membayar EPF, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa itu tidak benar.

Bila saya cabar beliau, beliau mengatakan sekarang ada pegawai berkata sebenarnya ada tetapi EPF itu telah dibayar tetapi soalan saya yang khusus kepada perkara ini berkaitan dengan pembelian komputer, kenapa pembelian itu dibuat pada masa sekarang? Kenapa RM100 juta perlu dibiayai untuk pembelian komputer dengan orang-orang yang tidak ada kemahiran dalam perkara itu? Macam mana satu keputusan seperti ini boleh dibuat? Jika dengan sendirinya, mesti dia tidak akan membuat keputusan tersebut, kerana ini adalah kepunyaan orang ramai, dia sewenang-wenangnya dan suka-suka dia boleh buat sesuatu keputusan, adakah itu benar?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya mendapat maklumat yang terbaru tentang komputer ini diberi secara tender terbuka. Jadi tak tahulah bagaimana Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dapat maklumat lain daripada yang ini. Ia adalah melalui tender terbuka.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ipoh Barat, Ipoh Barat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Maaf, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tentang ini Tamil Nesan ini, sebagai maklumat mutakhir. Memang pada peringkat awal duit EPF nya tidak dibayar dan pada hari ini ia sudah dibayar kesemuanya sekali. Jumlahnya untuk Julai 2003 sehingga Februari 2006 ialah RM774,894.

Dari bulan Mac 2006 sehingga April 2007 jumlahnya ialah RM452,474 dan jumlah semua sekali RM1,227,368 telah diselesaikan. Sebab itu dia tiada dalam senarai yang tidak bayar ini, sebab telah terkeluar kerana sudah dibayar.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih kepada jawapan tersebut. Ini ada satu perkara kalau Tuan Pengerusi boleh ingat, semalam saya ada bangkitkan dan dikatakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata akan jawab hari ini. Ini satu perkara yang mustahak, Tuan Pengerusi.

Bila kita membangkitkan sesuatu perkara, kemungkinan ada pegawai-pegawai yang tidak boleh memberi sesuatu jawapan yang bertulis kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tetapi yang mustahak ini adalah berkaitan dengan perkara itu saya ada tanya, adakah kementerian atau adakah EPF akan membuat penyiasatan memandangkan satu *breach of trust* telah berlaku. Kerana pemotongan dari pekerja-pekerja telah berlaku bukan satu tahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun atau lima tahun wang itu disimpan oleh majikan mereka untuk kegunaan mereka sendiri dan ini adalah surat khabar yang sangat dikenali di Malaysia. Sudah lebih kurang lima tahun berfungsi.

Macam mana perkara ini boleh dibuat? Adakah Yang Berhormat bersependapat dengan saya? Jika satu kesalahan yang serius macam ini, adakah kementerian akan mengarahkan dengan ikhlas supaya diambil tindakan dari segi undang-undang bukan saja jika seorang gagal membayar, dia diarahkan membayar saja, itu tidak ada apa-apa penalti kepada majikan.

■ 1030

Adakah Yang Berhormat bersetuju kepada saya bahawa jika satu kesalahan yang sangat serius dan adakah ia akan diarahkan untuk Peguam Negara mengambil tindakan *criminal charges* dalam perkara ini. Kalau tidak, kenapa tidak?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ini adalah pendapat Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan saya harap pihak KWSP....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ipoh Baratlah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: *Sorry*, Ipoh Barat. Saya selalu sebut Ipoh Timor fasal apa?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Fasal dia tak suka sama saya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: *[Ketawa]* Saya kawan dengan semua orang. Itu pendapat Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tak apalah. Saya harap pihak EPF akan ambil perhatian tentang perkara ini. Kalau perlu, tindakan yang sewajarnya patut diambil tindakan ke atas kes ini sama ada unsur-unsur 'CBT' atau tidak yang perlu disiasat oleh EPF. Dalam hal ini saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, terima kasih. Sedikit, sedikit mengenai perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sumbangan oleh majikan kepada EPF telah dilambat-lambatkan dan perkara ini tidak tertulis di mana-mana surat khabar kerana satu

surat khabar tersebut sendiri terlibat. Saya harap janganlah kita pilih kasih, jangan kita takut. Kalau seseorang telah buat salah, dia berkaitan dengan ahli politik, dia berkaitan dengan satu menteri, jangan kita kisah. Kalau dia salah, itu tetap salah. Ambil tindakan sahaja. Jangan kita lindungi sesiapa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, teruskan dengan urusan mesyuarat ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada bahas lagi?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya hendak minta penjelasan mengenai seksyen 44A, seksyen 29A, seksyen 54(6)(j), kemudian seksyen 58(1) dan seksyen 58(2). Tuan Pengerusi, mengenai simpanan ahli ini bagi pegawai-pegawai ataupun kakitangan yang Islam, EPF sampai sekarang ini tidak mengeluarkan zakat bagi pihak ahli-ahli ataupun pencarum. Saya tahu bahawa berdasarkan kepada fikah Syafii tidak cukup syarat untuk mewajibkan ahli yang menyimpan itu ataupun KWSP ini untuk mengeluarkan zakat iaitu 'milkultam' tidak wujud. Tetapi negara kita ini bukan negara Islam dan saya rasa alasan yang diberi oleh pihak kerajaan itu tidak boleh dari segi tasawufnya tidak melepaskan seseorang itu daripada mengeluarkan zakat.

Contohnya macam ini, kalau kita sembahyang lima waktu, bila kita cukup syarat dan rukunnya, sah sembahyang itu tetapi kalau kita lalai, pahalanya tidak ada. Begitu juga kalau kita buat masjid dengan duit daripada judi. Masjid itu sah, tapi bila kita sembahyang tidak ada pahala. Jadi di sini KWSP kena tengok dari segi tasawuf apabila penyimpan atau pencarum itu telah melebihi nisab...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat. Boleh bagi penjelasan sedikit?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Maknanya duit kerajaan, maknanya selama ini kalau kita sembahyang dan Yang Berhormat sendiri pun sembahyang di masjid tak dapat pahala atau macam mana?

Tuan Pengerusi: Penjelasan atas penjelasan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Masjid yang dibina daripada judi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh ya, saya hendak *clear* yang itu saja. Terima kasih. Jadi yang sembahyang itu tak dapat pahala.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tak dapat pahala.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Masjid Negara bukan dibuat daripada judilah.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Yang itu saya tak tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam mana kalau saya musafir, saya tak tahu duit itu duit judi atau duit apa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Itu tak payah tanya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pergi sembahyang adakah dapat pahala?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Dapat. Begitu juga KWSP ini dari segi fikahnya oleh kerana tidak cukup syarat 'milkultam', dia pada zahirnya tidak wajib mengeluarkan zakat. Tetapi dari segi tasawufnya bila dia lebih daripada nisab dan cukup, adakah boleh KWSP dan kerajaan menjamin bahawa dosa bagi pencarum yang lebih daripada syarat itu lepas, tidak kena. Adakah 'milkultam' ataupun 'hakultam' ini boleh dipakai dalam negara-negara yang tidak berdasarkan syariah? Saya minta penjelasan ini dan kalau boleh turutlah Tabung Haji dan turutlah Bank Rakyat walaupun dari segi 'milkultam' itu wujud, tapi mereka mengeluarkan zakat bagi pihak pencarum. Itu minta penjelasan.

Yang kedua, minta penjelasan mengenai seksyen 29A - insurans. Jadi saya minta penjelasan tentang adakah KWSP akan melabur dalam insurans-insurans yang tidak harus dari segi syariah? Untuk insurans ini, saya minta penjelasan ini dalam sama ada Takaful, Takaful Ikhlas atau Takaful Nasional yang telah pun difatwakan bahawa adalah insurans-insurans yang berdasarkan *Islamic insurance*.

Seksyen 54(6)(j) - polisi insurans kesihatan. Adakah insurans-insurans ini selain daripada Takaful, Takaful Nasional dan Takaful Ikhlas ini berdasarkan seperti yang saya katakan dalam seksyen sebelum ini. Saya minta supaya bagi pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai yang Islam, insurans ini mestilah diambil daripada bentuk-bentuk yang dihalalkan oleh syariah.

Seksyen 58(1) - tuntutan bantuan kematian. Di dalam Takaful ada satu sistem. Kalau tak silap saya, mungkin KWSP hanya dapat mengeluarkan RM2,500 sahaja kepada yang mencarum ini apabila telah mati dan diberi kepada keluarganya. Tetapi sebenarnya KWSP boleh menambahkan sehingga RM4,000 wang khairat kematian ini kepada keluarga dengan melabur...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan sedikit. Saya juga ada bangkitkan pada hari semalam tentang perkara ini. Saya mengatakan bahawa dulu dia bayar RM5,000 untuk kematian seseorang ahli. Sekarang dikurangkan kepada RM2,500. Apakah alasannya? Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Jadi dengan tidak melibatkan KWSP, RM5,000 pun boleh bayar. Kalau melabur dalam insurans kifalah, dividen khairat kematian ini akan diberi RM4,000. Apa salahnya KWSP tambah RM1,000 lagi? RM4,000 itu tidak melibatkan mana-mana kewangan daripada KWSP. Akhirnya Tuan Pengerusi, mengenai seksyen 58(2) - bantuan hilang. Satu lagi iaitu mengenai 58(1) tadi cadangannya ialah tempoh enam bulan tuntutan dibuat. Saya rasa tidak wajar kerana si mati ini kalau di kampung-kampung, dia tak tahu. Lanjutkan tempoh ini sehingga kepada masa yang munasabah - 12

bulan, 18 bulan ataupun sehingga tuntutan itu diberitahu. KWSP mesti ambil satu tindakan yang proaktif untuk memberitahu kepada keluarganya apabila pencarum itu mati supaya dapat dibuat tuntutan itu bukan dalam masa enam bulan, mungkin lebih 18 bulan saya minta.

Begitu juga dalam seksyen 58(2). Saya rasa 12 bulan ini tak cukup. Mesti dalam masa 24 bulan waktu tuntutan itu lebih wajar supaya dapat keluarganya ataupun dia sendiri menuntutnya. Mungkin orang di kampung-kampung tidak dapat akses internet dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut bila Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa sebut bahawa Malaysia ini bukan sebuah negara Islam. Beliau adalah ahli sebuah parti PAS yang memperjuangkan Islam tapi bila kerajaan sebut bahawa kita adalah sebuah negara Islam, PAS sebuah parti Islam, dia tak mengaku. Jadi saya pelik. Saya terkejutlah pada pagi ini.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan Tuan Pengerusi. Bagi saya Perlembagaan Malaysia itu masih sekular walaupun kerajaan dari segi *approach*nya mengisytiharkan Islam hadhari. Tetapi selama Perlembagaan itu begitu, ia diiktiraf secara rasmi sebagai negara sekular. Terima kasih.

■ 1040

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Perkara ini saya tidak bercadang hendak buat *argument* dalam hal ini.

Tuan Pengerusi: Ya, terus jalan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: ...Tetapi saya terkejutlah pagi ini, Tuan Pengerusi, tentang zakat, EPF ini adalah caruman daripada semua pihak, yang Islam yang bukan Islam. Jadi kalau EPF hendak keluarkan macam Tabung Haji, keluarkan zakat jadi tidak bertepatanlah. Sebab itu lebih baik kalau ahlinya sendiri kalau dia tahu dia sudah dapat untung lebih, simpanannya lebih daripada yang patut dibayar zakat maka sendirilah keluarkan zakat. Kalau kita hendak buat macam Tabung Haji agak susahlah.

Tuan Pengerusi tentang insurans yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, yang dimaksudkan insurans ini adalah pembelian insurans ini yang diambil sendiri oleh pihak individu pencarum ini. Bermakna kalau dia hendak mengambil insurans dia boleh mengeluarkan duit EPF daripada tabung dua ini untuk membeli insurans masing-masing, termasuklah insurans kesihatan dan sebagainya.

Tentang khairat kematian dan ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Mohon penjelasan sedikit Tuan Pengerusi, penjelasan pasal insurans ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Pertamanya memang betul-betul Yang Berhormat, dalam Perlembagaan mengatakan Islam adalah agama Persekutuan dia sebut

perkataan Islam. Jadi maknanya Persekutuan itu Persekutuan Malaysia lah, dalam Malaysia itu kitalah. Jadi hak itu kita kena tegaskan Yang Berhormat. Saya masih pegang iaitu Malaysia sebuah negara Islam, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan demikian, bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun mengisytiharkan sedemikian rupa - negara Islam. Jadi yang ini saya ingat kita tidak perlu mempertikaikan kerana walaupun Islam tetapi kita hidup majmuk dan cukup aman dan damai.

Soalan saya, saya bersetuju kalaulah pencarum itu ambil duit dalam bentuk insurans. Tetapi apa salahnya EPF sendiri, KWSP sendiri. Sekarang ini di dunia mana pun sudah mula dah syarikat-syarikat besar pun sudah ambil insurans untuk *cover* perubatan para pekerja dia, agensi-agensi kerajaan, GLC-GLC berbuat demikian rupa. Malaysia mungkin juga ke arah sedemikian rupa. Apa salahnya kalau KWSP dengan kutipannya yang begitu besar daripada pencarum untuk menolong pencarum-pencarum ambil insurans perubatan untuk keseluruhan ahli-ahli dia. Supaya apabila berlaku sesuatu penyakit ataupun penyakit kronik dan sebagainya tidak perlulah dia pula kadang-kadang ada yang pergi ambil duit EPF untuk berubat.

Jadi duit EPF ini untuk hari tua. Jadi kalau dia boleh ambil insurans *cover* keseluruhannya ini adalah satu pertolongan kepada pencarum. Begitu juga saya ingat macam bantuan khairat kematian dan sebagainya, insurans diberi oleh KWSP kepada pencarum dia. Jadi bila dia mati sekarang Tuan Pengerusi orang meninggal pun sekarang ini bukan murah. Hendak simpan orang meninggal mahal Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang yang tiga kali kiam itu pun minimum RM5, tiga kali RM5.

Ada yang tidak ambil, tetapi kebanyakan RM4 tidak masuk duit *transport* lagi. Jadi apa salahnya pihak KWSP mengambil insurans *cover* keseluruhan pencarum-pencarum. Saya ingat keuntungan yang ada ini berlipat ganda, *reserve fund* begitu banyak, ini adalah satu khidmat sosial kepada pencarum-pencarum. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Takkan Yang Berhormat bagi Kepong hendak jawab, ini Yang Berhormat Menteri jawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, Yang Berhormat bagi Kepong tidak boleh jawab.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Itu pandangan Yang Berhormat bagi Jerai pada sekali imbas memang cukup cantiklah bermakna pihak EPF membeli, mengambil insurans tetapi kalau kita tengok secara mendalam *contribution* caruman ahli-ahli ini berbeza ada yang sedikit sangat ada yang sampai RM1 juta. Jadi berapa banyak insurans yang kita hendak ambil ini kepada tiap-tiap ahli, adakah RM10,000, RM20,000 adakah RM100,000 seorang jadi ini satu perkara yang perlu diperhalusi. Kalau EPF betul-betul hendak ambil insurans dan yang pentingnya ialah dia akan ambil daripada *pool*, daripada

keuntungan. Kalau hendak bayar insurans untuk semua sekali dia kena ambil daripada keuntungan mana lagi hendak ambil duit ini.

Maknanya akan juga menjejaskan dividen bermakna kalau kita ambil belanja untuk insurans kemudian tambah-tambah apa lagi, dia akan menjejaskan dividen yang kita hendak bayar kepada pencarum ini. Sekarang ini kita sudah bagi *last year* tahun lepas jadi ia meningkat tiap-tiap tahun. Tahun lepas 5.15% lebih tinggi daripada yang bank bagi kalau kita simpan dalam bank. Jadi maknanya kita kena jaga yang ini. Begitu juga khairat kematian, hilang upaya dan sebagainya. Kalau ditambahkan lagi ditingkatkan lagi bantuan daripada *pool* ini, daripada keuntungan ini maka begitu juga menjejaskan dividen yang kita akan bagi yang EPF akan bagi kepada pencarum-pencarum.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat pergi lebih jauh dalam menteri lihat sekarang peranan EPF ini. Ini ada satu perkara yang perlu kita lihat. Pertama kalau dulu pencarum-pencarum di bawah KWSP yang mana bukan kerajaan tetapi apabila mereka masuk dalam perkhidmatan kerajaan, dengan sendirinya dia tidak lagi mendapat keistimewaan KWSP tetapi pihak EPF tidak menghubungi mereka ini apakah kedudukan sebenarnya caruman wang yang telah dibuat. Keduanya, masalah tentang pencarum-pencarum yang masih berlaku, majikan memotong gaji pekerja untuk dicarumkan tetapi tidak dicarumkan.

Masalahnya sekarang ialah pihak EPF hanya menerima aduan baru hendak bertindak. Kalau tidak ada aduan daripada mana-mana pencarum mereka tidak bertindak. Jadi kenapa tidak pihak EPF secara automatik secara mandatori dengan izin mengambil tindakan mendenda ke atas mana-mana majikan sama ada dia telah mencarum ataupun tidak mencarum ke atas pekerja-pekerjanya. Sebab kita tahu wang yang terkumpul dalam EPF ini begitu besar. Kadang-kadang kita tidak tahu ke mana perginya pelaburan yang telah dibuat.

Jadi kita mintalah kadang-kadang dari segi penyata ini kadang-kadang kalau kita tidak buat rujukan saya tidak tahulah apa akan jadi kepada pencarum-pencarum yang ada. Jadi ini amat besar Yang Berhormat yang perlu dilihat oleh EPF. Janganlah hanya mengumumkan untuk membuat pelaburan, untuk menambahkan lagi segala hasil, tetapi masa depan pencarum-pencarum itu tidak diambil *guide* ke atas apa yang telah menjadi tanggungjawab mereka.

Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut tentang pandangan tadi. Sebenarnya memang tiap-tiap tahun ada penyata yang dikeluarkan oleh EPF. Daripada itu, pencarum-pencarum boleh tahu sama ada carumannya bertambah atau tidak dan dia boleh buat laporan kepada EPF dan EPF ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat kalau boleh sikit minta maaf, jangan tunggu pencarum buat laporan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, saya keluarkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekarang EPF mesti *online*. Kita sekarang sudah *online system*. Bermakna kita mesti mencari pencarum ke mana pencarumnya. Kalau hendak tunggu pencarum buat aduan, hendak bertanya kedudukan kewangannya ini timbulkan masalah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya tidak sampai lagi situ. Jadi yang keduanya ialah EPF sendirilah. EPF sendiri dia memang rekodnya ada. Kalau majikan tidak bayar caruman ini kenapa adakah pekerja itu sudah berhenti kerja ataupun bagaimana majikan tidak bayar potong tetapi tidak bayar. Ini bermakna tindakan proaktif daripada EPF sendirilah.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Pengerusi: Penjelasan kah hendak buat ini...?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tadi yang pentingnya Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kalau Yang Berhormat hendak bahas mengenai perkara ini boleh bangun di bawah Fasal 1 hingga Fasal 38.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Banyak sangat penjelasan ini.

■ 1050

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ini penting, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut tentang masalah zakat dan EPF tidak bertanggungjawab terhadap zakat. Saya rasa 11 juta pekerja ini tanggungjawab KWSP dan sebahagian besarnya adalah merupakan pencarum yang terdiri daripada orang-orang Islam. Kenapa jawapan begitu, seolah-olah mahu lari daripada tanggungjawab yang mana Bank Islam telah membuktikan ia boleh bayar zakat. Tabung Haji membuktikan dia boleh membayar zakat tetapi kenapa KWSP yang ada membelanjakan RM100 juta untuk komputer baru dan seumpamanya, *online system* tetapi hendak lari daripada tanggungjawab untuk memastikan pencarum membayar zakat. Jadi ini saya minta penjelasan. Ini penting, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik. Yang Berhormat hendak jawab boleh jawab. Ada hendak jawab?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pandangan itu. Yang Berhormat buat perbandingan dengan Tabung Haji dan sebagainya, mudahlah bagi Tabung Haji. Macam saya sebut tadi, mudah bagi Tabung Haji sebab ia semuanya Islam. Jadi dalam hal KWSP ini, ia lebih rumitlah kerana berbagai-bagai agama. Walau bagaimanapun, itu pandangan Yang Berhormat dan mungkin boleh difikirkan oleh EPF sendiri tentang bagaimana hendak menyelesaikan masalah zakat ini di mana EPF mengambil tanggungjawab untuk bayar zakat. Ini pandangan yang patut diberi perhatian oleh EPFlah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Kemudian tentang khairat kematian dan juga hilang upaya, enam bulan. Enam bulan untuk buat khairat kematian untuk buat tuntutan dan untuk hilang upaya dia boleh menuntut sehingga tempoh 12 bulan. Tujuan bantuan ini sebenarnya bantuan segera untuk keluarga. Bantuan, bukan hendak bayar keseluruhannya. Bantuan untuk keluarga menyelesaikan masalah masa itu. Jadi kalau dia tunggu sampai tiga tahun, atau empat tahun kemudian, tidak ada maknalah bantuan itu. Jadi yang patut kita menggalakkan supaya ia dituntut segera.

Mestilah EPF tidak akan tahu sama ada kematian berlaku atau tidak, takkan tahu ataupun ada hilang upaya kecuali pihak waris beritahu kepada EPF. Jadi maknanya tanggungjawab adalah tanggungjawab waris untuk memberitahu segera kepada EPF yang ada kematian ataupun hilang upaya. Maka tindakan boleh dibuat segera. Tentang amaun RM5,000 untuk kematian diturun kepada RM2,500. Ini pun saya sudah kata tadi bahawa ini pun mengambil daripada takaful, daripada keuntungan EPF itu. Kalau hendak bagi tambah lagi, maka kuranglah keuntungan dividen yang akan dibagi kepada pencarum.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta kepastian sedikit. Saya mencadangkan supaya khairat kematian ini diambil insurans *kifalah*. Insurans *kifalah* dan takaful ini bila seseorang mati dia boleh beri sampai RM4,000 *cash*. Jadi kalaulah KWSP ini memperuntukkan RM2,500, kalau dia bagi tambah RM1,000 lagi, dia masih untung RM1,500. Apakah KWSP tidak boleh timbang perkara yang boleh menguntungkan dia sendiri?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, itu pandangan yang saya kira bernas iaitu di mana EPF kalau dia mengambil insurans, ada skim khairat kematian di dalam insurans takaful ini memang ada, saya tahu dan ini satu pandangan yang baik. Bermakna kos untuk membeli insurans ini tidaklah begitu tinggi, tahunan tidak begitu tinggi dan saya kira boleh...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Baiklah, Yang Berhormat, masa tidak ada lagi, teruskan dengan Aturan Urusan Mesyuarat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sedikit sahaja, penjelasan. Boleh tak?

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya setuju pandangan yang mengatakan perlu ambil insurans takaful atau insurans khairat kematian tetapi satu perkara yang perlu ditegaskan, jangan pula ambil untung. Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa cakap tadi ada untung. Dalam khairat kematian, tidak ada untung. Untungnya pahala di akhirat. Jangan ambil untung dengan orang mati. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Itu saya setuju, jangan ambil untung kepada orang mati... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya ingat...

Tuan Pengerusi: Baiklah, Yang Berhormat, teruskanlah kalau tidak perlu jawab. Itu pendapat sahaja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya sambung.

Tuan Pengerusi: Terus kepada Aturan Urusan Mesyuarat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Tuan Pengerusi: Ada lagi?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ha, Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mana boleh buat penjelasan begitu banyak?

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat Kepong, baik, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Fasal 5 dan 6 itu yang bertujuan untuk meminda seksyen 18 dan 20 untuk mewujudkan suatu jawatan timbalan pengerusi bagi Mesyuarat Panel Pelaburan dan sebagainya. Tuan Pengerusi, dana pelaburan memang penting. Adakah daripada fasal ini, ini bermakna pengerusinya hanya menteri? Saya nampak sekarang kalau tidak ada pengerusi, timbalan pengerusi mengambil kerusi, itu memang wajar.

Walau bagaimanapun, pelantikan oleh menteri itu untuk ahli-ahli panel ini, apakah kriteria yang ditetapkan? Kerana kadangkala kita nampak dalam badan seperti ini, mungkin ahli-ahli panel tidak begitu mahir di dalam bidang pelaburan. Kita mesti tetapkan kriteria sebelum kita melantik ahli-ahli yang begitu penting, yang melaburkan berpuluh bilion ringgit. Yang pertama.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Fasal 9, 10 dan mengenai Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga dan sebagainya sejak tertubuhnya KWSP, adakah ini bermakna masalah tatatertib di dalam KWSP itu sekarang lebih dahsyat berbanding dengan masa dahulu kerana kita perlu Lembaga Tatatertib dan kemudian Lembaga Rayuan Tatatertib, kemudian kita ada Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat pula. Adakah ini bermakna kes-kes atau insiden kenaikan pangkat itu ada menimbulkan masalah yang banyak?

Satu perkara yang penting iaitu Fasal 23. Ini bertujuan untuk meminda seksyen 24, antara lain bagi membenarkan pengeluaran tanpa syarat oleh seseorang bukan warganegara Malaysia yang akan meninggalkan Malaysia dan sebagainya. Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana Yang Berhormat bagi Jerai semalam ada kata pihak CPF Singapura melakukan ketidakadilan. Dengan Fasal 23, apakah maksud kita? Adakah KWSP ini mewujudkan masalah yang sama dengan CPF? Kita tidak mahulah melakukan ketidakadilan kepada sesiapa termasuk Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya mencadangkan Yang Berhormat bagi Kota Bharu ini dia pakai di dalam undang-undang, ajak Yang Berhormat bagi Jerai untuk membaca Laporan Reid dan juga Perlembagaan mengenai kedudukan status Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order.* Tidak ada kena mengena langsung dengan EPF ini.

Tuan Pengerusi: Ya, tidak apa. Sila jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta Tuan Pengerusi tegur Yang Berhormat bagi Kepong supaya jangan terlajak.

Tuan Pengerusi: Ya. Jangan buang masa, siapa-siapa pun di sini ya. Sila jawab.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Untuk pelantikan timbalan pengerusi, itu untuk memudahkan kerja. Kalau pengerusi bercuti, cuti sakit dan sebagainya, maka timbalan pengerusi akan ambil alih di mana mesyuarat itu akan berjalan. Mereka yang dilantik oleh menteri di bawah peruntukan ini tentulah menteri akan pertimbangkan sehalus-halusnya untuk mereka duduk di situ, mengenai kepakaran mereka dan sebagainya. Saya ingat yang itu tidak perlulah kita persoalkan tentang lantikan yang akan dibuat oleh menteri.

Tuan Pengerusi, tentang Lembaga Rayuan dan sebagainya ini, ini kita buat kerana kita hendak jaga kepentingan EPF. Kalau ada masalah disiplin dan sebagainya, akan ditetapkan. Tujuannya ialah untuk memudahkan EPF mengambil tindakan terhadap kes-kes disiplin dan sebagainya. Jadi mudah kalau sudah ada dilantik jawatankuasa sendiri, khas.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, tentang mereka yang meninggalkan Malaysia ini boleh mengeluarkan keseluruhan simpanan mereka, itu memang menjadi satu pindaan kita. Ini tidak dibuat oleh Singapura dahululah. Singapura dahulu apabila orang Malaysia sudah berhenti bekerja, dia tidak benarkan bawa keluar sehingga umur tertentu.

■ 1100

Sekarang ini di Singapura, langsung tidak ada caruman langsung oleh pekerja-pekerja asing. Dia tak terima lagi dah, dulu dia terima dan tak boleh bawa keluar sehingga cukup umur. Maknanya keluar sampai 10 tahun kemudian, barulah boleh dikeluarkan duit itu. Jadi dalam hal ini, Malaysia amat prihatin Tuan Pengerusi. Boleh saya sambung Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, ya sambung.

Fasal-fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL
DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2007**

Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga

11.02 pagi

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ataupun LHDN telah ditubuhkan sebagai sebuah pertubuhan perbadanan di bawah seksyen 3 - Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533] yang berkuat kuasa pada 16 Februari 1995. Namun begitu, sehingga tarikh ini Lembaga Hasil Dalam Negeri masih lagi menerima pakai Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dalam urusan tindakan tatatertib bagi pegawai dan kakitangan LHDN dan ini adalah selaras dengan subseksyen 15(3) [Akta 533] yang berbunyi seperti berikut; 15(3), *“Sehingga suatu masa yang terma dan syarat perkhidmatan termasuklah perlakuan dan tatatertib pkerjanya dirangka oleh lembaga, skim dan terma dan syarat perkhidmatan termasuklah perlakuan dan tatatertib pekerja kerajaan hendaklah terpakai, seterusnya mutatis mutandis kepada tiap-tiap orang yang diguna khidmat oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).”*

Seterusnya Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan berkuat kuasa pada 31 Ogos 2000 tidak terpakai lagi bagi LHDN. Ini adalah kerana LHDN tersenarai di dalam Jadual Pertama sebagai salah sebuah badan berkanun yang dikecualikan daripada pemakaian Akta 605 tersebut seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 2(1). Namun begitu, subseksyen 2(2) pula mengehendaki peruntukan tatatertib yang terpakai bagi pegawai badan berkanun seperti LHDN menepati peruntukan dalam Akta 205 iaitu seberapa yang boleh dibenarkan oleh undang-undang perbadanannya. Subseksyen 2(1) dan subseksyen 2(2) [Akta 605] memperuntukkan seperi berikut; 2(1), Akta ini hendaklah dia terpakai bagi semua badan berkanun kecuali badan berkanun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama.

Seksyen 2(2), walau apa pun subseksyen (1), badan berkanun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama hendaklah memastikan bahawa peruntukan-peruntukan tatatertib yang terpakai bagi pegawainya menepati peruntukan-peruntukan dalam peraturan-peraturan ini seberapa boleh yang dibenarkan oleh undang-undang perbadanannya dan sistem pengurusan dan saraannya.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan subseksyen 15(3), [Akta 533], peruntukan perundangan mengenai tatatertib yang terpakai bagi pegawai-pegawai awam adalah terpakai bagi pegawai dan kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri sehingga dibuat suatu perundangan mengenai pengurusan tatatertibnya sendiri. Oleh itu, untuk membolehkan dibuat peruntukan

yang komprehensif dan menyeluruh mengenai tata tertib dalam Akta 533 serta bagi melaksanakan maksud subseksyen 2(2), [Akta 605] tersebut di atas, maka adalah perlu Akta 533 dipinda dengan memasukkan beberapa peruntukkan berkaitan dengan tata tertib. Pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini akan membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri menggubal peraturan-peraturan berkaitan tata tertib untuk menguruskan tindakan tata tertib pegawai dan kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain isu-isu berhubung dengan integriti anggota perkhidmatan awam, semakin menarik perhatian umum yang mewajarkan LHDN mempunyai peraturan-peraturan berkaitan tata tertib yang komprehensif khusus untuk kakitangan dan pegawainya. Adalah juga wajar LHDN tidak lagi bergantung pada peraturan-peraturan tata tertib yang terpakai bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam setelah hampir 11 tahun diperbadankan. Pindaan kepada Akta 533 juga akan dapat meningkatkan lagi kecekapan pengurusan tata tertib Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Seterusnya pihak LHDN juga ingin memperuntukkan pemberian elaun kepada anggota mana-mana jawatankuasa Lembaga memandangkan pelantikan anggota tersebut adalah juga akan melibatkan ahli-ahli yang berpengalaman dari luar. Anggota yang dilantik tersebut adalah daripada kalangan orang-orang yang berkedudukan atau berpengalaman dalam perkara kewangan, komersial, percukaian atau undang-undang. Oleh itu, pindaan kepada Akta 533 ini akan melibatkan sedikit peningkatan kos belanja mengurus LHDN bagi tujuan pembayaran elaun anggota mana-mana jawatankuasa Lembaga bagi setiap kali mesyuarat dan yang kadarnya tertakluk kepada kelulusan menteri. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Rang undang-undang ini mengandungi lima Fasal secara terperinci Rang undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995, memperuntukkan seperti berikut;

Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa peruntukkan dalam rang undang-undang melalui warta.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 12, Akta 533 untuk memasukkan subseksyen baru 7 yang mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun kepada anggota-anggota mana-mana jawatankuasa Lembaga. Pindaan ini membolehkan bayaran elaun diberikan kepada ahli jawatankuasa yang dilantik khususnya dalam keadaan di mana ahli-ahli tersebut merupakan mereka yang berpengalaman dari pihak luar. Elaun ini hanya diberikan tertakluk kepada kelulusan Yang Berhormat Menteri.

Fasal 3 bertujuan untuk menggantikan seksyen 18 [Akta 533] bagi memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kawalan tata tertib ke atas pekerja-pekerjanya dan diberikan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tata tertib. LHDN

memerlukan suatu peraturan tatatertibnya sendiri bagi mengelakkan sebarang kekeliruan di dalam mengaplikasikan peraturan-peraturan yang diguna pakai pada masa sekarang.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen 18A, 18B, 18C, 18D, 18E, 18F, dan 18G ke dalam Akta 533. Penubuhan Jawatankuasa Tatatertib bagi kategori berlainan, pekerja, Lembaga dan berkenaan dengan ketua pegawai eksekutif diperkatakan masing-masing dalam seksyen 18A dan 18B. Penubuhan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib diperuntukkan dalam Seksyen 18C. Seksyen 18D dan 18E bertujuan untuk memberi lembaga kuasa untuk menamatkan perkhidmatan seseorang jika dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kerja, kelakuan dan kebergunaan pekerja-pekerja itu. Lembaga berpuas hati bahawa adalah wajar perkhidmatan pekerja itu ditamatkan demi kepentingan awam. Penamatan sedemikian bukanlah pembuangan kerja sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 18G.

Seksyen 18F menghendaki Lembaga memberi pekerja yang perkhidmatannya hendak ditamatkan olehnya demi kepentingan awam peluang untuk didengar. Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 20, akta yang menyatakan suatu alasan bagi penggunaan surcaj ke atas pekerja dan bekas pekerja Lembaga. Saya dengan ini mohon supaya rang undang-undang ini, Rang undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Pindaan 2007 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Yang Berhormat bagi Jasin.

11.10 pagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk berbahas tentang Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri (Pindaan) 2007 dengan memulakan, mengucapkan tahniah kepada Lembaga kerana pada tahun sudah telah berjaya mengutip hasil lebih dengan kenaikan 15.6 peratus kepada RM65.7 bilion. Ini adalah satu kerja yang amat kita kagumi dan saya penuh yakin dan percaya dengan pindaan Perlembagaan Rang Undang-undang ini apatah lagi melibatkan tatatertib dan sebagainya memang sesuai masa dan ketikanya, supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri ini tidak mengikut *government procedures* dengan izin. Dia ada Lembaga Tatatertib dia sendiri, kerana dengan ini dapat menaikkan semangat pekerja-pekerja Lembaga ini.

Kita berharap juga Lembaga ini dapat mengambil ataupun menarik lagi minat lebih banyak lagi profesional-profesional untuk bekerja dengan Lembaga ini. Ini kerana saya penuh yakin dan percaya dengan keadaan ekonomi negara pada hari ini. Saya yakin, sekiranya

Lembaga ini mempunyai lebih ramai lagi kakitangan profesional, yang berwibawa. Akhirnya pula saya penuh yakin Lembaga akan mengutip lebih banyak lagi hasil untuk negara dan dengan kewangan negara ini kita dapat membangunkan negara kita dengan lebih maju.

Oleh demikian saya berharap supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri ini kalau boleh diperbesarkan lagi. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat walaupun kita ada *e-filing*, masih lagi majikan-majikan ataupun orang-orang perseorangan masih memerlukan pertolongan daripada pihak Lembaga untuk kita membayar *income tax* dan untuk kita kemukakan pendapatan kita. Tetapi hari ini kalau kita lihat di Lembaga hasil Dalam Negeri di peringkat negeri saya lihat di Melaka, kadangkala orang yang sudah datang untuk berurusan dengan Lembaga ini terpaksa menunggu 1 jam, 2 jam. Tidak cukup tempat.

Kita berharap dengan adanya penambahan kakitangan untuk melayan orang-orang yang akan membayar cukai ini membuatkan orang-orang membayar cukai ini seronok. Kerana kita lihat kadang-kadang itulah sebabnya sebagai contoh pada akhir bulan sudah apabila minggu yang terakhir untuk mengemukakan penyata, kita lihat tiap-tiap Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri ini penuh orang. Kadang-kadang rakyat Malaysia ini pun kita pelik juga Tuan Yang di-Pertua. Dia *take it easy*, dengan izin. Dia akan menunggu minggu yang terakhir, barulah terpusu-pusu di pejabat lembaga. Kerana dia kata kadang-kadang kalau pergi dekat Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri ini kita hendak tunggu 2, 3 jam jadi membuatkan orang-orang ini tidak tertarik untuk datang awal.

Kalau pihak Lembaga ini bergerak dengan cara lebih profesional kerana ini adalah pelanggan dia. Kalau kita datang ke pejabat dia, kemungkinan disediakan air dan sebagainya, membuatkan orang menunggu pun rasa seronok. Ini kita datang hendak membayar cukai. Kita datang hendak memberi duit kepada dia, tetapi akhirnya kita yang sengsara. Duduk menunggu nombor dan sebagainya membuatkan orang itu pun oleh sebab terlalu *fed-up*, balik. Lepas itu terlupa. Bila dapat kenyataan bahawa kerajaan Lembaga Hasil Dalam Negeri akan *finalise* orang yang lambat mengemukakan penyata dia, akhirnya masing-masing tumpu hingga ke *last minute*. Sila.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasmin dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan e-filing yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Jasmin saya amat tertarik apabila kita cuba untuk memudahkan kerja-kerja LHDN dengan mengisi borang e-filing ini. Rupa-rupanya dia terpaksa pergi ke pejabat LHDN untuk kita mengambil macam kita kata nombor PIN lah untuk mendapatkan kod dan mengisi e-filing tersebut.

Ini merupakan salah satu lagi bebanan masa yang terpaksa kita tunggu sebelum mendapat nombor giliran untuk mendapat nombor pin tersebut. Jadi, apa pandangan ataupun bersetuju kah Yang Berhormat supaya LHDN ini lebih memudahkan lagi SMS ke atau dengan

cara lain, telefon ke untuk kita lebih mudah mendapat tanpa menunggu terlalu lama di pejabat LHDN tersebut?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pendang. Memang kadangkala dia serupa macam EPF yang kita cakap tadi. Dia hanya hendak menunggu daripada kita baru dia hendak bagi nombor PIN dan sebagainya tetapi mengapa tidak buat kepada bank, kepada tiap-tiap orang yang mempunyai fail dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini. Hanya hantar surat sahaja. Macam kita dapat *credit card* dan sebagainya yang mana bank menghubungi kita memberi kita nombor PIN. Ini tidak. Kita kena pergi Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri ini berkali-kali. Yang pertama hendak mendapatkan nombor PIN sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pendang tadi. Selepas itu barulah membolehkan kita e-filing.

Saya rasa sudah sampai masa dan ketikanya, Lembaga Hasil Dalam Negeri mesti proaktif. Bukan orang datang kepada kita, kita mencari orang. Saya penuh yakin dan percaya kalau *approach* ini yang dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, saya penuh yakin dan percaya pada tahun akan datang bukan sahaja tahun ini pencapaian 15 peratus, tetapi lebih daripada itu boleh dicapai. Kalau ini dapat hasil untuk kerajaan, saya kira Dewan yang mulia ini pun setuju dan kerajaan tidak akan ragu-ragu sekiranya dalam rang undang-undang ada menyebutkan hendak bagi keistimewaan kepada Ahli Lembaga, kakitangan bonus dan sebagainya. Tidak ada apa, boleh kita bagi sekiranya *performance* Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dapat meningkatkan lagi hasil untuk negara ini.

Sekian sahaja terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ..Dan saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

11.37 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan singkat kerana kita tunggu antipemerdagangan orang...

Tuan Yang di-Pertua: Ya

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sebenarnya LHDN ini, akta yang terlibatnya ada enam kalau tidak silap saya. Iaitu adakah dengan pindaan ke atas Akta LHDN ini ada perkara-perkara yang berbangkit akan dipinda di dalam Akta Cukai Pendapatan, Akta Petroleum Cukai Pendapatan, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, Akta Penggalakan Pelaburan, Akta Setem dan Akta Cukai Aktiviti Luar Pesisir Labuan dan sebagainya. Kita ada enam akta lagi yang di bawah LHDN. Itulah tadi kita ada dengar Yang Berhormat bagi Jasin yang berminat dengan hasil...[Ketawa] Kita pun berharaplah LHDN dapat mempertingkatkan cara-cara untuk kutipannya kerana dia bukan sahaja di e-filing tadi yang disebutkan, ada e-hasil, e-bayaran dan e-taksiran

pula. Dia bukan sahaja kita berharap akan kita dapat hasil RM60 bilion bahkan juga dengan kerjasama semua orang kita dapat lebih kepada itu mungkin RM65 bilion, RM70 bilion.

Di sini saya hendak menekankan bahawa kita nampak beberapa minggu yang lepas orang yang berpusu-pusu termasuk Yang Berhormat bagi Arau untuk membayar hasil... *[Ketawa]* Online kah? Dia *online* kan. Berpusu-pusu, berbaris-baris, untuk...*[Disampuk]* Tak faham?

Seorang Ahli: Tak faham...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh, orang Kelantan...! Oh, orang Kelantan pun tak tahu, guano ni!?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tumpukan pada perbahasan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Kepada maksud yang... Kalau tidak pun bacalah itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bacalah yang itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, tidak, bukan. Kita ini mengenai rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, sebab saya tak dapat itu. Hilang ke mana itu... *[Ketawa]*.

Seorang ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...*[Ketawa]* Bukan pusing, ini memang tepat.

■ 1120

Yang pertama itu ada disebutkan mengenai bayaran elaun kepada ahli-ahli jawatankuasa untuk lembaga. Boleh Yang Berhormat sebutkan di sini berapa jawatankuasa di dalam LHDN yang di bawah pindaan rang undang-undang ini, sama ada satu jawatankuasa sahaja dan bilangan ahli keanggotaannya di dalam jawatankuasa itu dan juga rasional untuk mengadakan, memperuntukkan skim *remuneration* yang lebih adil kepada anggota-anggota lembaga.

Setakat ini, apakah skim yang digunakan bagi mereka semua? Ini kerana kita perlu bagi *remuneration* yang berpatutan. Ini kerana kita mahu mereka menjalankan tugas yang lebih berkesan, yang tepat, yang beramanah, itu memang kita mesti bayar dengan baik. Cuma saya berharap Yang Berhormat boleh memastikan semua kakitangan dengan skim *remuneration* yang adil ini, semua dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik. Yang penting sekali, saya menekankan bahawa kita mesti ada bersikap mesra sedikit. Mesra kepada semua pembayar cukai.

Kadangkala kita nampak sikap itu tidak begitu elok. Bahkan juga di semua cawangan di seluruh negara, bukan sahaja kita mahu mereka mempunyai sikap mesra yang cukup bahkan

juga birokrasi itu dikurangkan. Tambah pula, termasuk Yang Berhormat bagi Arau itu dia *e-online* pula sekarang dan kalau *online* dengan 'e' semua ini kita mestilah memastikan berfungsi dengan baik. Kadangkala saya sendiri ada masuk ke dalam laman web dan sebagainya hari ini kita dapat dengan cepat. Mujurlah kalau tidak saya kena buat teguran pula.

LHDN sekarang ada di depan saya, cepat juga ini... [*Merujuk kepada komputer di hadapannya*] Walau bagaimanapun kadangkala ada lewat. Tidak taulah kerana di dalam sistem *e-filing* dan 'e' semua elektronik kita ini, di Malaysia, pentadbiran Malaysia dengan kakitangan 1.2 juta orang ini yang akan naikkan gaji pula perlu kita selaraskan gaji kita kerana 15 tahun tidak diselaraskan. Kita pun menggalakkan.

Walaupun bagaimanapun, selepas mendapat gaji, selepas mendapat *remuneration* yang lebih adil ini kita berharap semua laman web, semua *online* kita ini dipertingkatkan. Tambah juga dengan telefon. Kita mendapat nombor. Saya hampir tiap-tiap hari, tiap-tiap minggu saya ada telefon, apabila kita telefon macam mana dia kata, operator itu sibuk. Kalau boleh tekankan nombor sambungan pula, kalau tidak tekan sifar, '0'. Apabila kita tekan sifar, '0' itu, mesin yang jawab. Dia jawab, sedang sibuk kemudian dia mati, semua senyap. Kita telefon lagi, dia berulang dengan mesin itu.

Kalau kita tambahkan *remuneration*, naikkan gaji dan gunakan mesin semata-mata, tidak payahlah itu. Takkan semua sibuk sepanjang hari. Kalau sibuk beberapa minit, kita letak mesin, saya pun boleh maafkan itu tetapi tidak bolehlah setengah jam selepas itu pun dia sibuk juga. Sejam selepas itu dia sibuk juga. Habis macam mana, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak berfungsi sekarang. Sambil kita menggalakkan kenaikan gaji, memperbaiki *remuneration* dan sebagainya, kita pun hendak menyeru supaya prestasi itu dipertingkatkan.

Supaya hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memperbaiki sistem penyampaian itu dapat dicapai. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, saya nampak apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia kata dia hendak mempertingkatkan keberkesanan, dia hendak mempertingkatkan integrasi keamanahan dan sebagainya tetapi saya dengarnya yang ikut tidak ramai... [*Disampuk*] Macam mana pula. Saya ini hendak bantu Yang Amat Berhormat. Jangan kacau sangat. Hendak membantu. Kita hendak bekerjasama supaya sistem *e-filing* LHDN ini dapat dipertingkatkan secukupnya dengan hasrat kita hendak mencapai tahap dunia. Kalau hendak capai tahap dunia kita mestilah mempertingkatkan semua yang saya sebutkan. Bukan sahaja kita dengar-dengar teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kemudian kita lupa sama sekali.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [*Bangun*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya pun hairan juga....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hendak tolong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?... [*Ketawa*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya sejak *e-filing* telah diperkenalkan, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah berjaya meng'*isolate*'kan proses kutipan dan cara Yang Berhormat berbahas seolah-olah kemajuan itu tidak begitu ketara. Saya rasa ini satu pandangan yang tidak betul, saya rasa mereka telah mengalih pandangan daripada ...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Nanti dahulu. Mereka telah mengalih pandangan daripada duduk dalam pejabat tetapi sekarang pergi ke akar umbi untuk memastikan bahawa kutipan cukai itu dapat diperkasakan. Saya rasa ini adalah peralihan daripada cara tradisional dan ini harus digalakkan dan dipuji. Apa pandangan? Jangan kutuk sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang baik kita mesti puji tetapi kalau kita telefon, cuba telefon semua jabatan-jabatan kerajaan sekarang. Apabila keluar kita cuba telefon. Saya hendak tengok macam mana. Saya pun hairan. Cuba telefon Jabatan Hal ehwal Dalam Negara, dia akan cakap dalam negeri tetapi sebut benar dalam negara. Berapa kali saya sudah cuba tetapi dia ada mesin. Itulah masalah, saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberitahu LHDN jangan kita gunakan mesin dengan kerap sangat. Berpatutannya.

Semua ahli di dalam LHDN mesti mengambil kira, mengambil perhatian mengenai cadangan ini. Seterusnya mengenai seksyen 18(1), (2), (3), (a), (b), mengenai peraturan-peraturan tata tertib dan hukuman. Banyaklah mengenai *for future* emolumen dan sebagainya. Apakah rasional sekarang sebab LHDN dinaikkan ke taraf lembaga sejak 1997 kalau tidak silap saya, 10 tahun sudah itu. Baru sahaja kita insaf bahawa mesti ada peraturan tata tertib. Seolah-olah itulah yang disebutkan di sini.

■ 1130

Saya berharap kita ada jawapan dan ini mengenai tahap penalti itu, *severity of disciplinary punishments*. Di sini saya percaya memang kita perlu sebab kebanyakan pindaan ini mengenai disiplin tata tertib. Seolah-olah di dalam LHDN sekarang masalah tata tertib itu sangat dahsyat sekali. Sepuluh tahun kemudian kita adakan tata tertib sebelum ini kita tidak ada.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, semua itu mengenai tata tertib dan mungkinlah itu cara untuk mempertingkatkan integriti. Mengenai Jawatankuasa Tata tertib kita ini, di dalam fasal 4 memang ada disebutkan mengenai keanggotaan Jawatankuasa Tata tertib dan juga mengenai kuasa yang diberi kepada jawatankuasa itu, saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan dengan lebih teliti kerana di dalam rang undang-undang ini tidak begitu jelas mengenai komposisi jawatankuasa disiplin dan juga kuasa-kuasa yang diberi kepadanya.

Di sini bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat yang ditubuhkan sebagai lembaga berapa kakitangan yang sudah dipecat atau dihukum dengan berat. Kita perlukan satu LHDN yang penuh berdisiplin dan dedikasi untuk mengutip berbilion-bilion ringgit dan juga untuk

menambahbaikkan keyakinan pembayar cukai kepada lembaganya. Di sini memang kita perlukan satu kaedah untuk menamatkan keanggotaan sesiapa sahaja yang tidak berdisiplin.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Akhir sekali mengenai fasal 5 iaitu mengenai pungutan. Menggunakan wang yang terhutang kepada Lembaga. Di sini saya kurang faham apa yang digunakan misalnya itu di seksyen 20:

“Did not or has failed to collect any money owing to the Board the collection of which he was or is responsible”; dan

“The pre ‘resituate’ for the imposition of a surcharge on employees and former employees of the Board”.

Surcaj ini adalah meliputi kegagalan untuk memungut wang secara sah yang terhutang kepada lembaga dan juga motivasi untuk menjalankan tanggungjawabnya di dalam tugas. Mungkin inilah satu penalti ke atas anggota-anggotanya di dalam LHDN supaya mereka benar-benar menjalankan tugasnya. Dengan ini saya berharap selepas kita ada *remuneration* yang baik, selepas kita ada Lembaga Tatatertib yang berkesan, LHDN akan memainkan peranan yang lebih berkesan untuk mengutip lebih banyak hasil bagi rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

11.35 pagi

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terlibat sama dalam meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 ini. Saya menarik perhatian berhubung dengan pindaan seksyen 12 iaitu tentang butiran (7) di mana anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun daripada wang Lembaga sebagaimana yang ditentukan. Kita boleh menyokong ini sebab setiap pegawai yang telah menyempurnakan tugas yang baik harus diberi imbuhan-imbuhan tertentu dan dengan imbuhan ini barangkali ia merupakan satu motivasi kepada petugas-petugas dan pekerja untuk terus melaksanakan dan menunjukkan prestasi yang lebih baik. Ini adalah merupakan sesuatu tindakan yang positif.

Namun saya hendak menyebut di sini prasyarat kepada kejayaan kutipan ataupun pulangan dan prestasi yang baik itu bergantung pada tiga perkara utama yang harus disemak oleh pihak LHDN.

Yang pertamanya adalah dari segi produk ataupun hasrat ataupun harapan LHDN sendiri. Barangkali LHDN ada menetapkan *target-target* tertentu, kutipan dan juga pelbagai macam aktiviti-aktiviti yang hendak dilakukan, hasrat dan harapannya itu.

Yang keduanya adalah dari segi sistem yang diwujudkan untuk memastikan ia benar-benar berkesan, untuk memastikan objektif operasi LHDN ini dapat dicapai. Sistem ini ada berbagai macam yang telah dilaksanakan sekarang ini sama ada sistem itu bersifat elektronik ataupun bersifat manual. Sejauh manakah sistem-sistem ataupun instalasi sistem telah wujud di LHDN ini wujud dan benar-benar apa yang disebut sebagai *customer friendly* ertinya mesra kepada pelanggan.

Yang ketiga yang perlu diberikan perhatian juga ialah dari segi *manpower training, the human resourcenya*. Apakah seluruh jentera tenaga pekerja di LHDN ini benar-benar mendapat latihan.

Saya kira ini adalah merupakan tiga faktor utama yang perlu diberi perhatian dalam konteks kita memberi apa-apa elaun itu iaitu pertamanya, kepastian dari segi objektifnya, kepastian dari matlamatnya itu supaya dapat disedari dan dikongsi bersama supaya *vision* yang hendak dicapai oleh LHDN ini dikongsi oleh semua warga kerja LHDN itu sendiri.

Kedua ialah dari segi sistem yang telah di *install* itu, apakah ia benar-benar *friendly*, mesra kepada pelanggan. Contohnya baru-baru ini ada satu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh pihak LHDN sendiri untuk memastikan *e-filing* itu disempurnakan, dijalankan dengan sebaik mungkin. Adakah *e-filing* ini benar-benar mesra kepada pelanggannya - ada rungutan-rungutan tertentu. Dalam konteks ini saya kira sistem ini juga harus dilihat sebagai sesuatu yang boleh memberi kesan yang baik.

Ketiga, yang paling penting dalam konteks memberi imbuhan yang berbaloi itu adalah latihan-latihan agar setiap warga kerja LHDN ini benar-benar terlatih agar mereka dapat mengoperasikan sistem yang wujud dalam konteks *e-filing* yang sekarang ini amat popular dan kadang-kadang ada sesetengah pihak juga berdepan dengan masalah-masalah tidak *accessible* - *accessibility*, dan juga sejauh manakah warga kerja LHDN ini diberi latihan untuk benar-benar mereka dapat melaksanakan dengan sebaik mungkin.

Maka ini adalah merupakan perkara-perkara yang harus diberi perhatian dalam konteks pemberian dan pembayaran elaun daripada wang lembaga seperti mana yang telah ditentukan yang akan dipinda di bawah pindaan seksyen 12 ini.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan di sini ialah dari segi tindakan-tindakan dari segi tata tertib iaitu berhubung dengan tata tertib seksyen 18. Di sini telah disenaraikan beberapa perkara yang boleh diambil tindakan ataupun peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini. Di sini saya ingin sebut bahawa tindakan-tindakan yang dibuat itu haruslah yang bersifat, pertamanya bersifat mencegah, *cohesive*. ertinya cegahan-cegahan secara tegas seperti mana tindakan-tindakan penguasaan kerja.

■ 1140

Perkara yang kedua di sini apakah bentuk pulangan apabila seseorang petugas dan pekerja menyempurnakan kerjanya sebaik mungkin dan di sini saya setuju tadi ada elaun-elaun

tertentu diberi ada imbuhan-imbuhan. Ertinya ada utilitarian ertinya *benefit* ada di situ tetapi satu lagi yang perlu ditegaskan juga yang perlu di*install* ataupun disediakan di bawah tata tertib ini iaitu faktor-faktor *normativenya* iaitu penyemaian nilai kerja dari segi integritinya, dari segi keikhlasannya, dari segi kemesraannya.

Ini adalah merupakan elemen-elemen nilai yang perlu disemaikan di kalangan para petugas di sini. Maka dalam konteks ini yang saya lihat tersenarai ini adalah merupakan sesuatu yang saya kira bersifat *cohesive* ataupun bersifat ketegasan, yang bersifat tekanan-tekanan - *punitive*, tetapi dalam masa yang sama juga di sini ada aspek keuntungan kebendaan dari segi *utilitariannya* ada iaitu kesan-kesan dapat diperoleh. Contohnya di sini ialah elaun-elaunnya.

Satu faktor yang saya tidak kelihatan di sini ialah dari segi normatifnya iaitu penyemaian nilai, penyemaian keikhlasan, *honesty*. Ini adalah merupakan suatu dimensi yang saya kira harus diterapkan dalam kita memantapkan sistem dan juga memastikan tata tertib warga kerja LHDN dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Akhir sekali saya ingin menyebut di sini ialah tentang Lembaga Rayuan Tata tertib. Di sini kita telah mewujudkan... Saya lihat apa yang wujud di sini ialah seperti mana yang terdapat dalam agensi-agensi kerajaan yang lain. Ini adalah merupakan prosedur yang normal yang biasa terdapat dalam mana-mana Lembaga Rayuan Tata tertib di peringkat kerajaan. Saya kira sebagai satu organisasi yang sekarang ini lebih bersifat perbadanan ataupun menuju ke arah korporat, saya kira tata tertib yang harus digubal itu harus sesuai juga dengan konsep korporatnya yakni *elimination* iaitu pembuangan. *Elimination* ataupun dia terpaksa melalui satu proses *reduction* ertinya pengurangan dari segi pendapatan gaji ataupun kita perlu juga memberi ganjaran dalam bentuk *increase* dari segi kerja buat mereka itu. Harus kita galakkan dari segi kreativiti, *to create* atau membina untuk mencipta ataupun untuk mencadangkan satu rangka kerja yang baru.

Maka dalam konteks ini saya kira Lembaga Rayuan Tata tertib ataupun penguatkuasaan tata tertib itu harus juga melihat daripada pelbagai dimensi. Saya ingin mencadangkan supaya pendekatannya adalah pendekatan hari holistik. Pendekatan yang secara bersepadu, pendekatan yang secara menyeluruh bukan hanya bersifat punitif semata-mata tetapi ada juga aspek-aspek yang meraikan emosi, yang meraikan perasaan, yang menekankan kepada aspek pembinaan sahsiah, pembinaan nilai dalam warga kerja LHDN dalam usaha mereka menambahbaikkan tugas dan menyempurnakan tugas dalam usaha dan wawasan LHDN untuk memastikan kutipan hasil dalam negara kita ini terus bertambah.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tumpat.

11.43 pg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bercakap ringkas sahaja tentang cadangan rang undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya rujuk khusus kepada soal tata tertib di mana sebagaimana yang

dicadangkan fasal 18(2) bercadang untuk memberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib pekerjaannya.

Saya ingin membawa perhatian Dewan kepada apa yang berlaku di pentas dunia hari ini khususnya kes yang melibatkan Presiden Bank Dunia, Paul Wolfowitz. Beliau dalam beberapa minggu ini kita membaca laporan-laporan sedang diperhatikan dan sedang dibicarakan oleh Lembaga Pengarah Bank Dunia akibat daripada tindakan beliau didapati telah menaikkan pangkat, memindahkan ke jawatan yang lumayan kepada kekasih beliau seorang wanita yang dikatakan keturunan Libya dengan memberikan imbuhan yang lebih daripada yang diperoleh oleh Setiausaha Negara Amerika, Condoleeza Rice sendiri dalam sistem struktur penggajian ataupun emolumen ataupun imbuhan yang diadakan di negara Amerika Syarikat tersebut.

Hubungannya dengan tajuk kita ini ialah bagaimana ataupun adakah lembaga bercadang untuk memastikan ada dari segi peraturan-peraturannya yang mewajibkan supaya pekerja-pekerja yang ada hubungan keluarga tidak diletakkan dalam jabatan ataupun pejabat yang sama di bawah lembaga ini. Ini ialah untuk mengelakkan apa yang kita dengar seperti yang telah saya sebutkan berlaku di dalam kes Bank Dunia yang melibatkan presidennya sendiri dengan kekasih beliau itu.

Ini untuk mengelakkan daripada budaya Asia kita yang mulia iaitu untuk menjaga dan memastikan hubungan erat antara keluarga kita ini. Saya ingin bertanya dan berharap bahawa kerajaan akan menetapkan supaya kes-kes di mana pegawai-pegawai yang ada hubungan keluarga tidak diletakkan dalam satu jabatan ataupun pejabat yang sama kerana ini boleh mengakibatkan ada unsur-unsur pilih kasih dan sebagainya.

Begitu juga berkaitan dengan kes-kes kerja jabatan ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri ini yang mana pegawai-pegawai berkenaan ditugaskan untuk berurusan atau mengendalikan kes-kes hasil di kalangan yang sekali lagi melibatkan keluarga beliau, misalnya pegawai itu daripada Tumpat ke maka dia seharusnya dia tidak ditempatkan di Kelantan yang mungkin melibatkan beliau terpaksa berurusan dengan keluarganya di Tumpat ataupun contoh-contoh yang seperti itu.

Ini sekali lagi berasaskan kepada kebimbangan kita bahawa mungkin akan wujud ketidakadilan atau pilih kasih jika ia melibatkan keluarga tersendiri dan ini menyulitkan pegawai-pegawai yang jujur dan ikhlas sekalipun untuk mengelakkan daripada sekurang-kurangnya tidak dituduh sebagai melakukan perbuatan yang tidak adil dan salah dan menyalahi peraturan tata tertib lembaga ini. Ini saya sebutkan dan tegaskan kerana kita melihat contoh-contoh kecenderungan kita untuk menguntungkan dan memberikan sedikit kelebihan, keutamaan kepada keluarga kita berlaku.

Misalnya Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri telah terpaksa terbang ke Melbourne, Australia untuk merasmikan pameran kebaya di

Muzium Imigresen di Melbourne itu. Ini saya fikir sekali lagi kita tidak menafikan dan amat bersimpati dengan ingatan beliau terhadap bekas isterinya yang telah meninggalkan kita dan minat bekas isterinya dalam bidang fesyen kebaya ini, tetapi untuk Perdana Menteri pergi ke Melbourne dalam suatu muzium yang kecil sahaja iaitu Muzium Imigresen dan yang mewakili Kerajaan Australia mengikut laporannya isteri Perdana Menteri. Kalau John Howard sendiri bersama, itu suatu penghormatan.

Dalam gambarnya yang kita lihat anak Yang Amat Berhormat dengan pengarah muzium imigresen itu sendiri. Ini yang saya bimbangkan kecenderungan dan penghormatan kita kepada keluarga kita sudah tentu kita terima dan kita iktiraf tetapi jangan sekali-kali ianya menjatuhkan maruah kita sebagai manusia, maruah kita sebagai pemimpin negara dan sebagainya. Saya fikir ini perlu dan saya pohon diambil kira oleh kementerian dalam melaksanakan peraturan dan tata tertib ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pendang. Lepas itu kementerian menjawab.

11.49 pagi

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh beberapa perkara berhubung dengan LHDN ini walau pun ia membincangkan berhubung dengan pembayaran elaun dan tata tertib, tetapi beberapa perkara perlulah kita fikirkan berhubung dengan LHDN ini kerana ia melibatkan pegawai-pegawai yang bertugas dan memberi khidmat kepada pembayar-pembayar cukai.

Yang pertamanya tentang pembayaran lebih, walau pun telah dijanjikan oleh LHDN bahawasanya mereka akan memberikan pembayaran semula bayaran lebih ini kepada pembayar cukai dengan masa yang begitu cepat dan kadar waktu yang segera tetapi kita dapati masih lagi wujud pembayar-pembayar cukai yang membayar lebih tetapi tidak mendapat pulangan pembayaran lebih ini dalam masa yang ditetapkan. Saya harap LHDN memberi perhatian terhadap perkara tersebut.

Keduanya tentang pembayaran kurang pula. Walau pun mereka ini atau pembayar cukai ini didenda terhadap pembayaran cukai yang kurang ataupun yang lambat tetapi pemberitahuan terhadap kekurangan cukai yang dibayar itu terlalu lambat.

■ 1150

Kalau kita lihat, banyak jabatan kerajaan seperti KWSP misalnya mereka boleh beritahu tentang kekurangan pembayaran itu dengan kadar yang segera. Misalnya bulan hadapan dia sudah beritahu bahawasanya kita terlambat bayar tapi bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri ini saya rasa tidaklah perlu dia tunggu sampai lima atau pun enam tahun kerana ini melibatkan faedah yang terpaksa kita tambah terhadap kekurangan pembayar cukai tersebut. Kalau sekiranya tahun depan atau pun dua tahun selepas itu diberitahu bahawasanya cukai anda telah kekurangan pembayaran dia, bolehlah kita bayar dengan segera tetapi kalau sampai lima tahun, enam tahu

baru dia beritahu maknanya dengan tambah kadar faedah yang terpaksa kita bayar mungkin ini akan membebankan pembayar-pembayar cukai tersebut. Ini terpaksa dia menambah bajet untuk cukai tersebut.

Yang ketiganya tentang pembayar-pembayar cukai yang menggunakan khidmat akauntan. Ini saya rasa perlu juga beri perhatian oleh LHDN kerana kadang-kadang kelewatan kita menghantar borang atau pun membayar cukai disebabkan oleh kerenah yang ditunjukkan atau pun yang diamalkan oleh akauntan itu sendiri. Jadi, takkanlah kerana kelewatan disebabkan oleh akauntan, maka pembayar cukai terpaksa pula menanggung bebanan yang disebabkan oleh akauntan tersebut.

Kemudian yang keempat seperti mana yang telah saya mencelah terhadap Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Saya pun merasa sesuatu yang perlu dilakukan oleh LHDN tentang *e-filing* ini. Walaupun ia memudahkan, ia mempercepatkan dan ia memberikan satu kesenangan kepada kita tetapi apakah dengan adanya kerenah-kerenah birokrasi pada pejabat LHDN itu sendiri kita terpaksa pergi menunggu untuk mengambil nombor untuk mendapat nombor pin ini. Ini lebih menyusahkan orang-orang yang menggunakan *e-filing* atau pun *internet filing* ini. Dan juga adakah kita dibenarkan membayar cukai menggunakan *internet* juga seperti mana yang dilakukan oleh bank-bank misalnya PTPTN, kita boleh menggunakan *internet* terus untuk membayar hutang dengan PTPTN.

Seterusnya tentang pejabat-pejabat LHDN yang menggunakan *answering machine*. Di sini kita membicarakan tentang elaun dan tatatertib tapi kalau sekiranya mesin-mesin yang menjawab, apakah mesin-mesin ini boleh diberikan elaun atau pun dikenakan tindakan tatatertib kerana sampai setengah jam kita menunggu tapi mesin itu kata, "Pegawai sedang sibuk, kena tunggu". Saya rasa kalau mesin boleh dikenakan tatatertib, boleh juga tapi ini mesin tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan. Jadi saya rasa inilah perlu diberikan perhatian oleh LHDN supaya pembayar-pembayar cukai berasa senang hati apabila ia membayar cukai. Apa yang dia beri kepada LHDN ini dia mendapat pulangan yang cukup memuaskan hati dia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

11.53 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih banyak kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian sama ada secara perbahasan atau pun secara mencelah, saya berterima kasih di atas pandangan-pandangan mereka yang bernas yang saya ingat saya kira boleh diterima pakai oleh pihak EPF.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan jawatankuasa atau lembaga tatatertib yang perlu diwujudkan oleh KWSP, ini memandangkan jumlah pekerja KWSP sudah hampir

10,000 - 9,937 orang sudah hampir 10,000 dan... Minta maaf ini Lembaga Hasil. Lembaga Hasil ini sudah peringkat hampir 10,000 pekerja tetapi kalau kita lihat kesnya masih lagilah amat kecil kalau banding dengan jumlah pekerja. Contohnya pada tahun 2005 – 28 kes, 2006 – 52 kes dan 2007 setakat ini 37 kes. Mungkin nampaknya *up trend* lah Tuan Yang di-Pertua. Jadi memang Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil masa sedikit untuk menggubal pindaan ini. Walau bagaimana pun Lembaga Hasil Dalam Negeri tetap memberi keutamaan kepada disiplin di kalangan kepada pegawai-pegawai mereka.

Jadi mereka memohon pindaan ini kerana hendak menggubal tata tertib sendiri, jawatankuasa lembaga sendiri dan peraturan sendiri oleh sebab hari ini mereka menggunakan tata tertib yang umum, yang biasa digunakan oleh jabatan-jabatan lain. Jadi oleh sebab mereka telah pun menjadi lembaga dan urusan mereka adalah spesifik untuk mengutip cukai dan sebagainya. Jadi perlu ada peraturan-peraturan tertentu oleh lembaga datang membuat pindaan ini Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini seperti yang di sebut oleh Jasin, hasil kutipan memang meningkat banyak Tuan Yang di-Pertua, 2004 – RM48.634 bilion, 2005 – RM56.854 bilion dan 2006 – RM65.738 bilion dan untuk tahun ini sehingga 8 Mei 2007 kutipan telah pun meningkat kepada RM26.051 bilion. Di mana satu angka yang menggalakkan. Tuan Yang di-Pertua ini saya kira ini adalah hasil usaha pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri yang sentiasa berterusan menjalankan tugas mereka dengan baik maka telah pun menunjukkan *result* dengan izin yang saya sebut tadi.

Sekarang ini LHDN ada 37 cawangan di seluruh negara dan memang sesaklah tapi bukan sesak selalu Tuan Yang di-Pertua. Bila hari akhir 30 April sesak masa lain lengang dan tidak ada masalah cuma masa 30 hari bulan sahaja hari yang *last* untuk menghantar borang hari itu yang paling sesak. Berkenaan dengan *e-filing* Tuan Yang di-Pertua, *e-filing* setakat ini telah pun menarik minat ramai, pada tahun lepas tidak sampai 100,000, tahun ini telah pun meningkat sehingga 600,000 mereka yang menghantar penyata melalui *e-filing* ini telah meningkat dan sebenarnya pin nombor ini telah pun diberi semasa borang taksiran 2006 diberi. Sudah ada nombor itu, mungkin ada yang hilang dan sebagainya tapi memang sudah ada pin nombor yang disertakan semasa mendapatkan borang, jadi mungkin kehilanganlah. Jadi ini tahun yang kedua kita pihak LHDN mengadakan sistem *e-filing* ini dan saya yakinlah ramai yang menggunakan komputer ini, saya yakin lebih ramai yang akan terlibat menggunakan sistem *e-filing* ini dan ini lebih mempercepatkan dan mereka tidak perlu pergi ke pejabat berpusu-pusu untuk hendak menghantarkan borang mereka boleh buat di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong, tentang bayaran elaun. Elaun yang telah pun dibayar kepada Ahli Lembaga. Sebenarnya elaun yang dibayar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah rendah kalau hendak dibandingkan dengan agensi-agensi lain. Saya sebut di sinilah bahawa elaun tetap bulanan memang rendah Tuan Yang di-Pertua berbanding dengan yang lain. Untuk pengerusi - RM2,500, untuk ahli RM1,000 sebulan. Untuk elaun menghadiri

mesyuarat RM500 bagi pengerusi dan RM300 bagi ahli berbanding dengan agensi yang lain memang rendah Tuan Yang di-Pertua, KWSP ke atau pun Tabung Haji atau pun PERKESO. Lembaga Hasil Dalam Negeri dia kedekut sedikit bagi kurang daripada yang lain tapi walau bagaimanapun mereka bekerja bersungguh-sungguh walaupun elaunnya sedikit dan kita berbanggalah dengan usaha mereka.

Tentang sistem yang di sebut tentang laman web, tentang telefon operator sibuklah mesin jawab, dan sebagainya yang ini saya yakin dari semasa ke semasa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mempertingkatkan lagi usaha mereka untuk memperbaiki sistem yang ada pada mereka.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bercakap tentang meningkatkan sistem satu, yang kedua tentang meningkatkan latihan kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini memang diteruskan dan sentiasa di *upgrade* dan mereka juga mempunyai banyak persatuan-persatuan mereka dan melalui persatuan-persatuan ini mereka telah pun mengadakan berbagai-bagai program untuk hendak meningkatkan prestasi kakitangan semua termasuk juga melihat masalah kebajikan mereka.

■ 1200

Lain-lain Tuan Yang di-Pertua tentang nasihat daripada Tumpat ini boleh kita ambil perhatian tentang masalah keluarga yang juga duduk dalam jabatan. Ini tidak berlakulah. Setakat ini LHDN tidak berlaku di mana satu keluarga diletakkan dalam satu pejabat ataupun apabila ada kes di luar yang melibatkan anggota keluarga masing-masing mereka tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian. Ini urusan cara yang telah pun dijalankan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tentang bayaran balik lewat Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sepatutnya sudah lebih cepat Tuan Yang di-Pertua daripada dulu.

Dulu pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri terpaksa pergi ke Parlimen dapatkan peruntukan, barulah boleh bayar balik untuk bayaran yang lebih ini. Bayaran balik tetapi sekarang ini sudah ada tabung, Tabung Amanah Bayaran Lewat di mana tabung ini saya rasa boleh diisi penuh. Maknanya kalau di *draw down*, dibayar dan tabung ini diisi semula.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun ini sudah banyak kes bayaran balik. Setakat ini bulan April 31,306 kes telah pun dibayar balik dengan jumlah RM1.462 bilion Tuan Yang di-Pertua. Bermakna Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan mereka Tuan Yang di-Pertua. Lain-lain perkara yang telah disebut, itu saja Tuan Yang di-Pertua yang telah disebut. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada mereka yang telah terlibat dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya silakan Pendang, jalan.

Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]: Iaitu tentang pembayaran lebih yang dibayar oleh pembayar cukai. Bagaimana pula tentang pemberitahuan terhadap kekurangan cukai yang patut dibayar? Kerana saya dapati sekarang masih wujud jumlah-jumlah ataupun

masa yang diambil. Kadang-kadang sampai lima tahun baru dia bagi tahu bahawa, “Anda telah kekurangan membayar cukai.” Di mana kita terpaksa membayar kadar yang kurang tersebut termasuk dengan faedah yang dikenakan. Jadi, ini membebankan. Saya perhati kalau KWSP misalnya kalau kita lewat membayar 20 hari bulan, misalnya selepas 21 hari bulan kita sudah tahu kita sudah bulan depan sudah kata kita sudah terlewat untuk membayar. Apakah LHDN dapat menambahbaikkan terhadap pemberitahuan tentang kekurangan membayar cukai ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Ini teguran yang baik. Memang kita tahu ada kes-kes dalam pengetahuan saya yang memang sebenarnya saya sendiri kena juga. Diberitahu lewat. Lima tahun kemudian bagi tahu dan memang bila di *accumulate* memang menjadi banyaklah. Ini berlaku dululah dan saya harap EPF mengambil perhatian tentang teguran oleh Yang Berhormat Pendang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan EPF Yang Berhormat, LHDN.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: LHDN, minta LHDN mengambil perhatian di atas teguran oleh Pendang tadi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 dan 4 – Pindaan:

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengemukakan pindaan ini kepada fasal 3 iaitu rang undang-undang ini adalah dipinda dalam fasal 3 setakat yang berhubungan dengan subseksyen 18(3). Dalam subseksyen 18(c)(3), dengan memasukkan selepas perkataan “wanita dan gadis”, perkataan “...atau perlindungan kanak-kanak...”. Dan dalam perenggan (f) dengan menggantikan perkataan “Lembaga” dan “18B”, masing-masing dengan perkataan “Jawatankuasa” dan “18C”.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan pada fasal 3 bertujuan untuk menjelaskan bahawa rang undang-undang yang dinyatakan dalam subperenggan 18(3)(c)(iii) adalah juga termasuk undang-undang yang berhubungan dengan perlindungan kanak-kanak.

Pindaan ini juga bertujuan untuk menukar sebutan mulai “Lembaga Rayuan Tatatertib” kepada “Jawatankuasa Rayuan Tatatertib” dan untuk membetulkan kesilapan taipan.

Bagi fasal 4 pula Tuan Yang di-Pertua, pindaan berbunyi begini dengan menggantikan perkataan “Lembaga Rayuan Tata tertib” di mana-mana juga terdapat termasuk dalam nota bahu dengan perkataan “Jawatankuasa Tata tertib” dan dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan atau dengan koma. Yang keduanya, dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatankuasa Tata tertib”, “atau menghantar balik kes itu kepada Jawatankuasa Tata tertib untuk ditimbang semula”. Tuan Yang di-Pertua pindaan yang seumpama ini juga dibuat untuk menukar sebutan mengenai “Lembaga Rayuan Tata tertib” yang terdapat dalam subseksyen 18C. Pindaan kepada subseksyen 18(c)(3) bertujuan untuk memberikan kuasa tambahan kepada Jawatankuasa Rayuan Tata tertib dalam membuat keputusan dalam sesuatu rayuan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbincangan]

Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal 3 dan 4 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Fasal 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ANTIPEMERDAGANGAN ORANG 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.08 tgh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya jemput Menteri untuk membentangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang, perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan, penubuhan Majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:Baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jenayah pemerdagangan orang bagi tujuan eksploitasi, terutamanya eksploitasi berkaitan seks kian berleluasa sekarang. Masalah ini bukan sahaja merupakan satu masalah di peringkat domestik tetapi ia merentasi sempadan antara negara. Laporan Amnesty Antarabangsa pada tahun 2004 menganggarkan seramai 700,000 orang diperdagangkan setiap tahun. Sementara laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat menunjukkan seramai 600,000 hingga 800,000 orang diperdagangkan merentasi sempadan setiap tahun.

■ 1210

Mangsa yang terlibat kebanyakannya ialah wanita dan kanak-kanak. Jenayah pemerdagangan orang memberikan keuntungan yang lumayan kepada sindiket yang terlibat yang dianggarkan berjumlah USD10 bilion setiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa instrumen Bangsa-bangsa Bersatu untuk memerangi jenayah ini terkandung di dalam dengan izin *The United Nations Convention against Transnational Organized Crime* ataupun UNTOC dan protokol-protokol di bawahnya. UNTOC bertujuan untuk menggalakkan kerjasama bagi mencegah dan memerangi jenayah rentas negara terancang dengan lebih berkesan. Salah satu protokol di bawah UNTOC ialah dengan izin *protocol to prevent suppress and punish trafficking in persons especially women and children* ataupun dikenali sebagai TIP protokol. Malaysia telah meratifikasikan UNTOC pada September 2004 dan sedang mengkaji TIP protokol dengan matlamat untuk menyertai protokol tersebut. TIP protokol bertujuan untuk menangani masalah jenayah pemerdagangan orang dan menyediakan perlindungan dan bantuan kepada mangsa pemerdagangan. TIP protokol menghendaki setiap negara pihak untuk melaksanakan tanggungjawabnya yang antara lain adalah;

- (i) menyediakan langkah untuk mencegah pemerdagangan orang;
- (ii) menyediakan perlindungan dan penjagaan kepada mangsa-mangsa pemerdagangan orang dan
- (iii) menggubal undang-undang baru atau meminda undang-undang sedia ada bagi mengadakan perundangan yang komprehensif untuk menangani masalah jenayah pemerdagangan orang yang merangkumi peruntukan mengenai pendakwaan berkenaan kesalahan-kesalahan pemandangan orang bagi tujuan eksploitasi termasuk pemerdagangan kanak-kanak, peruntukan berkenaan jagaan, perlindungan dan pemulihan mangsa pemerdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan tahunan pemerdagangan orang yang diterbitkan oleh dengan izin *Office Monitor to Combat Trafficking in Persons, United States Department of State* pada 5 Jun 2006, Malaysia ditempatkan pada tingkat kedua senarai pengawasan ataupun dengan izin *tier two watch list*. Keputusan untuk menempatkan Malaysia

pada tingkat kedua senarai pengawasan adalah kerana Malaysia dilihat tidak bersungguh-sungguh dalam usaha untuk menangani dan memerangi masalah pemerdagangan orang khususnya dengan ketiadaan undang-undang domestik yang spesifik dan komprehensif untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun laporan oleh dengan izin *Office Monitor to Combat Trafficking Person in United States Department of State* di peringkat domestik, Kerajaan Malaysia amnya dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya telah mengambil tindakan proaktif dalam menangani masalah jenayah ini dengan menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada. Buat masa ini undang-undang di Malaysia berkenaan pemerdagangan orang hanya terhad kepada aspek pendakwaan seperti yang terkandung dalam beberapa undang-undang yang berasingan seperti perlembagaan Persekutuan artikel 6 yang memperuntukkan larangan keabadian dan kerja paksa, Kanun Keseksaan, Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Imigresen 1999/63. Tuan Yang di-Pertua, antara tindakan-tindakan proaktif PDRM ialah;

- (i) mengenal pasti individu dan sindiket yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan mengambil tindakan pendakwaan di bawah undang-undang yang berkaitan;
- (ii) mengambil tindakan terhadap penganjur dan pengusaha haram di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 dan Ordinan Darurat 5 1969;
- (iii) mengenal pasti tempat-tempat yang sering dijadikan dengan izin *point of entry*, penyeludup-penyeludup yang membawa wanita-wanita warga negara asing untuk dijadikan pelacur bagi tindakan pencegahan dan menyelamatkan mangsa;
- (iv) menjalin kerjasama dalam pertukaran makluman dan risikan antara penguat kuasa luar negara dan penguat kuasa tempatan bagi menangani masalah penyeludupan wanita dan gadis untuk tujuan pelacuran; dan
- (v) mengambil tindakan menyelamatkan mangsa-mangsa yang dikurung dan dipaksa untuk menjadi pelacur apabila menerima maklumat dan laporan dari pihak kedutaan, orang perseorangan dan pertubuhan bukan kerajaan NGO.

Statistik PDRM menunjukkan pada tahun 2005, seramai 6,484 pelacur warganegara asing ditangkap manakala setakat bulan Julai 2006 seramai 3,245 warga negara asing telah ditangkap. Daripada jumlah statistik tahun 2005 dan Julai 2006, bilangan yang tertinggi ialah warga negara Republik Rakyat China - 4,022 orang Indonesia - 2392 dan Thailand - 1,489 orang. Manakala bilangan warga negara Malaysia yang ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan pelacuran ialah seramai 384 orang. Pada tahun 2005 seramai 2006 orang setakat bulan Julai 2006.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam usaha menangani masalah jenayah pemerdagangan orang sedar akan keperluan untuk mengadakan satu undang-undang spesifik dan menyeluruh berkenaan pemerdagangan orang yang merangkumi aspek pendakwaan, pencegahan, jagaan dan perlindungan. Sekiranya masalah pemerdagangan orang tidak dibendung, Malaysia mungkin menjadi dengan izin *hot spot* untuk jenayah pemerdagangan orang. Ini adalah kerana Malaysia merupakan salah sebuah negara yang paling dinamik dari segi ekonomi di rantau ini.

Rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bertujuan untuk membendung dan menangani masalah jenayah pemerdagangan orang dan secara langsung memenuhi kehendak tip protokol. Kerajaan berpandangan bahawa rang undang-undang ini akan melengkapkan dengan izin *to complement* peruntukan undang-undang sedia ada berkenaan dengan pemerdagangan orang. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi enam bahagian dan 67 fasal. Rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang, perlindungan dan bantuan kepada orang yang diperdagangkan. Penubuhan majlis bagi anti pemerdagangan orang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I rang undang-undang adalah berkenaan perkara permulaan.

Fasal 1 rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan penetapan tarikh kuat kuasa rang undang-undang;

Fasal 2 mengandungi tafsiran kepada perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam rang undang-undang. Antara ungkapan tersebut ialah ungkapan pemerdagangan orang yang bagi maksud rang undang-undang ditakrifkan sebagai perekrutan dengan izin *recruitment*, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaan seseorang bagi maksud eksploitasi. Eksploitasi pula ditakrifkan sebagai segala bentuk eksploitasi seks kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

Fasal 3 memperuntukkan berkenaan ruang lingkup pemakaian rang undang-undang, manakala

Fasal 4 memperuntukkan bahawa akta ini terpakai kepada kesalahan di luar wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II rang undang-undang memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan majlis bagi anti pemerdagangan orang. Antara fasal-fasal penting dalam bahagian ini adalah seperti yang berikut;

Fasal 6 memperuntukkan mengenai penubuhan majlis bagi anti pemerdagangan orang yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Anggota majlis terdiri daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dalam menangani isu atau masalah pemerdagangan orang dan tiga wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan yang

mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam masalah pemerdagangan orang termasuk perlindungan dan bantuan kepada mangsa;

Fasal 7 memperuntukkan mengenai fungsi dan kuasa majlis. Antara fungsi-fungsi majlis ialah;

- (a) merumus dan menyelia pelaksanaan pelan tindakan kebangsaan mengenai pencegahan dan penghapusan pemerdagangan orang termasuklah bantuan dan perlindungan kepada mangsa;
- (b) bekerjasama dan menyelaras dengan badan atau agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan badan-badan antarabangsa berhubung dengan masalah-masalah pemerdagangan orang termasuk penjagaan dan perlindungan kepada mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III, peruntukan rang undang-undang berkenaan kesalahan-kesalahan pemerdagangan, kekebalan dan sebagainya.

Fasal 12 menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang memperdagangkan seseorang bagi tujuan eksploitasi. Kesalahan di bawah fasal ini membawa hukuman penjara tempoh tidak melebihi 15 tahun dan boleh juga didenda.

Fasal 13 memperuntukkan berkenaan kesalahan pemerdagangan orang bagi tujuan eksploitasi dengan menggunakan ancaman, kekerasan, *fraud* atau penipuan, penyalahgunaan kuasa, perdayaan dan sebagainya. Fasal ini berbeza dengan Fasal 12 kerana fasal ini antaranya melibatkan unsur-unsur paksaan dan kekerasan ke atas mangsa. Oleh itu penalti di bawah fasal ini adalah lebih tinggi berbanding penalti di bawah Fasal 12, iaitu Fasal ini menetapkan hukuman minimum penjara selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun dan hukuman maksimum yang tidak melebihi 20 tahun. Pesalah di bawah fasal ini boleh juga dikenakan denda.

Rang Undang-undang ini mempunyai peruntukan spesifik berkenaan kesalahan pemerdagangan orang yang melibatkan kanak-kanak. Kesalahan ini diperuntukkan di bawah Fasal 14 rang undang-undang yang menetapkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun, tetapi tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda.

Fasal 15 memperuntukkan kesalahan mendapatkan keuntungan daripada pengeksplotasian orang yang diperdagangkan. Di bawah fasal ini, pesalah jika disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara yang tidak melebihi 15 tahun dan boleh juga didenda bagi amaun yang tidak kurang daripada RM50 ribu tetapi tidak melebihi RM500 ribu.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan kerana jenayah ini melibatkan pengeksplotasian mangsa dari segi seksual, kerja paksa, pemindahan organ manusia dan aktiviti jenayah yang lain.

Statistik turut menunjukkan bahawa sebahagian besar mangsa pemerdagangan orang ialah wanita dan kanak-kanak yang diperdaya dan dipaksa melakukan aktiviti pelacuran.

Kebanyakan mangsa terpaksa melalui trauma fizikal, psikologi dan emosional. Manakala individu atau sindiket yang melakukan jenayah meraih keuntungan besar daripada pengeksploitasian tersebut. Oleh itu, hukuman berat dengan izin, *deterrent* adalah diperlukan untuk menangani masalah jenayah ini dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 16 hingga Fasal 24 memperuntukkan berkenaannya dengan kesalahan sampingan yang berkaitan dengan pemerdagangan orang seperti kesalahan membuat, memperoleh, memberi, menjual atau memiliki sesuatu dokumen perjalanan atau pengenalan diri palsu bagi tujuan pemerdagangan, merekrut orang lain untuk melakukan kesalahan pemerdagangan orang, memberi kemudahan kewangan dan perkhidmatan untuk membantu perbuatan dan pemerdagangan orang dan memberi perlindungan kepada orang-orang yang melakukan kesalahan di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 25 memperuntukkan pengecualian pendakwaan jenayah ke atas mangsa pemerdagangan berkaitan kesalahan-kesalahan imigresen. Memandangkan mangsa di bawa ke negara ini tanpa kerelaannya, rang undang-undang ini memperuntukkan pengecualian daripada tindakan pendakwaan terhadap mangsa bagi apa-apa kesalahan imigresen. Contohnya kemasukan mangsa ke negara ini secara haram atau tempoh permastautinan yang tidak sah.

Fasal 26 pula bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV, Rang Undang-undang memperuntukkan mengenai perkara-perkara penguatkuasaan.

Fasal 27 menetapkan pegawai polis, pegawai imigresen, pegawai kastam dan pegawai agensi penguatkuasaan maritim sebagai pegawai yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini.

Fasal 28 hingga fasal 41 memperuntukkan kuasa-kuasa yang diberi kepada pegawai penguat kuasa untuk menguatkuasakan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V memperuntukkan berkenaannya dengan perkara jagaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan. Di antara fasal-fasal penting dalam bahagian ini adalah seperti yang berikut.

Fasal 42 memberi Yang Berhormat Menteri kuasa untuk mengisytiharkan melalui warta mana-mana rumah, bangunan atau tempat sebagai tempat perlindungan yang bertujuan untuk menempatkan dan memberi perlindungan serta jagaan kepada mangsa pemerdagangan. Di tempat perlindungan ini, langkah-langkah seperti pemulihan fizikal, psikologi dan sosial akan diberikan kepada mangsa pemerdagangan. Selain tujuan jagaan dan perlindungan jika mangsa adalah warganegara asing, mangsa ditempatkan di tempat perlindungan bagi tujuan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk urusan penghantaran pulang mereka ke negara asal tanpa kelengahan selaras dengan obligasi di bawah tip protokol.

Fasal 43 memberi Menteri kuasa untuk melantik pegawai pelindung yang terdiri daripada pegawai-pegawai kebajikan masyarakat atau mana-mana pegawai awam.

Fasal 44 memperuntukkan mengenai prosedur apabila seseorang yang disyaki mangsa pemerdagangan ditemui atau disematkan oleh pegawai penguat kuasa. Orang yang diselamatkan itu hendak di bawa ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam bagi tujuan memperoleh perintah perlindungan sementara selama 14 hari bagi menempatkannya di tempat perlindungan untuk tujuan penyiasatan berkenaan kesnya untuk mengesahkan sama ada orang itu adalah mangsa pemerdagangan ataupun tidak.

Fasal 45 hingga fasal 50 memperuntukkan berkenaan perkhidmatan perubatan kepada mangsa jika perlu apabila diselamatkan oleh pegawai penguat kuasa dan sebelum mangsa di bawa ke hadapan majistret.

Fasal 51 menetapkan tindakan yang perlu diambil oleh seorang pegawai penguat kuasa dan pegawai pelindung dalam tempoh 14 hari semasa berkuat kuasanya perintah perlindungan sementara. Apabila tamat tempoh 14 hari, orang yang disyaki mangsa hendaklah di bawa semula ke hadapan majistret. Pegawai penguat kuasa serta pegawai pelindung perlu mengemukakan laporan untuk menentukan sama ada orang itu ialah mangsa pemerdagangan orang. Sekiranya majistret berpuas hati bahawa orang itu adalah mangsa pemerdagangan maka majistret akan membuat perintah perlindungan dan akan memerintah supaya mangsa di tempatkan di tempat perlindungan bagi suatu tempoh tertentu.

Terdapat perbezaan antara perintah perlindungan yang melibatkan mangsa warganegara Malaysia dengan mangsa warganegara asing. Jika mangsa ialah warganegara Malaysia, majistret boleh memerintah supaya mangsa di tempatkan di tempat perlindungan bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun. Manakala jika mangsa adalah warganegara asing, mangsa akan di tempatkan di tempat perlindungan selama tempoh 3 bulan. Selepas tempoh itu mangsa akan dihantar pulang ke negara asalnya. Dalam tempoh 3 bulan itu sekiranya terdapat suatu pertuduhan jenayah terhadap mana-mana orang berkenaan kesalahan di bawah rang undang-undang ini, mangsa hendaklah dibawa ke hadapan seorang majistret untuk direkodkan keterangan mangsa bagi tujuan kes tersebut.

Fasal 52 menyatakan prosedur bagi merekodkan keterangan mangsa dan keterangan itu boleh diterima dalam mana-mana prosiding di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 53 memperuntukkan bahawa sekiranya mangsa ialah warganegara Malaysia atau pemastautin tetap, ibu atau bapa, penjaga atau saudara kepada mangsa boleh memohon kepada mahkamah untuk mengambil mangsa ke dalam jagaan mereka.

Fasal 54 memperuntukkan berkenaan prosedur apabila perintah perlindungan dibatalkan atau telah tamat tempoh. Sekiranya mangsa ialah seorang warganegara Malaysia, mangsa hendaklah dilepaskan. Walau bagaimanapun, jika pegawai pelindung berpendapat bahawa mangsa perlu diberikan perlindungan lanjut maka pegawai pelindung boleh memohon kepada majistret supaya mangsa ditempatkan di tempat perlindungan bagi satu tempoh lanjutan yang majistret fikirkan sesuai.

Sekiranya mangsa ialah warganegara asing, mangsa hendaklah dilepaskan dan diserahkan kepada pegawai imigresen yang akan menguruskan penghantaran pulang mangsa ke negara asalnya mengikut peruntukkan Akta Imigresen 1959/63.

Fasal 55 memperuntukkan bahawa mangsa yang melarikan diri dari tempat perlindungan boleh diletakkan dalam jagaan pegawai penguat kuasa dan selepas itu hendaklah dibawa semula ke tempat perlindungan.

Fasal 56 pula memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan jika mana-mana orang memindahkan atau melarikan mangsa dari tempat perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI memperuntukkan berkenaan perkara pelbagai antara fasal. Di dalam bahagian ini, Fasal 58 yang memperuntukkan berkenaan sekatan kepada media massa daripada melaporkan dan menyiarkan nama, alamat atau gambar mangsa atau apa-apa maklumat lain yang boleh membawa kepada pengenalanpastian identiti mangsa dalam mana-mana akhbar, majalah atau apa-apa perantara elektronik.

■ 1230

Peruntukan lain dalam bahagian ini adalah berkenaan kuasa Yang Berhormat Menteri untuk membuat peraturan-peraturan peruntukan penalti am dan pencegahan anomali.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan kuasa yang di peruntukan dalam rang undang-undang ini, Malaysia dapat menangani masalah jenayah pemerdagangan orang serta memberi perlindungan yang sewajarnya kepada mangsa pemerdagangan orang.

Pada masa yang sama, Malaysia dapat juga melaksanakan dan memenuhi kewajipan yang terkandung dalam UNTOC dan *TIP Protocol* dan seterusnya menyertai *TIP Protocol*. Adalah menjadi harapan kerajaan jenayah pemerdagangan orang dapat dicegah dan dihapuskan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuklah daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ada sesiapa menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan. Penubuhan majlis bagi anti pemerdagangan orang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang dibacakan kali ke dua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Kinabatangan.

12.31 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada kerajaan dan Yang Berhormat Menteri. Memang sudah lama saya dan rakan-rakan mengalu-alukan undang-undang yang sebegini, kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.

Persoalannya undang-undang pemerdagangan orang atau *human trafficking* ini merupakan satu pemerdagangan bersifat antarabangsa yang merupakan satu gelanggang rangkaian permainan dunia sejagat. Kenapa? Sebab ia mendatangkan hasil yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sebelum ini pun sudah ada seperti juga dadah, sudah ada undang-undang sehingga dihukum gantung dan sebagainya, tetapi malangnya, kita ada kelonggaran dari segi prosedur-prosedur kita, contohnya lapangan terbang antarabangsa, sempadan-sempadan antara negara kita, kawalan begitu longgar. Jadi apa pun undang-undang yang akan kita terjemahkan sekiranya penguat kuasa kita di lapangan terbang contohnya kita ada polis, kita ada polis *airport*, kita ada imigresen dan sebagainya, tetapi berlaku berleluasa pemerdagangan manusia ini melalui lapangan terbang di udara.

Jadi, bagaimana hendak kita selesaikan persoalan yang berlaku ini? Di sempadan negara kita, kita ada pemerdagangan manusia ini daripada China, Bangladesh, Afrika, daripada Uzbekistan pun ada. Saya ini pun suka bergaul di bawah... [*Dewan riuh*] Kita tahulah banyak perkara banyak informasi saya terima... [*Dewan riuh*] Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Bergaul yang macam mana itu Yang Berhormat? Bergaul banyak.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Biasalah! Kita duduk di *coffee house*, kawan-kawan cerita. Ramai di sini ada 50 orang, tanpa permit, mereka diperdagangkan.

Persoalannya, berapa orang sudah mereka yang mengadakan rangkaian perniagaan ini telah ditangkap? Berapa banyak penguat kuasa kita telah dikaji selidik, disoal siasat? Mereka telah tidak amanah menjalankan kewajipan mereka. Ada sudah kah pihak kastam disiasat, polis disiasat, polis di *airport* disiasat? Lapangan terbang, sebab lapangan terbang ini satu kawasan yang dikawal selia dengan kamera, video, dengan alat-alat moden dan canggih, tetapi masih lagi berleluasa penyeludupan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat nak bagi jalan dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak terkepung kah ni?... [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat penjelasan, penjelasan, di sini kita ada *entry point* salah satu itu melalui Filipina, Labuan, Kota Kinabalu dan KL. Labuan dan Kota Kinabalu, apakah tindakan Yang Berhormat? *Entry point*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya mana boleh ambil tindakan!. Yang Berhormat ini pun silap juga. Justeru itu kita membahaskan, meminta kerajaan melihat apa tindakan yang selanjutnya. Ini soalan bodoh dapat jawapan bodohlah.

Soallah yang bagus-bagus, jangan soal yang pusing-pusing punya, terkepong-kepong!. Mana saya boleh ambil tindakan. Yang boleh ambil tindakan ialah kerajaan dan penguat kuasa dengan sokongan kita semua. Yang Berhormat bahaslah, bagi idea yang baik. Yang Berhormat dengar saya akan bagi idea kepada kerajaan.

Saya bersetuju dengan pindaan-pindaan ini seperti pindaan seksyen 25 iaitu kita memberi keadilan sejagat, sebab mana adil, sudahlah diperdagangkan, sudahlah dijadikan pelacur, GRO dan sebagainya dan mereka juga turut didakwa oleh imigresen sebab melanggar akta imigresen pula, masuk tanpa permit dia kata.

Kita tidak tuduh penguat kuasa bersubahat tetapi terus terang ini *international crime*. Rangkaian yang cukup besar. Mereka mempunyai *networking* seluruh dunia. Berapa Malaysia minta, 2000? Dia boleh *supply* 2000. Kalau kita minta 5000, dia boleh *supply* 5000. Jadi memang melibatkan kewangan yang banyak.

Jadi penguat kuasa kita hendaklah terdiri daripada mereka yang cekap, daripada mereka yang telus, daripada mereka yang berkepakaran dan yang penting mereka mempunyai ikatan komitmen terhadap negara kita. Kalau mereka juga bersubahat, hancurlah harapan masa depan negara kita dan ini diibaratkan, "harapkan pagar tetapi pagar makan padi".

Tuan Yang di-Pertua ini memang berlaku memang tidak boleh dinafikan, oleh kerana itu kerajaan harus bersikap bukan sahaja telus tetapi tegas dalam melaksanakan perkara-perkara ini.

Demikian juga dengan pindaan 27 ini, penguat kuasa fasal 27 ini memang ada polis, imigrasi, kastam dan sebagainya. Orang ramai kita dapat SMS mereka ada kebimbangan, kenapa Yang Berhormat berlaku penyeludupan begini sedangkan kita ada penguat kuasa di sempadan ada, di lapangan terbang ada, di lautan ada, kita ada maritim ataupun dipanggil kalau di *Labuan Coast*, *coastguard* dia bilang, dia ada harga juga, tapi masih lulus juga, masih banyak juga penyeludupan dan mereka dijadikan pelacur, dijadikan GRO, dijadikan *beauty-beauty* di saloon-saloon, sogok dan sebagainya. Jadi ini mendatangkan satu apa ini..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya setuju Yang Berhormat kita ada penguat kuasa, kita ada pelbagai-bagai cara untuk mencegah penyeludupan dadah ini.

Hari ini kita membentangkan satu lagi penyeludup bahan terlarang ini, tapi Yang Berhormat lihat selain daripada penguat kuasa yang ada ini masih berlaku, adakah disebabkan oleh kerana harga pasaran yang begitu lumayan? Sehingga orang tidak takut pada undang-undang, hukuman mati mandatori, tapi masih berlaku lagi? Jadi, apakah Yang Berhormat lihat bahawa oleh kerana ada pasarannya, ada nilainya, ada harganya menyebabkan perkara ini masih berterusan?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, Yang Berhormat bagi Larut memang, ini memang ada permintaan dan kita kerajaan jangan tersilap apa bila ada pemerdagangan manusia,

memang ada penyeludupan dadah, memang ada penyeludupan senjata dan sebagainya penyeludupan wang palsu dan sebagainya.

Jadi ini diserantakan, dia rangkaian dia menyeluruh dia berpakej, jadi apabila dia berpaket negara kita banyak kerugian. Apabila banyak kerugian maka pembangunan untuk luar bandar sedikitlah, sebab nak bina pula pusat tahanan walaupun tiga bulan satu orang, kalau kita ada satu bulan ada 5000 orang mahu dihantar, bayangkan. Bagus dia buat pembangunan di Kinabatangan, buat jalan raya, bagi air bersih, bagi elektrik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *(Bangun)*

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua bangun, Yang Berhormat bagi Jasin dengan Setiu, mana satu nak bagi Yang Berhormat?

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Yang Berhormat bagi Jasin dulu.

■ 1240

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Yang Berhormat bersetuju tidak kita lihat dalam Fasal 13, 14 dan 15 dan kita tahu bahawa perdagangan manusia ini amat mengaibkan sekali negara kita dan akibatnya kepada mangsa-mangsa ini amat besar sekali dan kalau kita lihat daripada denda yang dikenakan kata Yang Berhormat tadi rang undang-undang antidadah, hukumnya mandatori mati pun orang buat tak takut, ini pula hukuman hanya tiga tahun, 20 tahun dan boleh pula didenda tapi kita hendak tahu denda setakat mana.

Kalau undang-undang ini hendak dikuatkuasakan kalau tak berapa keras saya takut benda ini Tuan Yang di-Pertua orang tak ambil kisah. Sap-sap sui saja kata dia. Duduk dalam jel satu tahun, dua tahun dia sudah untung juta-juta, esok senang juga. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat. Adakah undang-undang yang akan kita sokong ini cukup dengan kadar dendanya.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Setiu bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Yang Berhormat, saya mahu sambung terus yang ini. Persoalan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Dari segi kesalahan ini kita melihat ini kesalahan pertama. Bagaimana dengan

kesalahan kali yang kedua dia masih mengulangi perkara yang sama. Mungkin perlu ada satu peruntukan bagi kesalahan yang kedua kita bagi lebih berat lagi dan sebagainya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Setiu. Daripada apa yang saya baca dan saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri tadi memang terlalu ringan. RM3,000 hingga RM20,000 atau boleh didenda. Bermakna ada pilihan. Kalau saya memperdagangkan manusia, tak apalah kena RM10,000 pun bayar sajalah. Saya buat lagi dan dia tidak ada kesalahan kedua, ketiga, keempat. Jadi ini perlu juga dilihat. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Setiu. Dia ini seorang peguam, pengamal undang-undang juga. Saya bukan, cuma saya pakar dalam bidang lain. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu kita meminta kerajaan supaya menghalusi undang-undang ini secara telus untuk melihat bahawa negara kita ini bebas daripada pedagang-pedagang manusia ini sebab apabila ada perdagangan manusia memang sudah wujud penyeludupan dadah dan juga senjata dan pastikan lapangan terbang kita di seluruh negara termasuk sempadan kita pintu-pintu masuk utama ini, penguat kuasa kita letakkan mereka yang benar-benar ada komitmen dan patriotisme, yang benar-benar cintakan negara. Jangan kena sogokan, limpas. Saya tahu....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa limpas?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia bagi lalu saja, lepas saja, lepas. Jadi kalau ini berlaku berterusan tak selesai masalah kita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ini fasal limpas ini. Saya pun hairan macam mana boleh limpas dan kita dimaklumkan dalam Dewan ini pihak imigresen punyai satu sistem yang terbaik, biometrik, cap jari dan sebagainya dan saya hairan ada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu tempoh hari yang mana bapa-bapa ayam yang dikenal pasti bapa ayam, tertangkap dihantar balik ke Indonesia dia boleh masuk balik dan atas nama dan pasport yang berlainan. Kalau kita pakai biometrik, jawabnya apa nama yang dia pakai, cap jari dia sama. Mengapa benda ini berlaku Yang Berhormat bagi Kinabatangan? Ini limpas punya cerita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Limpas itu Yang Berhormat bahasa Sabah. Lalu tanpa diketahui tanpa disedari.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Haa, itu dia

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini yang masalah. Yang Berhormat Menteri dengar, Yang Berhormat Menteri kena panggil pihak penguat kuasa ini mengapa boleh berlaku begini. Di Sabah terus-terang, ini hari dihantar pulang, satu minggu datang lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Orang yang sama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Orang yang sama. Nama yang lain. Limpas dengan penguat kuasa dia tutup sebelah mata macam Yang Berhormat bagi Jasin kata, jalanlah, dia limpaslah. Dia berniaga lagi. Ini saya ada mendapat maklumat bahawa ada agen-agen dalam negara kita menjadi dalang sindiket antarabangsa ini sama ada di lapangan terbang, di sempadan dan sebagainya dan mereka, kita tidak menuduh penguat kuasa tapi mereka harus bertanggungjawab. Jangan mereka tidak dipercayai lagi oleh rakyat negara kita. Kalau penguat kuasa sudah tidak dipercayai oleh kita, maka akan hancurlah harapan seluruh rakyat Malaysia kepada kerajaan dan juga kepada mereka.

Jadi ini akan mendatangkan dan mengundang satu malapetaka yang tidak baik kepada negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jasin.

12.45 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya bersama-sama rakan-rakan untuk membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007 kerana masalah yang kita hadapi pada hari ini dan lebih-lebih lagi pada hari ini kadang-kadang akhbar juga memainkan peranan membesar-besarkan dan saya kira sekiranya rang undang-undang ini dapat kita luluskan kelak dalam Fasal 58 Larangan kepada Media, sedikit-sebanyak dapat mencuci sedikit berita buruk ini kerana pada hari ini Tuan Yang di-Pertua orang ini ambil kesempatan.

Pengambilan buruh asing pada hari ini pun timbul masalah perdagangan manusia. Ada yang mereka ini memohon pekerja asing untuk bekerja di servis sektor, bekerja di kilang tetapi bila sampai ke negara kita dipaksa pula untuk *entertain* orang dengan izin. Di Kepong adakah? Fasal Yang Berhormat bagi Kepong angguk saja. Kepong banyak ya. Ini pun berlaku.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Tadi Yang Berhormat bagi Jasin menggambarkan kalau ia didedahkan dalam akhbar memberikan satu keburukan tentang apa yang berlaku ke atas negara kita. Tetapi kalau kita melarang, seolah-olah kita menyekat kebebasan, orang pula tidak tahu apa yang berlaku. Di Sabah baik atau di Semenanjung. Mungkin ada cara lain, pendekatan yang lebih baik dari segi pendidikan, saya rasa sudah tiba masanya kita lebih menjurus kepada pendidikan.

Soalnya, kalau kita sebut soal datangnya orang luar ke negara kita, kita tidak boleh menyekat kerana ia membawa satu pelaburan kepada negara kita. Cuma barangkali ada bagaimana cara-cara didikan dan pendekatan yang boleh kita buat supaya mereka dapat memahami keadaan negara kita ini. Kita tidak mahu ada orang yang datang ke negara kita

mengatakan negara ini sebagai tong sampah yang boleh melakukan ikut suka mereka dan akhirnya kita yang menanggung beban. Apa pandangan Yang Berhormat?

■ 1250

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih. Kalau kita terlampau dedahkan sangat Tuan Yang di-Pertua, contohnya macam ini ada orang-orang yang tertentu mengambil kesempatan hendak untung lebih. Tubuh satu syarikat sendirian berhad, mengatakan bahawa dia memerlukan pekerja asing, dia pun masuk kepada KDN minta kelulusan pekerja asing untuk kerja servis. Dia mengadakan macam-macam *agreement*, kontraklah dan sebagainya. Datang 50 orang daripada negara sumber, akhirnya gadis-gadis ini bukan untuk kerja servis tadi tetapi servis yang lain. Dan kalau benda-benda macam ini digembar-gemburkan terlampau sangat oleh media, akan menjadikan seolah-olah negara kita ini tidak ada undang-undang.

Ini yang saya hendak perkatakan yang telah dicelah oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, memang kita hendak kebebasan tetapi banyak benda lain yang boleh kita laporkan jangan hendak cerita hal buruk sahaja. Sebagai contohlah yang lepas-lepas kes ragut berapa banyak kes ragut tetapi hari-hari surat khabar ragut, ragut, ragut yang berlaku hanya satu di Kuala Lumpur satu di Johor tetapi ini menggambarkan negara kita ini sentiasa berlaku kes ragut. Begitu juga dengan kes-kes macam ini. Oleh demikian kita berharap dengan adanya rang undang-undang ini dapatlah kita batas sedikit dan juga masalah yang ini kita banyak cerita tentang perdagangan manusia dalam segi untuk pelacuran tetapi saya minta kerajaan juga kena siasat.

Banyak juga perdagangan yang tengah berlaku dalam negara kita ini berkenaan dengan kanak-kanak. Kanak-kanak Tuan Yang di-Pertua, ramai di antara kanak-kanak yang masuk secara haram ke Malaysia ini dari Indonesia diperdagangkan. Saya pun tidak tahu sama ada kerajaan tahu tidak benda ini dan banyak saya dapat tahu pula ada di antara keluarga-keluarga yang mana mati anak dia sendiri dia tidak melaporkan, ada pernah terdengar. Tidak melaporkan kematian keluarga dia dan dia ambil beli pula anak daripada luar negara lain, menggunakan *Birth Certificate* anak yang mati tadi. Banyak berlaku dan kalau saya sebagai pedagang *barter trade* dulu selalu sering ke Indonesia benda ini tidak aneh pada saya. Sentiasa dipercakapkan di perairan Indonesia.

Berapa banyak yang sudah masuk dalam negara kita ini anak-anak, wallahualam dan harga dia RM30,000, RM40,000 dan saya berharap dengan adanya bagaimana yang disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi dengan adanya pihak penguasaan. Yang ini pun kita hendak kena perbetulkan balik kerana perairan kita ini mudah dimasuki oleh orang-orang asing. Tidak cukup dengan itu perdagangan yang terakhir ini pun tentang buruh asing tanpa izin ini pun diperdagangkan. Bukan kata pelacuran bukan kata kanak-kanak, buruh asing pun juga diperdagangkan, yang mana di masuk secara sindiket di masuk dalam negara kita tanpa *legal document*, dijual kepada orang-orang peladang-peladang dalam negara kita.

Dan orang itu keadaan dia kalau kita lihat keadaan kehidupan mereka dalam ladang itu amat mendukacitakan dan itulah sebabnya salah satu sebab yang pernah saya lemparkan dalam Dewan ini membuatkan keganasan, kecurian, rompakan yang dilakukan oleh pekerja asing tanpa izin ini oleh sebab hendak membalas dendam kepada majikan-majikan yang tidak berhati perut yang ada dalam negara kita. Sila Yang Berhormat bagi Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Bila Yang Berhormat bagi Jasin menyentuh tentang pendatang asing ini saya amat merasa sayu apabila melihat di dalam akhbar baru ini di mana seorang India didera tidak diberi makan kemudian dicampak di kawasan gurun dan akhirnya meninggal dunia. Ini pun memperdagangkan manusia. Jadi adakah rakyat Malaysia ini sekejap sedemikian. Mungkin ini akan merosakkan imej negara kita kalau orang melihat bahawa kita mendera manusia sesama manusia sedemikian rupa.

Jadi apakah Yang Berhormat ingin mengingatkan balik kepada pihak-pihak yang berkuasa bahawa undang-undang pendatang yang masuki negara kita ini *protect* kan dia orang mempertahankan hak dan juga kebebasan mereka ini harus diperkemas. Dan saya lihat Yang Berhormat bagi Jasin berapa kali dah orang yang bawa masuk pendatang haram ini yang ditangkap oleh kerajaan yang dibawa ke mahkamah yang kena sebat, sekali saya tidak pernah dengar lagi, yang kena denda. Cuba kita tangkap tauke yang bawa masuk ataupun sesiapa yang bawa masuk sebat lima kali rotan taubat dia tidak bawa masuk dah dia takut tetapi denda siapa takut dia bayarlah jadi macam mana pandangan bernas saya ini Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai itulah sebab kita kata tadi selalu kita cakap kita boleh ada macam-macam rang undang-undang tetapi kalau kita tidak menguatkuasakan dengan cara betul akhirnya akibatnya macam mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Orang ambil ringan kerana penguatkuasaannya kita tidak serius dan denda-denda yang kita kenakan ini terlampau rendah membuatkan orang yang melakukan kerja ini tidak serik dia. Dia tidak takut apa, ini juga akan berlaku tidak lama lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya berani cakap dalam Dewan ini. Kita akan timbul lagi banyak masalah sekarang ini dengan adanya *outsourcing company* yang mengambil pekerja asing baru-baru ini yang diluluskan oleh kerajaan.

Satu *company* diberi 500 orang atas nama dia selepas itu dia serahkan kepada syarikat-syarikat yang kecil-kecil ini. Kalau syarikat kecil itu bayar gaji orang itu RM30, *outsourcing company* ini akan bayar kepada pekerjanya RM20, RM10 dia ambil yang *balance*. Ini sedang berlaku dan saya penuh yakin dan percaya dalam akhir tahun ini akan meledak benda-benda macam ini kerana banyak perkara-perkara yang saya dengar di pasaran bahawa ramai di antara pekerja-pekerja asing yang masuk dalam negara kita dengan cara *legal* bawah *outsourcing*

company ini tidak mempunyai pekerjaan. Tidak mempunyai pekerjaan dan saya difahamkan lesen yang dikeluarkan untuk *outsourcing* ini lebih 100 lebih lesen hampir dekat 200 lesen.

Kalau satu *company* bagi 500 kalau 200 *company* sudah berapa ratus ribu pekerja asing yang dibawa masuk bawah *outsourcing* ini yang akhirnya besok kalau tidak ada kerja pada mereka akan timbul lagi kes yang timbul di Kedah baru-baru ini yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat mahu tanya apakah tujuan dia kementerian dan juga kerajaan memberi lesen *outsourcing* kepada syarikat ini untuk mengeksploitasi pekerja-pekerja asing ini. Dulu tidak berlaku begini, apakah ini Yang Berhormat merasakan bahawa ada udang di sebalik batu di atas penganugerahan sebegini ataupun ada sindiket yang mahu dipermainkan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Dulu semua *direct hiring*, kalau satu kilang itu hendak pekerja dia minta mohon pekerja asing daripada KDN dia akan dapat kelulusan dan dia bertanggungjawab tentang *welfare* kilang-kilang yang hendak menggunakan khidmat pekerja asing ini dia kena bertanggungjawab tentang penginapan, *welfare* pekerja asing tetapi sekarang ini tahun sudah dah mula oleh kerajaan mewujudkan syarikat-syarikat *outsourcing* kerana sekarang ini penyakit dekat Malaysia ini semua kementerian semua jabatan hendak *outsourcing*. Kalau tidak ada *outsourcing* bermakna... [Ketawa] Bukan tidak ada *income* lah. Kalau tidak ada, konon tidak *glamour* lah kementerian lain *outsourcing*, kita tidak *outsourcing*. Sampaikan buruh asing pun kita *outsourcing* sekarang Tuan Yang di-Pertua. Dan *company* ini ABC *company*, RM2, RM3 dan dia dapat pekerja asing, dia bawa masuk...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dia dapat duit dapat komisen selepas itu bukan dia ambil tahu pekerja asing ini makan ke kerja ke apa semua dia sudah dapat dia punya komisen, *bye-bye*. Sila Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat saya mengakuilah bahawa kita ada kekangan apabila kita menceritakan benda yang *outsourcing* dan juga kemasukan pekerja-pekerja asing tetapi kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa dalam dunia global ini kita juga sebahagian daripada komponen di mana kita buat perjanjian tandatangan dengan bangsa-bangsa bersatu mengenai *refugee* dan juga mengenai pengambilan dan pergerakan pekerja-pekerja di peringkat global.

Dan kita tidak boleh lari daripada komitmen kepada FTA yang sedia ada. Kita juga mengakui bahawa kita tidak juga boleh lari daripada perkembangan ekonomi kita perdagangan kita yang lebih makro yang terpaksa kita memperkasakan di peringkat negara. Maka sikap pekerja-pekerja tempatan kita mengizinkan kemasukan pekerja-pekerja asing dengan begitu mendadak sekali dan fenomena ini bukan satu perkara yang mudah diatasi. Maka dalam konteks ini masalahnya adalah mungkin dari segi penguatkuasaan dan juga mungkin kita memerlukan satu agensi tertentu untuk menjaga fenomena ini yang semakin melanda ini.

Apakah cadangan bolehkah terima cadangan bahawa kita perlukan satu agensi yang betul-betul boleh memantau dan melihat pembangunan pekerja ini dan pergerakan manusia ini antara sempadan secara lebih jitu dan serius dari segi perundangan, pemantauan, penguatkuasaan dan kesan-kesannya. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya setuju tetapi itu akan melibatkan kos kepada kerajaan lagi. Kita sudah ada dua kementerian berkenaan dengan Kementerian Sumber Manusia berkenaan dengan pekerja dan tentang buruh asing ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Soalnya sekarang kriteria syarikat-syarikat ini yang memohon pekerja asing ini. Mengapa tidak kerajaan selidiki dengan betul-betul sama ada mereka betul-betul perlu atau tidak, sama ada mereka boleh bagi kebajikan sepenuhnya kepada pekerja-pekerja asing ini atau tidak kerana pada hari ini kita lihat ada yang syarikat-syarikat yang sedang bermasalah.

Contohnya kilang perabot di Muar baru-baru ini mengambil pekerja India 100 orang, syarikat dia dekat hendak bankrap Tuan Yang di-Pertua, ambil lulus ambil komisen daripada pekerja India bawa masuk tiga bulan akhirnya syarikat tutup dan dia tidak maklum kepada pekerja-pekerja akhirnya pekerja-pekerja itu terdampar di Muar Tuan Yang di-Pertua membuatkan masyarakat pula terpaksa membiayai makanan dia dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Baru hendak mula Tuan Yang di-Pertua takkan hendak gulung Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak habiskan atau hendak sambung?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Kita ada Usul, ya Yang Berhormat Menteri, sila.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Khamis, 10 Mei 2007.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin boleh sambung ucapan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada satu usul, Tuan Yang di-Pertua. Usul di bawah 26(1)(p).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 26?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: (1)(p)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: (1)(p)?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku. Apa yang saya maksudkan berkenaan ada satu kebocoran bumbung di dalam bangunan Parlimen di *Media Center*, ada *leaking* berlaku saya dapati di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik, baik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini adalah berkenaan dengan keselamatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Keselamatan pemberita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, jadi Yang Berhormat gunakan Peraturan hendak rujuk siapa, ke mana?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Salah guna Peraturan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini bukan salah guna. Ini keselamatan Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, *Point of Order, Point of Order*. Saya pun baru datang, saya pergi periksa ada enam tempat. RM100 juta belanja untuk ubahsuai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: RM100 juta ringgit!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bocor bumbung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah ini tempat yang selamat? Yang Berhormat Menteri yang jaga Parlimen, dia patut beritahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau Parlimen tidak selamat, tengok itu *call house* tidak selamat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang bocor sana sinilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Putrajaya tidak selamat, kerajaan bocor, apa? Parlimen dulu adalah yang pertama kali Parlimen berlaku. Sekarang berlaku lagi di Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri ada siasat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bocor sudah siasat. Esok mau bikinlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini *systematic government collapse*, mana boleh berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri, apa yang berlaku?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, besar pun bocor juga. Yang Berhormat Menteri sudah siasat, besok bikinlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini rumah, bina-bina, rakyat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Usul yang dikemukakan tidak tepat, tidak relevanlah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Tetapi serius..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Tetapi Yang Berhormat, saya belum habis cakap.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Serius, mana boleh, bukanya cakap, "*I'm sure, I'm sure*", Yang Berhormat setuju bahawa apa yang terjadi adalah satu perkara yang tidak boleh diterima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya belum habiskan hujah saya. Jadi, sila duduk.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, sila duduk. Sebenarnya tindakan telah diambil. Jabatan yang berkenaan telah diminta siasat dan ambil tindakan. Teruskan perbincangan, Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Adakah satu laporan akan diberi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa terus siasat, sekarang mahu siasat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah. Baiklah, cukuplah, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini hal lagi pentinglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah. Tindakan akan diambil. Cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini hal lagi pentinglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Korupsi, korupsi di sini. Satu mata jangan tutup di sini. Kita mesti mahu ambil tindakan susulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tindakan akan diambil.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Secara kita cakap tindakan. *Parliament is a supreme*. Kalau tempat di sini boleh terjadi macam ini, macam mana orang ramai ada kepercayaan dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, tidak apalah. Ini siasatan akan dibuatlah. Baiklah, Yang Berhormat, bersabarlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bila laporan akan disediakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kami juga mendapati bocor juga tetapi sebagaimana yang telah saya katakan, tindakan akan diambil tetapi kalau kata gunakan Peraturan Mesyuarat ini, mengapa tadi Yang Berhormat tidak mahu timbulkan semasa waktu pagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya baru tengok. Saya baru..., periksa dahulu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebenarnya, saya rasa Speaker tahu pagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pagi ini telah dilaporkan. Pada masa ini tindakan sedang diambil. Cukup, cukup, Yang Berhormat bagi Jasin.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sekarang ini sementara siasatan selamat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selamat, selamat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah selamat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selamat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada insurans kah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Lagi berlaku, hujan turun lagi berlaku kebocoran ke?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak menyambung perbahasan saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cukuplah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tanya sama saya, sini pun tidak bocor.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sana sini pun bocorlah! DAP pun bocor juga.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak ada modal.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semua bocorlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang mana ada bocor? Yang Berhormat...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana? Mana ada bocor sekarang? Mana ada bocor?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana bocor, mana?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, tiap-tiap bulan bocor juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah bulan-bulan pun bocor juga.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bodoh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tindakan boleh diambil di luar Dewan ini. Sekarang Dewan tidak bocor. Cukup, teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini di tempat di mana mahu bahas perkara-perkara penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak menafikan perkara ini tidak mustahak. Perkara ini mustahak dan tindakan sudah diambil.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tindakan sudah diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pihak yang berkenaan telah dimaklumkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *One-eyed jack, one-eyed jack!*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, tidak ada, mata pun tidak kena.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kena. Ada mata kita boleh nampak. Dia cakap tutup, mana boleh tutup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu Yang Berhormat bagi Jasin memang macam itulah. Dia ada setengah mata.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Diamlah. Kita ada banyak lagi. Tuan Yang di-Pertua, jangan layan ini semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, betul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang benar jangan layan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sejak dia kalah dekat Ijok, Tuan Yang di-Pertua, dia sudah gila bayang sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat balik kepada tajuk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ha.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik kepada tajuk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dia sudah gila bayang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Orang yang kalah di Ijok, Barisan Nasional! RM100 juta belanja di Ijok. *Money corruption!* Yang korup dalam Ijok ialah Barisan Nasional.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini surat khabar lama punya ceritalah. Ini baru punya cerita.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tutup mata, cerita yang baru.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Rang undang-undang yang kita bincang pada hari ini maha penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada hari ini saya hendak minta supaya kementerian apabila diluluskan, memastikan benda ini bergerak kerana pada hari ini bukan tutup mata. Hari ini orang-orang banyak ambil kesempatan. Ambil kesempatan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bintulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dia hendak penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, mana boleh kata Bintulu gengster.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tidak kata. Mana ada bukti saya ada kata?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi siapa kata Yang Berhormat bagi Bintulu gengster.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan saya, saya tidak dengar. Saya tidak begitu. Jangan buat tuduhan.

Beberapa Ahli: Tarik balik, tarik balik.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa hal lu cakap sama saya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Siapa kata Yang Berhormat bagi Bintulu gengster? Siapa mahu kata, siapa kata?

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa cakap?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak ada yang mengaku kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk, duduk.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Mana boleh itu macam?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sesiapa hendak berucap, hendak bercakap, hendak tegur, bangunlah, bangunlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pembangkang kadang-kadang mahu hormat sedikit lain-lain Ahli Parlimen. Jangan suka hati tuduh tidak betul. Kalau orang tuduh sama kita, pembangkang, nanti kita pun tidak seronok juga, marah juga.

■ 1440

Tuan Yang di-Pertua, kita ini memang dalam negara kita, undang-undang macam-macam ada. Memang kita undang-undang cantik, tetapi dalam pelaksanaan, kita pun tak tahulah. Kadang-kadang kita nampak langsung tiada undang-undang. Saya mahu minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat bagi Jasin, dia ada sedar ke tidak bila penguat kuasa,

sebelum ambil operasi, dalam mesyuarat sahaja belum sampai padang, semua satu dunia punya orang tahu. Macam mana ini boleh jadi berlaku? Kalau itu pegawai tidak jadi hantu, mana ada hantu di bawah.

[Ketawa]

Ini satu. Dua, dalam kementerian itu ada ambil perhatian atau tidak? Kadang-kadang kita ambil penguat kuasa, pegawai dia langsung tak ada kualiti. Kadang-kadang pakai pakaian pun tidak betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa berucap?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah. [Menuding ke arah Yang Berhormat bagi Jasin]. Kita minta penjelasan tapi kadang-kadang suara kuat sikit, dia boleh dengar baik-baik sikit. [Ketawa] Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jasin. Ini bukan *close one eyes*. Ini nak minta betul-betul punya penjelasan, kita mahu minta dua-dua mata ada, jangan satu mata. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bintulu. Kadang kala, kalau kita nak menengok macam nak menembak senapang. Kalau buka dua-dua belah mata Tuan Yang di-Pertua, *target* itu tak nampak. Kena kenyet mata sebelah itu terang kita tembak, *bulls eye* pergi dia. Ada masa kena tutup sebelah mata. Ini Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, *you* tak ada tutup sebelah mata ke kalau mahu tembak? Dua mata ke tengok?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi saya setuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu, Tuan Yang di-Pertua. Kadangkala, apabila pihak berkuasa nak ambil tindakan, bocor! Ini bukan kata dinding bocor, orang pun bocor ini Tuan Yang di-Pertua! Orang pun bocor! Bagaimana boleh berlaku? Kadang-kadang kita kata dalam rang undang-undang ini kita dapat mengawal *informer-informer*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya. Yang Berhormat ada sebut mengenai kebocoranlah.

[Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kebocoran oranglah, bukan kebocoran bangunan. [Ketawa] Itu pun bahasa ada ke? Kebocoran orang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak, tak. Itu maklumat bocor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kebocoran orang ya? Tadi Yang Berhormat bagi Bintulu kata tanya siapa kata ada tuduh pembangkang sini ada tuduh dia sebagai gengster. Kita tidak. Tetapi bukankah kebenaran bahawa kebocoran Yang Berhormat, di mana IGP kata ada tiga orang pemimpin politik yang menjadi di belakang gengster-gengster di Sibu. Seorang

Timbalan Menteri, seorang *Cabinet Minister* di Sarawak, seorang bekas Ahli Parlimen. Bukankah ini benar dan kalau ia benar, kenapa tindakan tidak diambil. Kenapa Timbalan Menteri yang ada di Dewan yang mulia ini, tidak ada masuk datang ke depan untuk menunjukkan beliau? Kalau ini berlaku, apa guna rang undang-undang di sini? Di mana seorang Timbalan Menteri yang ada di *identified*, di kesan oleh IGP sebagai orang yang bertanggungjawab mengenai gengster-gengster di Sibu yang ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu bukan? Di mana itu Timbalan Menteri? Dia di sini! Seorang Timbalan Menteri daripada Sibu, semua tahu. Kita mahu kenyataan ada benar, Yang Berhormat daripada Sibu, Robert Lau. Benar tak benar, dia orang yang ada dikesankan oleh IGP sebagai..... dulu *mayor* Kita mahu memberi penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Dah, dah. Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu memberi penjelasan! *Don't run away!*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya dah faham, saya dah faham.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin. Balik kepada tajuk kita.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Bintulu setuju ke tak setuju?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu, apa dia kata, saya fikir itu cuma *speculation*. Bukan daripada IGP. IGP cuma hanya kata ada tiga orang politik terlibat, tapi dia tidak ada cakap siapa. Saya fikir apa itu tuduhan daripada *speculation* nak tuduh siapa Timbalan Menteri itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, baiklah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu surat khabar cakap tapi bukan daripada IGP. *I think must be fair* lah dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: IGP ada bagi tahu sama *you?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sambung. Sambung ucapan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Saya nak menyambung ucapan. Sebelum itu kalau saya tak menjawab apa yang dikemukakan oleh dua-dua orang ini Tuan Yang di-Pertua, kita tak sedap juga kerana saya apabila kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu berkenaan dengan gengsterisme dekat Sibu, saya juga ambil bahagian kerana hendakkan polis siasat. Dan hari ini polis sedang siasat dan saya pun nak menunggu juga sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi ada tiga orang politik dan sebagainya, kami pun nak tahu juga siapa! Kerana kita nak menegakkan undang-undang. Kalau kita kerajaan Barisan Nasional dah berjanji kepada rakyat, kita tak pilih pangkat, kita tak pilih siapa. Kalau didapati bersalah,

salah! Dan ini daripada dulu sampai sekarang, ada menteri didakwa, ada menteri dilucut jawatan, ada yang didakwa masuk mahkamah, masuk dalam *jail*, dilokap pun ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ok, penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nak penjelasan apa? Cukup! Saya tak ada masa, saya tak ada masa!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Yang Berhormat setuju bahawa Yang Berhormat Sibul datang buat satu *minister statement* esok mengenai kedudukan beliau sendiri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Cukup! Saya tak bagi lagi. cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Come and make a minister statement!*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Cukup. Cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ahli Parlimen bagi Sibul sama ada dia...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Eh, duduklah. Siapa suruh bangun?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Innocent?*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sedang disiasat. Kita sama-sama tunggu. Kami di Barisan Nasional pun hendak menunggu juga! Dan saya berharap Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat supaya bagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bintulu tadi, kita kena ambil berat. Dan hari ini dah menubuhkan majlis. Saya pun seronok juga tengok ini ha. Yang diketuai oleh menteri, KSU, Imigresen. Ini Kastam pun ada juga Tuan Yang di-Pertua!

[Ketawa]

Ini Tuan Yang di-Pertua, ini fasal *human*, perdagangan orang ini pula Kastam pula masuk. Hari ini saya marah dia kerana tak dapat kutip cukai yang secukupnya. Tahun 2005 dia dapat kutip RM25 bilion, 2006 RM23 bilion. Kerja dia pun dia tak dapat buat Tuan Yang di-Pertua, habis kita nak bagi dia kerja baru pula ini. Jaga orang? *[Ketawa]*. Jadi saya pun tengok, menteri tengok pula benda ini ya?

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, yang hari ini juga selain daripada *trafficking* orang, bawa masuk perdagangan orang, sebagai pelacur, sebagai pekerja yang tidak jadi hamba, yang terbaru fenomena yang berlaku dalam negara kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, *trafficking* perdagangan kanak-kanak yang dijadikan peminta-peminta sedekah.

Di Kuala Lumpur berleluasa. Di Melaka pun ada. Ada kanak-kanak yang daripada Sabah dilarikan ke Kuala Lumpur. Di suruh untuk meminta sedekah. Baru-baru ini negara dikejutkan dengan satu peristiwa yang mana seorang anak berumur 6 tahun yang nama Yin itu, yang telah diambil, secara kebetulan keluarga Myanmar ini bersifat baik dan telah memberi perlindungan kepada anak-anak dengan tujuan yang baik. Tetapi oleh kerana benda ini berleluasa dalam negara, akhirnya keluarga ini yang jadi mangsa. Jadi kita pun nak kena tengok soal-soal ini. Jangan soal perdagangan manusia ini otak kita hanya kepada pelacuran, kepada

GRO, ini yang terbaru ini. Saya nak minta juga pihak Imigresen supaya mengkaji balik yang *visa on arrival*.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tahun ini kita faham, tahun 2007, Tahun Melawat Malaysia. Kita bagi kemudahan kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita dengan mengisukan *visa on arrival*. Tetapi banyak di antara orang-orang, ada kalangan orang-orang ini ambil kesempatan. Sila Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Kalau kita melihat kepada peruntukkan akta ini, salah satu fungsi dan kuasa Majlis ialah untuk membuat pencegahan, berkaitan dengan kanak-kanak yang dikatakan memungut, meminta derma. Ada teknologi atau kaedah baru sekarang ini. Mereka dikerahkan untuk menjual-jual barang. Kalau kita misalnya makan di tempat-tempat makan, kebanyakan di Kuala Lumpur malahan di Bukit Bintang pun, kanak-kanak ini datang menjual tisu, menjual dan sebagainya. Setakat ini apakah tindakan pencegahan yang telah dilakukan yang saya melihat lebih patut diutamakan pencegahan daripada penguatkuasaan supaya kanak-kanak ini dapat diselamatkan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin dalam hal ini? Terima kasih.

■ 1450

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Memang kita pandang serius perkara ini dan saya hendak jadikan sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat bagi Petra Jaya ini sebahagian daripada ucapan saya supaya menteri menjawab. Kerana Yang Berhormat Menteri pun bertanggung jawab berkenaan dengan pelarian *United Nations...* *[Ketawa]* Dan kebanyakan anak-anak yang buat macam ini mendapat perlindungan istimewa daripada *United Nations*.

Pun kita hendak tahu juga. Berbalik kepada apa yang saya hendak sebut tadi, *Visa on Arrival*. Hari ini banyak orang ambil kesempatan berkenaan dengan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Saya tidak tahu sama ada kerajaan tahu atau tidak tetapi di luar percakapan-percakapan di kedai kopi yang kita dengar, sehinggakan pada hari ini nikah kontrak pun sudah ada di Malaysia. Tiga bulan Tuan Yang di-Pertua RM10,000, hendak wanita dari negeri China, hendak wanita daripada Uzbekistan, dua tan, tiga tan, empat tan, semua ada Tuan Yang di-Pertua. Pilih sahaja. Gambar-gambar yang segar bugar, cantik molek. Sewaannya RM10,000 untuk tiga bulan.

Ini bukan iklan Tuan Yang di-Pertua. Ini yang saya dengar dekat luar dan kebanyakan dari orang-orang ini masuk sebagai pelancong dan dia menyalahgunakan visa yang diberi itu. Walaupun sedikit Yang Berhormat bagi Kinabatangan, walaupun benda ini sedikit, kita takut dan benda ini memang benar dijalankan oleh sindiket-sindiket yang ada ini. Oleh yang demikian, kita berharap dengan berkuat kuasanya rang undang-undang ini, saya berharap Malaysia dapat

dibebaskan dan sindiket-sindiket ini harus kerajaan banteras supaya nama negara kita ini jangan tercemar di mata dunia.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

2.52 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya amat menyokong rang undang-undang ini. Sesungguhnya kesalahan pemerdagangan orang khususnya kaum wanita dan kanak-kanak merupakan satu kesalahan yang amat serius dan semakin berleluasa. Oleh itu rang undang-undang ini adalah tepat pada masanya. Saya perhatikan rang undang-undang ini adalah serius untuk membanteras kesalahan pemerdagangan orang. Ini dapat dilihat daripada anggota majlis bagi antipemerdagangan orang. Terdapat 7 Ketua Setiausaha Kementerian, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Imigresen, Kastam, Maritim dan lain-lain tetapi apa yang lebih penting ialah pelaksanaan kuasa dan fungsi majlis secara berkesan.

Perkara yang perlu ditekankan ialah langkah-langkah mencegah pemerdagangan. Langkah-langkah untuk menghapuskan pemerdagangan dan memberi bantuan sama ada perlindungan, kaunseling, kewangan dan emosi. Tidak guna kalau majlis ini tidak ada langkah-langkah serius untuk pemerdagangan orang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering baca dalam surat khabar dan media masa yang lain di mana kanak-kanak hilang dan kemudian diseludupkan untuk digunakan dalam pelbagai jenis kegiatan termasuk pelacuran, minta sedekah atau mengemis dan perniagaan haram. Tidak kurang juga kes-kes wanita yang dihilangkan, diculik dan dipemerdagangan bagi tujuan pelacuran. Oleh itu majlis yang ditubuhkan ini hendaklah suatu majlis yang efektif dan berkuasa untuk mengatasi masalah sosial ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya tentang penalti bagi kesalahan pemerdagangan orang di bawah Fasal 12. Hukuman yang boleh dikenakan ialah tidak melebihi 15 tahun. Adakah ini setimpal dengan kesalahan yang amat serius itu? Mengapa tidak diadakan hukuman sebatan? Mengapa tidak diadakan hukuman minimum. Kita semua tahu jika tiada hukuman minimum, mahkamah boleh kenakan hukuman satu hari atau satu minggu sahaja. Adakah ini adil kepada mangsa dan mencegah orang dari melakukan kesalahan ini? Walaupun saya sedari bahawa Fasal-fasal 13, 14 dan 15 ada hukuman minimum yang saya amat sokong, tetapi mengapa tidak diadakan hukuman minimum bagi kesalahan Fasal 12. Apa yang saya bimbang ialah pihak polis ataupun pendakwa akan tuduh pesalah di bawah Fasal 12 untuk kemudahan tugas mereka dengan memujuk pesalah mengaku salah dikenakan hukuman penjara yang minimum ialah mungkin satu hari atau satu minggu sahaja.

Satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan ialah bagi kesalahan di bawah Fasal 12, 13 atau 14 kerelaan bukanlah merupakan satu penderaan tetapi bagaimana bagi kesalahan di bawah Fasal 15. Adalah kerelaan boleh diterima sebagai suatu penderaan. Ini akan timbul isu-isu sama ada kerelaan itu secara betul-betul rela atau rela paksa. Saya amat menyokong Fasal 17 di mana kelakuan seksual lampau orang yang dipemerdagangkan adalah tidak relevan. Adalah tidak adil sama sekali untuk mengungkit kelakuan seksual dan sama ada dengan suami atau bekas kekasih diperdengarkan dalam sesuatu perbicaraan. Perlindungan ini adalah amat penting untuk menjaga maruah mangsa yang dipemerdagangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini perlu ada pegawai penguat kuasa dan perlu diberi kuasa-kuasa penguatkuasaan yang cukup. Saya sokong kuasa penangkapan di bawah Fasal 29(1)(a) bagi menangkap orang yang cuba melakukan kesalahan di bawah akta ini tetapi saya minta pegawai penguat kuasa berhati-hati semasa membuat tangkapan di bawah Fasal 29(1)(b) semasa membuat tangkapan. Di bawah Fasal 29(1)(b) hanya di atas disyaki secara munasabah.

Saya berharap fasal ini tidak disalahgunakan oleh pegawai penguat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang saya ingin membangkitkan ialah mengenai Fasal 51(3) iaitu tentang perintah perlindungan. Di bawah Fasal 51(3)(a)(i) bagi orang yang diperdagangkan ialah seorang warganegara atau PR Malaysia. Majistret boleh buat perintah perlindungan, iaitu orang itu ditempatkan di tempat perlindungan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Sebaliknya orang yang diperdagangkan ialah seorang warganegara asing, di bawah Fasal 51(3)(a)(ii) ia boleh ditempatkan di tempat perlindungan selama tempoh 3 bulan. Saya ingin tahu mengapa perlu ditempatkan mangsa *trafficking* ini bagi warga negara atau PR Malaysia 2 tahun dan bukan warganegara 3 bulan. Bukankah lebih baik bagi bukan warganegara mereka hantar balik terus dan bagi warganegara ataupun PR Malaysia, perlindungan selama 2 tahun adalah masa yang terlalu panjang. Apakah akan dibuat selama 2 tahun itu? Apakah kurikulum ataupun rancangan bagi mereka yang ditahan di bawah perintah perlindungan itu?

Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

3.02 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri turut menyokong serta menyambut baik Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007 ini. Seperti juga rakan-rakan yang lain demi melindungi orang dan juga nama baik negara kita, saya akan hanya menyentuh beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua, terutamanya yang berkaitan dengan rang undang-undang ini seksyen 12, 13, 14 dan beberapa seksyen lagi.

Kalau kita melihat kepada rang undang-undang ini, tidak terdapat kekeliruan pada saya akan maksud dan tujuan terutamanya dari segi hukuman, pemenjaraan dan juga denda yang

ditetapkan. Kalau kita melihat kepada senario pemerdagangan orang ini melibatkan satu sindiket yang besar, sindiket antarabangsa dan juga sindiket tempatan, melibatkan sama ada untuk tujuan seks dan sebagainya.

Kalau kita melihat kepada seksyen 12 misalnya, menyatakan bahawa mana-mana orang yang memperdagangkan orang bukan merupakan seorang kanak-kanak untuk tujuan eksploitasi, maka mereka akan dikenakan hukuman pemenjaraan tidak lebih daripada 15 tahun dan boleh juga didenda dan tiada jumlah denda yang dinyatakan. Sebab itu saya melihat adalah tidak konsisten dalam beberapa peruntukan.

Kalau kita melihat kepada beberapa seksyen yang memperuntukkan ada jumlah denda dikenakan, seksyen 15, 18 dan 23 menyatakan ada peruntukan jumlah denda dikenakan. Seksyen 15, kalau kesalahan melibatkan eksploitasi orang yang diperdagangkan, maka denda yang dikenakan ialah RM50,000 dan tidak melebihi RM500,000 ribu, tetapi ada beberapa seksyen tidak menyatakan jumlah denda yang dikenakan.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, pihak menteri khususnya, mengapa kita membezakan kesalahan yang melibatkan kanak-kanak dan juga yang tidak melibatkan kanak-kanak. Seksyen 12 dan 13 adalah peruntukan yang tidak melibatkan kanak-kanak, di mana hukuman penjara dinyatakan dalam seksyen 12, tidak melebihi 15 tahun tetapi dalam Fasal 13 ataupun seksyen 13 menyatakan, yang tidak melibatkan kanak-kanak pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun.

Begitu juga kalau kita melihat seksyen 14 yang melibatkan kanak-kanak, hanya dikenakan penjara tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda. Jadi, kadar peruntukan ini nampaknya tidak ada peruntukan yang jelas. Apakah tujuan dan maksud kementerian dalam memperkenalkan undang-undang ini? Mengapa kita membezakan antara orang dewasa dan kanak-kanak?

Pada saya kalau kanak-kanak kita kena meletakkan hukuman yang lebih berat. Maknanya kalau penjara tidak melebihi 15 tahun dan ada minimumnya, begitu juga kalau kita hendak meletakkan denda, mesti ada jumlah minimum dan jumlah maksimum. Kalau kita tidak mahu mendenda, biar jangan denda, penjara sahaja. Ia wajib dipenjarakan kalau melibatkan kesalahan memperdagangkan kanak-kanak ataupun orang dewasa. Jangan kita bezakan, sebab ini adalah satu kesalahan yang serius dan saya ingin melihat perkara ini supaya ada konsistensi dalam kita meletakkan hukuman sama ada penjara ataupun denda berbentuk wang ringgit.

Jadi, beberapa perkara dalam seksyen-seksyen yang saya katakan tadi menyatakan ada perkara yang tidak konsisten dalam perkara ini dan saya mengharapkan perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Sila, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya balik kepada seksyen 14 – kesalahan pemerdagangan kanak-kanak ini serius. Kalau kita sebut maksimum, minimum, kalau boleh kita tambah sikit, kita tambah biar ada sebatan. Sebatan saya dengar tadi, Yang Berhormat bagi Gelang Patah ada sebut, saya menyokong. Sebab kalau setakat denda dengan penjara relaks. Walaupun penat, relaks.

Tambahkan sebatan, bagi minimum, kalau tidak pun bagi tiga-tiga sekali, dengan penjara, denda, sebatan. Bagi saya, saya menyokong penuh. Dari segi... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] untuk mencegah diharuskan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi, perkara ini harus diambil berat dan pemerhatian oleh pihak kementerian supaya satu kesalahan yang berat ini akan dihukum dengan setimpal supaya ianya dapat menjadi satu pencegahan yang lebih efektif kepada mana-mana orang yang berniat untuk melakukan kesalahan ini.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada beberapa seksyen, ini berkaitan dengan seksyen 12, menyatakan bahawa mana-mana orang. Jadi, takrifan mana-mana orang hanyalah melibatkan manusia. Maknanya perseorangan, manusia perseorangan ataupun secara berkumpulan dan dinyatakan pula di seksyen 64, mentakrifkan organisasi hanya melibatkan pegawai-pegawai yang menguruskan persyarikatan ataupun perkongsian.

Jadi, kita tidak ada peruntukan untuk melihat kepada satu organisasi sebagai satu kesalahan. Maknanya ini terlibat *organize crime*. *Organize crime* ini boleh dilakukan oleh pertubuhan, sama ada berbentuk syarikat ataupun perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat ataupun Akta Perniagaan. Ini amat penting, sebab kalau kita melihat kepada penguatkuasaan ataupun penyitaan harta di bawah seksyen 30, 31 dan sebagainya, hanya merujuk kepada penyitaan ke atas aset tidak alih, dokumen dan sebahagiannya yang dimiliki oleh syarikat tetapi tidak ada peruntukan nanti.

Kita mengambil tindakan seterusnya iaitu melucut hak. Apakah harta tetap bangunan ataupun tanah yang dimiliki oleh syarikat itu kita boleh ambil tindakan untuk melucut hak ataupun tidak? Ini amat penting untuk kita jelaskan sejelas-jelasnya supaya peruntukan untuk kita menangani *organize crime* ini akan lebih terperinci, untuk kita ambil tindakan terhadap syarikat yang memiliki harta tetap misalnya. Kalau bangunan itu digunakan untuk tujuan sindiket, meletakkan, menyimpan anak-anak, menyimpan orang yang diperdagangkan ini kita boleh rampas harta mereka untuk ditutup bangunan tersebut dan kalau perlu dilucut hak bangunan tersebut supaya bangunan tersebut boleh diambil oleh kerajaan.

Sebab itu saya melihat peruntukan ini masih kurang jelas berkaitan dengan perkara tersebut.

■ 1510

Perkara ketiga ialah berkaitan dengan akaun bank yang diletak atas nama syarikat. Adakah kita boleh mengambil, membekukan akaun bank syarikat-syarikat tersebut yang terlibat dalam kegiatan memperdagangkan orang. Peruntukan di sini tidak berapa jelas kalau kita melihat kepada seksyen 64 tadi. Sebab seksyen 64 tidak menerangkan dengan jelas, bukan 64, tetapi berkaitan dengan penyitaan, seksyen 32 misalnya, hanya menyebut berkaitan dengan mengambil apa-apa harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen atau apa-apa organ manusia tetapi adakah akaun bank boleh termasuk dalam mana-mana kategori yang dimaksudkan dalam seksyen 30 ini. Jadi, inilah beberapa perkara yang ingin saya nyatakan ...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat mohon penjelasan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Silakan, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Saya cukup tertarik tadi tentang apa yang disebut dan istilah yang digunakan *organize crime*. Saya kira saya amat bersetuju bahawa aktiviti pemerdagangan orang ini ada sesuatu sindiket ataupun disebut sebagai *hidden syndicate* dan juga *organize crime*, seperti mana istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya tadi. Apakah di dalam peruntukan ini ada *provision* tentang memberi perlindungan kepada orang yang memberi maklumat-maklumat itu sendiri. Sebab saya kira pemerdagangan orang ini ada sesuatu agensi yang mengendalikannya. Kalau kita boleh lihat di sini bahawa dari segi membawa pekerja-pekerja asing di negara kita ini yang melibatkan kira-kira 26 juta orang, ini adalah merupakan satu jumlah yang besar. Saya kira di celah-celah itu, di antara mereka itu sudah pasti ada agensi-agensi yang mengendalikan kerja-kerja memperdagangkan manusia ini.

Jadi, dalam konteks ini saya hendak bertanya Yang Berhormat apakah ada *provision* untuk memberi perlindungan kepada, saya gunakan istilah *whistle-blowers* ini, yang melaporkan kes-kes ini kepada kerajaan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebenarnya peruntukan rang undang-undang ini saya harus memuji usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian, AG dan keseluruhan kementerian yang terlibat dalam perkara ini. Kalau kita melihat seksyen 26, memang ada peruntukan untuk melindungi pemberi maklumat. Seksyen 26 dengan jelas ada peruntukan malahan mangsa pun diberi perlindungan. Sebab itu diberikan peruntukan untuk mereka memberi kenyataan melalui *video conferencing* supaya mereka tidak berdepan dengan mereka yang melakukan kesalahan jenayah tersebut.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis kah?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Saya memberikan laluan kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sedikit sahaja, ada kaitannya dengan *whistle-blower* tadi.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Ya, silakan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tentang *whistle-blowers* ini dengan izin, pemberi maklumat. Agenda ini sebenarnya tidak akan dapat selesai kalau hanya pihak berkuasa yang diberi kuasa sahaja itu yang terlibat. Bagi saya mesti ada satu agenda permuafakatan komuniti ahli masyarakat. Saya hendak bertanya pandangan daripada Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Mereka yang memberi maklumat itu adakah kewajaran untuk diberi hadiah. Nampaknya sekarang ini ada dua unsur penting, ganjaran, dendaan. Jadi kepada mereka yang memberi kerjasama ini ada kewajaran atau tidak untuk diberikan hadiah sebagai satu insentif kepada mereka untuk memberi kerjasama dalam membanteras isu pemerdagangan manusia ini. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Apa yang dicadangkan dan dikemukakan oleh Sabak Bernam akan saya ambil sebagai satu persoalan yang saya ingin cadangkan kepada pihak kementerian untuk dipertimbangkan sama ada, ada kewajaran atau tidak untuk kita memperuntukkan insentif kepada pemberi maklumat sebagaimana juga dilaksanakan atau diamalkan oleh kastam dalam perkara ini. Pemberi maklumat kepada perkara-perkara yang melibatkan penyeludupan, misalnya.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan disebabkan ini merupakan satu sindiket jenayah yang bukan sahaja di peringkat Malaysia, melibatkan seluruh dunia, jadi saya ingin mencadangkan sama ada kementerian akan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu akta apa yang boleh dikatakan satu *organize crime act*. Maksudnya *organize crime act* ini untuk melibatkan bukan sahaja perseorangan manusia tetapi melibatkan pertubuhan sama ada bentuk persatuan, perkongsian, persyarikatan supaya boleh diambil tindakan termasuk membekukan aset mereka, membekukan akaun mereka dan sebagainya. Hanya dengan ada peruntukan yang lebih luas ini barulah kita dapat melumpuhkan segala sindiket yang melibatkan pemerdagangan orang ini.

Jadi, untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

3.15 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Yang Berhormat Menteri pun ada mengkaji dengan teliti mengenai masalah pemerdagangan orang ini dan ada beberapa cadangan itu ada baiknya juga. Kita mesti sokong dan bekerjasama. Walau bagaimanapun saya nampak ada kelemahan-kelemahannya juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong dengan bersyaratlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:...Ada kelemahan-kelemahan juga kerana ini satu jenayah, satu perbuatan manusia yang paling jijik, yang sepatutnya orang yang melakukan kesalahan seumpama ini dihantar ke neraka supaya dibakar oleh api neraka. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun bersetuju. Itu jenayah yang paling jijik.

Selepas meneliti apa yang terkandung dalam rang undang-undang ini, memang satu permulaan sama ada rang undang-undang ini apabila diluluskan kelak menjadi akta berkesan ataupun tidak kita belum tahu lagi. Saya berharap ia akan berkesan dan dipinda dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan penguatkuasaannya.

Pertama, yang tidak ada peruntukan untuk mendapat maklumat dan data mengenai insiden pemerdagangan orang di Malaysia misalnya, kerana ini memang susah untuk mendapat maklumat. Salah satu halangan bagi pihak kerajaan untuk mengambil tindakan iaitu kerana kekurangan maklumat. Pada masa hadapan kita adakan peruntukan supaya kita ada kaedah untuk memungut maklumat bukan sahaja maklumat di dalam negara bahkan juga di luar negara. Kita memerlukan kerjasama pelbagai pihak di dalam dan di luar negara untuk mengatasi penjenayahan ini dan memang sangat rumit.

Saya pun ada meneliti beberapa laporan termasuk laporan pada tahun 2004, iaitu laporan *Trafficking in Women and Children* oleh Suhakam. Nampaknya, Yang Berhormat Menteri, kita mengambil masa tiga tahun untuk menggubal satu rang undang-undang. Begitu rumit untuk mengadakan tindakan yang berkesan kerana undang-undang seumpama inilah merupakan salah satu langkah untuk mencegah apa yang berlaku di dalam Malaysia.

Tadi Yang Berhormat Menteri pun ada kata, kita diletakkan dalam *tier* yang kedua pada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu PBB yang menganggap Malaysia tidak mengambil tindakan yang cukup untuk mengatasi masalah *transnational* ini. Saya merasa bingung juga, Protokol PBB ini... PBB yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu diadakan pada tahun 2000 dan pihak Malaysia mengambil tujuh tahun untuk mengkaji dengan teliti protokol ini dan kita belum lagi mengadakan ratifikasi.

■ 1520

Saya berharap kajian ini dibuat dengan cepat. Kita adakan ratifikasi protokol PBB. Kita perlu, kerana kita hendak ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tanya soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Yang Berhormat setujukah dengan saya apabila kita memberi pandangan bahawa kerajaan perlu membuat kajian. Kerap kali perkara macam itu dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Saya rasa masa sudah tiba supaya kita ada satu kementerian khusus untuk pengajian macam ini. 'Menteri Kajian', dia kaji sahaja, lain tidak perlu buat kerja. Kenapa kita hendak paksa Yang Berhormat bagi Padang Rengas dia kaji perkara macam ini? Kalau kita ada satu kementerian yang khusus, kita salurkan semua hal mengenai kajian ini kepada Menteri Kajian. Apakah Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, memang cadangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ini diambil kiralah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak adalah! Tak boleh ambil kiralah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, itu perlu punya kenyataan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kepong, Kepong. Kalau ini yang di bawah kementerian kajian itu dipegang oleh menteri yang sama bolehkah dibuat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Boleh juga tetapi kita itu ... Cuma Yang Berhormat, ...

Tuan Yang di-Pertua, Suhakam keluarkan satu laporan. Mujurlah tiga tahun sahaja bukan tujuh atau sepuluh tahun ia dapat menggubal satu rang undang-undang. Itu baik juga, tiga tahun sahaja. Tetapi ini protokol kita, kita kaji tujuh tahun sudah. Kalau anak yang baru lahir tujuh tahun selepas itu dia masuk ke sekolah dah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hah, Yang Berhormat bagi Jerai, saya gembira juga, dia berminat kerana di Jerai pun kita tidak mahu penjenayahan yang begitu jijik juga. Yang Berhormat bagi Arau pun macam itu juga lebih kurang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, baru saja masuk apa hendak tanya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya dengar daripada luar. Saya dengar Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat bagi Kepong. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat saya, dalam sesuatu rang undang-undang yang kita hendak buat, kita tidak mahu menganiayai golongan-golongan yang tertentu?

Sudah tentu kita kena buat kajian yang terperinci, Bahagian Perundangan, bahagian itu dan ini kena ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Ipoh Barat ada sebut ini perlu kajian. Kajian memang tidak dinafikan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi, nak suruh tubuh satu Menteri Kajian, inilah yang buruk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri yang sama akan pegang jawatan itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita tidak boleh, ini menyakitkan hati pun tidak bagus. Kena kaji juga pasal apa orang sakit hati. Ini kajian.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kalau Yang Berhormat bagi Jerai ini mudah tersinggung, itu masalah juga [*Ketawa*].

Yang Berhormat Menterinya di sinilah saya berharap kita dapat membuat ratifikasi ke atas protokol PBB dan seterusnya saya mencadangkan supaya kita adakan memorandum persefahaman di antara Malaysia dengan Thailand, di antara Malaysia dengan Indonesia, Vietnam, Kemboja dan sebagainya dan dengan China juga kerana ramai mangsa datang dari China. Kita mesti mengambil kira jugalah. Yang Berhormat Menteri bolehkah sebutkan di Dewan yang mulia ini rakyat Malaysia yang menjadi mangsa itu sama ada di dalam atau di luar negara dan setakat ini apakah memorandum persefahaman yang sudah pun diadakan untuk maksud tip ini.

Daripada rang undang-undang ini walau pun ada majlis, Bahagian 2 - Majlis Bagi Antipemerdagangan Orang. Kita perlu ada majlis bagi tip ini tetapi saya berpendapat bahawa Pasukan Petugas Nasional Antipemerdagangan Orang memang perlu Yang Berhormat Menteri, kerana dalam mengesan, memantau keadaan pemerdagangan orang ini memang susah sekali. Memang susah, perlu ada pasukan petugas khas untuk mengesan siang malam, berbulan-bulan kerana sindiket ini memang begitu kaya, berbilion-bilion ringgit yang terlibat dan mereka memang pandai bahkan juga di Malaysia pun kita sudah merdeka 50 tahun dan kita ambil 50 tahun untuk mengadakan rang undang-undang seumpama ini. Cuba bayangkan, Yang Berhormat Menteri pun mungkin tidak cukup maklumat untuk memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, di dalam 50 tahun separuh abad apakah keadaan ataupun perkembangan jenayah ini di dalam negara kita. Dia tidak mempunyai cukup maklumat. Kita perlu ambil 50 tahun sebelum kita adakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu kes untuk menyelamatkan kanak-kanak dan sebagainya, kadang kala kita mesti mengekori berbulan-bulan untuk mengetahui di mana mangsa disimpan, siapa yang terlibat dan sebagainya. Pegawai-pegawai bertugas pun memang perlu komited dan berdedikasi untuk membuat kerja.

Di sini saya ingin membuat komen sedikit atas apa yang perlu dibuat untuk memperkukuhkan penguatkuasaan selain daripada menubuhkan Pasukan Petugas Nasional, saya juga mengesyorkan supaya kita adakan jawatankuasa Kabinet kerana kita ada jawatankuasa untuk bencana alam dan sebagainya, ini pun suatu jenis bencana juga. Bukan sahaja bencana bahkan pencabulan hak asasi yang begitu dahsyat sekali.

Saya mengesyorkan supaya kita adakan Jawatankuasa Kabinet Antipemerdagangan Orang supaya Yang Berhormat Menteri tiap-tiap kali ada di hadapan kita boleh berbincang macam mana kemajuan penguatkuasaan ini dalam menghapuskan jenayah ini. Ini memang

suatu perkara yang penting. Kita tidak mahu Yang Berhormat Menteri bila dia masuk ke Kabinet dia diam sahaja dan balik ke Padang Rengas, itu sahaja. Kita tidak mahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong ini suka buang masa. Tak sangkut hal dengan ini dia cakap, kita masa terhad, kita minta Yang Berhormat bagi Kepong ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banding dengan Yang Berhormat bagi Jerai, lebih kurangnya [*Dewan riuh*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa buang masa? Kita hendak tubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Antipemerdagangan Orang, itu buang masa? Oh! Yang Berhormat bagi Jerai! Yang Berhormat bagi Arau pun patut memberi nasihat [*Ketawa*] Bahkan Yang Berhormat Menteri pun tidak mengacau saya mengenai ini kerana dia tahu ini suatu perkara yang serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya saya pun tidak tegurlah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tahulah. Saya tahu. Tuan Yang di-Pertua pun dia faham juga kerana dalam hal pemerdagangan orang ini kita mesti mengiktiraf penjenayahan ini berlaku. Kita mesti ada kesedaran yang kukuh daripada pelbagai pihak termasuk komuniti kita dan masyarakat, kita perlu adakan pendidikan yang cukup daripada bangku sekolah lagi pendidikan yang cukup untuk bukan sahaja kesedaran bahkan juga tindakan daripada pelbagai pihak, NGO dan golongan-golongan yang tertentu yang terlibat di dalam pencegahan pemerdagangan orang, ini memang perlu.

■ 1530

Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam rang undang-undang ini, ia tidak mengandungi peruntukan bagi badan-badan bukan kerajaan atau NGO dan komuniti. Ini memang satu kelemahan kerana pihak kerajaan sahaja tidak cukup, kita perlukan NGO. Kita perlukan golongan-golongan yang tertentu untuk membantu pihak kerajaan dan kita patut adakan peruntukan bagi NGO dan komuniti kita. Salah satu masalah dengan penjenayah ini ialah pelancongan dan industri pelancongan kadang kala terlibat dengan aktiviti-aktiviti pelancongan seksual, macam-macam seksual. Kita perlu ada peruntukan, bagaimana pihak Kementerian Pelancongan dapat menggubal garis panduan yang tetap terhadap eksploitasi seksual wanita dan kanak-kanak.

Di sini pun tadi apabila Yang Berhormat Menteri menghuraikan rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri pun tidak menyentuh langsung mengenai pelancongan. Ini satu perkara yang perlu diambil perhatian untuk menyelesaikan masalah dan bukan sahaja Kementerian Pelancongan bahkan juga pihak-pihak berkuasa tempatan dengan pelbagai *premises* nya termasuk pusat-pusat hiburan. Yang Berhormat bagi Jerai juga mesti mengambil perhatian terhadap pusat-pusat hiburan sama ada di Jerai, di Arau atau di tempat-tempat yang lain. Di Sri

Gading macam itu juga, saya nampak banyak pusat-pusat hiburan di situ. Di Arau tidak ada? Oh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Di Kepong banyak, di Kepong banyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Arau dia pergi seberang!... *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh, begitu kah? Dan di sini... *[Merujuk kepada rang undang-undang]* Tidak ada peruntukan langsung mengenai PBT iaitu Pihak Berkuasa Tempatan. Kita mempunyai 144 PBT. Apakah peranan mereka? Apakah antipemerdagangan mereka? Saya mengesyorkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan buat satu garis panduan yang tetap dan seragam bagi 144 PBT termasuk DBKL dan mungkin Johor Bahru juga yang dianggapkan paling aktif pusat-pusat hiburannya, yang paling aktif. Kita mesti adakan garis panduan yang seragam bagi semua PBT untuk membantu, bekerjasama...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Johor Bahru, Tuan Yang di-Pertua kita punya bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa cakap?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu, Kulai bukan? Kulai itu termasuk Johor Bahru jugalah sebahagian besarnya. Itulah mengenai PBT.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kita perlukan kerjasama daripada semua pihak, kerjasama Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai penguat kuasa, pendakwa raya dan NGO-NGO untuk sama-sama menjayakan, menguatkuasakan rang undang-undang ini sebab itu saya akan meneliti sedikit mengenai fasal-fasal di dalam rang undang-undang ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab apa yang saya sebutkan tadi. Banyak cadangan, bukan satu, dua dan di sini mengenai hukuman Fasal 12 dan 13.

Saya bersetujulah ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengatakan tidak cukuplah Fasal 12 iaitu pemenjaraan bagi tempoh tidak melebihi 15 tahun bagi yang menganiayai kanak-kanak, wanita dan lelaki juga ada. Ada mereka lelaki lembut, oh... *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan buang masa.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Menjejaskan kehidupan mereka, harapan mereka, dan mencederakan jiwa mereka tetapi hukumannya hanya tidak melebihi 15 tahun. Bagi saya bukan sahaja sebatan bahkan juga dipenjarakan seumur hidup kerana dia membuat mangsa menderita kadang kala kena AIDS dan mati pada umur 15 tahun atau 16 tahun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat bagi Kepong, Sabak Bernam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong baru sahaja mengadakan istilah yang penting dan kritikal dalam kita menyelesaikan masalah khususnya masalah jenayah sosial yang berkaitan antipemerdagangan manusia. Menggunakan istilah “perlukan kerjasama semua pihak”. Saya setuju, boleh tak huraikan sedikit Yang Berhormat sebab ramai sangat orang menggunakan istilah mesti beri kerjasama, mesti menjadi mata dan telinga kerajaan, mesti wujudkan permuafakatan tetapi tahap keberkesanan dan pencapaian sama juga. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Kepong apabila menggunakan istilah “kena beri kerjasama semua pihak?” Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang soalan itu tepatlah, memang betul. Walau bagaimana pun pihak kerajaan mesti menunjukkan teladan, pegawai-pegawai penguat kuasa mesti bersih, cekap dan beramanah kerana saya akan sentuh sedikit mengenainya. Tunjukkan contoh teladan termasuk Yang Berhormat bagi Padang Rengas, tunjukkan yang dia benar-benar komited dan berdedikasi. Itulah caranya yang pertama. Kita perlukan pendidikan untuk menambahkan lagi kesedaran bagi menggalak, memujuk setengah golongan, membantu menjadi telinga dan mata dan sebagainya. Kerana banyak takut, kita takut mangsa pun takut. Cuba tanya Yang Berhormat Menteri. Kita takut mangsa mungkin trauma kerana sangat-sangat teruk.

Mengenai Fasal 12 dan 13 kita tengok macam mana. Pemenjaraan, Fasal 13 bagi tempoh tidak kurang tiga tahun.

■ 1540

Kita rosakkan beratus-ratus nyawa orang. Tiga tahun apa maknanya, tetapi tidak lebih daripada tiga tahun. Ada yang mati kerana itu, kerana perbuatan mereka ada yang mati dan dia kena tiga tahun. Apa maknanya? Kalau didapati bersalah seumur hidup, itu pun tidak boleh.. [Ketawa] Yang Berhormat Menteri dia ada pendidikan dari segi undang-undang, hukum mati itu susah bagi dia. Seumur hidup terutamanya Fasal 14 - Kesalahan perdagangan kanak-kanak.

Jadi bagi saya itu tidak cukup. Fasal 14 berbunyi:

“Mana-mana orang, yang merupakan memperdagangkan orang yang merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun dan boleh juga didenda.”

Tidak tahulah sampai mana jumlah yang didenda tetapi kita telah rosakkan kehidupan kanak-kanak dan hukumannya tiga tahun sahaja. Ini tidak bererti Tuan Yang di-Pertua, sebagai peguam mana bererti? Kita rosakkan bukan saja seorang kanak-kanak. Beratus-ratus kanak-kanak dirosakkan dan hukuman tiga tahun. Ini tidak bermakna Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sampai dua puluh tahun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sampai dua puluh tetapi tiga tahun. Tidak cukup, seumur hidup dan Yang Berhormat bagi Jerai pula hendak sampai matilah itu kerana dia bukan peguam, peguam dia lain sedikit. Dia tabiat itu tetap tidak serupa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, saya tidak kata pun hukum gantung. Cuma saya tunjukkan dekat dia macam ini... *[Menunjukkan aksi mencekik leher][Ketawa]* Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat tidak bersimpati dengan saya bahawa mereka ini membunuh, merosak, memperdagangkan. Apakah hukuman gantung itu tidak setimpal dengannya? Macam membunuh jugalah. Kalau mati kena AIDS mati, bunuhlah itu. Jadi tidak perlu peguam untuk memberi pandangan tentang undang-undang. Saya biasa boleh memberi pandangan tentang undang-undang. Kalau saya jadi hakim saya gantung mereka semuanya ini...*[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...*[Ketawa]* Yang Berhormat, mujur dia bukan hakim sebab kena gantung. Tidak ada maaf bagi mereka,,.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sabak Bernam menjadi *entry point* juga pasal itu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat bagi Kepong janganlah fikiran juga terkepong. Tadi saya bertanya tentang kerjasama yang perlu. Ini kalau ujian tadi sebenarnya Yang Berhormat bagi Kepong telah gagal sebab tidak menjawab soalan saya tetapi yang kedua ini, yang lebih penting ini ialah isu yang kritikal.

Nampaknya Yang Berhormat bagi Kepong memberikan pandangan dari segi undang-undang yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan iaitu tiga tahun tidak cukup, dua puluh tahun pun tidak cukup. Jadi pada pandangan Yang Berhormat bagi Kepong, sebenarnya kita harus lihat kalau dia adalah seorang kanak-kanak, ada nilai pendidikan yang kita hendak tanam di sebalik hukuman yang kita kenakan. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Kepong, apakah pandangan Yang Berhormat satu bentuk hukuman yang terbaik dalam konteks ini sebab saya belum dengar lagi daripada Yang Berhormat bagi Kepong kecuali ini tidak cukup dan itu tidak cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Betullah itu Sabak Bernam di tepi pantai. Dia ada angin dia tidak dapat dengar... *[Ketawa]* Saya mencadangkan supaya sekurang-kurangnya seumur hidup. Hukuman daripada Yang Berhormat bagi Jerai itu lebih mirip kepada hukum mati tetapi saya seumur hidup. Kita mesti kiralah, dia peguam dia ada tabiat dan tabii yang tersendiri dan dia tidak boleh mengadakan hukuman mati dengan begitu saja. Walau bagaimanapun, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Kita perlu kepada pendidikan untuk kesedaran, untuk mengajar semua pihak dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kalau didapati salah kita kenakan hukuman, seumur hidup bagi sayalah dan...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Laluan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hukuman tadi. Apakah

Yang Berhormat bagi Kepong setuju hukuman seumur hidup ini? Dia kena tengok kes juga, jarang hukuman seumur hidup kalau kes macam itu. Bukan kes dia bunuh orang. Kalau boleh beri dengan hukuman yang ada ini, saya rasa cukup sudah tetapi kena ada sebatan seperti saya sebutkan tadi. Sebatan inilah yang peritnya. Kalau boleh bagi sebatan yang maksimum, sebatan ini ada tiap-tiap bulan kerana penjara ini hendak mengajar dan mendidik. Kalau dia sudah bagus jangan seumur hidup. Macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya setuju juga kita hendak sebatan kerana ini orang dirosakkan. Kadang kala dikena AIDS mati juga. Sebatan pun patut jugalah. Tiap-tiap hari sebatan itu bagi saya boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada hukuman sebenarnya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sepatutnya mereka dikenakan api neraka. Api neraka!

Seorang Ahli: Jelaskanlah!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hendak jelaskan pula Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah. Semua pun tahu kalau melakukan jenayah yang jijik, jadi hukumannya adalah api neraka.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang di-Pertua beralih sedikit kepada yang lain.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak alih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat berkisar dalam perkara ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Fasal 32 sudah sampai 43 - pencegahan. Fasal 32 pegawai penguat kuasa untuk mempunyai capaian kepada data komputer, untuk senarai barang yang disita dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua. Di sini memang kita perlu bagi kuasa kepada penguat kuasa tetapi itu daripada peruntukan-peruntukan 36 sampai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ini hendak bahas baru baca hendak bahas. Kita baca dulu baru bahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan, bukan itu kita...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini buka satu muka, satu muka sampai bila kita hendak habis. Sepatutnya baca dulu baru bahas, macam saya...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita ada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh buat *research* sebelum inilah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada *research* juga, ada *research* juga. Ini ada 67 Fasal Tuan Yang di-Pertua. Daripada Fasal-fasal 32 sampai 43 ini memang pihak penguat kuasa diberi kuasa. Itu memang kita perlu kerana kalau tidak dia tidak boleh menjalankan tugas. Cuma kalau ada yang menyalah gunakan kuasa kerana pihak penjenayah ini dia ada banyak wang dan kalau pihak penguat kuasa itu tidak begitu teguh kepercayaannya, dia boleh menyeleweng. Oleh itu, saya mintalah Yang Berhormat Menteri berfikir macam mana hendak adakan peruntukan. Mungkin yang ke 44 kah? Bagi mencegah pegawai penguat kuasa menyalahgunakan kuasa untuk menggeledah, kuasa menyita, memasuki premis dan sebagainya.

■ 1550

Walaupun perlu tetapi kita mesti ada cara untuk mencegah penyalahgunaan kuasa. Seterusnya saya pun faham ada orang yang berminat. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pun hendak ambil bahagian dan sebagainya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya nasihatkan kepada Yang Berhormat bagi Jerailah, kita baca ini dahulu, jangan bahas dengan tidak ada asas, tidak ada tujuan, tidak ada maksud yang tertentu, merayau, menjelajah ke seluruh dunia, jangan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kalau ... Menteri boleh...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya. Perlindungan orang...

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi lima minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tiga minit sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak apalah, saya akur. Perlindungan ke atas mangsa orang yang diperdagangkan untuk *partition*, untuk *reintegration* dan sebagainya. Fasal-fasal 44 - 60. Memang ini perlu dibuat. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri dia sudah hilang....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia pergi *toilet*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita berhenti sampai menteri datang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak boleh. Dewan yang mulia ini lagi penting daripada menteri. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dua minit Tuan Yang di-Pertua. Itulah, kita di dalam peruntukan untuk memperlindungan mangsa ini, saya berharap kita dapat mempertimbangkan hak mangsa juga kerana kita nampak dia semua ini arahan daripada atas, undang-undang ini bagi pihak penguat kuasa, pihak pelindung begitu banyak kuasa dan pihak mangsa pun kita mesti kira juga daripada kaunseling dan sebagainya kira hak mereka juga, tetapi tidak adalah hak mereka di dalam, mungkin itulah cara.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada dengar Yang Berhormat bagi Gelang Patah, mengenai masalah pengemis di negara kita. Saya percaya kebanyakannya masuk di dalam anti pemerdagangan orang juga. Hampir setiap minggu saya nampak kerana kawasan saya ada sindiket yang membawa pengemis kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan sebagainya, dan mereka bukan orang tempatan. Diseludup masuk kerana orang-orang Malaysia mempunyai perasaan belas kasihan, mudah hendak mendapat wang. Dengan rang undang-undang ini, saya berharap kita boleh mencegah daripada perdagangan pengemis ini.

Banyak lagi untuk saya membincangkan, saya akan bangkitkan semasa jawatankuasa, tetapi walau bagaimanapun kita berharaplah apa cadangan-cadangan yang telah saya buat

dapat dipertimbangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri supaya kita sama-sama bekerjasama untuk menjayakan penguatkuasaan rang undang-undang ini, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

5.55 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sabak Bernam sangat menyokong dan mengalu-alukan rang undang-undang ini, yang kita yakini akan dapat memantapkan lagi agenda untuk kerajaan memastikan jenayah pemerdagangan orang ini dapat dikurangkan dan insya-Allah akhirnya dihapuskan.

Sabak Bernam ingin mengkhususkan kepada agenda untuk kita membersihkan nama baik ibu kota Kuala Lumpur. Ibu kota kita, yang ada di antara teman kita menyatakan ada kawasan tertentu di Kuala Lumpur ini sebagai Pat Phong Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pemerdagangan orang ini, di kawasan itu sebenarnya saya boleh nyatakan ramai teman-teman saya menyatakan ada pengalaman peribadi pergi ke kawasan Bukit Bintang, jam 12.00 malam ke atas dan akan ada orang, ejen kepada saudagar pedagang orang ini yang akan datang memberi kad dengan kata-kata tawaran *foreigners* dari luar negara, dari Vietnam, dari China dan seumpamanya. Ini menggambarkan bahawa masalah ini sebenarnya yang sangat dekat dengan kita, sekarang kita dekat dengan Kuala Lumpur, maknanya tidak selesai.

Oleh kerana itu kita sangat mengalu-alukan rang undang-undang ini agar ia dapat memantapkan lagi agenda untuk membanteras jenayah sosial yang sebenarnya kebelakangan ini jelas semakin ketara, tetapi kita lihat pihak kerajaan nampak kurang berupaya untuk menangani.

Kita telah diperkenalkan dengan satu istilah baru sebenarnya, iaitu pemerdagangan orang. Yang ini saya hendak terus kaitkan dengan satu istilah yang ada kaitan dengan keberkesanan agenda menangani masalah ini, iaitu kepedulian sosial. Ramai di antara masyarakat kita sebenarnya sudah mula tidak peduli dengan kemungkaran yang berlaku di sekeliling kita termasuklah isu-isu ini.

Jadi oleh kerana itulah maka Sabak Bernam sekali lagi menyatakan bahawa rang undang-undang ini sangat relevan untuk ia bukan sahaja dimantapkan, tetapi agenda yang lebih penting di situ ialah dari segi pelaksanaannya, ia harus dipastikan berkesan. Oleh kerana itu, Sabak Bernam ingin menegaskan kepada seksyen ataupun bahagian empat yang menegaskan mengenai isu pegawai penguat kuasa.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Silakan sahabat saya Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Yang Berhormat sebutkan tadi seolah-olah apabila kita ada peraturan undang-undang yang baru ini, masalah sosial akan juga menurun. Satu.

Keduanya persoalan saya, apakah Undang-undang Imigresen kita tidak begitu berkesan kerana Yang Berhormat sebut tadi, pemerdagangan orang ini kebanyakannya melibatkan orang dari luar? Jadi apakah peranan Imigresen tadi juga termasuk penguatkuasaan Imigresen tidak begitu berkesan. Sehingga baru-baru ini pun kita tahu di kawasan Sentul umpamanya, sudah jadi satu *enclave* di mana ramai orang Myanmar dan antara mereka juga dilindungi oleh pihak UNHCR. Jadi, apakah kalau ada undang-undang ini kita buat lagi satu undang-undang kalau tidak berkesan? Jadi apakah bezanya undang-undang Imigresen dan undang-undang ini yang akan kononnya menurun masalah sosial ini? Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Sebenarnya apa yang ingin diketengahkan oleh pihak kerajaan ialah untuk menambah baik lagi apa yang sedia ada. Jadi maknanya di mana ada kekurangan dan kelemahan, maka sudah pastilah kerajaan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab akan berbuat sesuatu untuk memastikan bahawa sesuatu agenda itu, sesuatu tindakan itu akan lebih berkesan. Jadi sama ada ia akan berkesan ataupun tidak, saya baru sahaja hendak membawa masuk kepada seksyen 4 yang berkaitan dengan pencegahan ataupun penguatkuasaan.

Jadi saya sangat bersetuju supaya pegawai penguat kuasa ini bukan sahaja mereka ini jujur, ikhlas, berilmu berkemahiran tetapi juga komited dengan kerja mereka dan menegaskan keberkesanan tugas dan tanggungjawab mereka. Jadi dengan ini, maka mereka harus memastikan bahawa strategi dan operasi yang mereka lakukan harus sentiasa dinilai dari semasa ke semasa. Saya ingin menegaskan seperti yang saya telah bertanya kepada teman-teman tadi, untuk pihak penguat kuasa ini lebih berkesan, sudah pasti satu agenda permuafakatan, satu agenda kerjasama yang saya tanya daripada Yang Berhormat bagi Kepong tadi, saya kata tidak dijawab ialah bagaimanakah kerjasama itu, bagaimanakah permuafakatan antara kementerian, antara jabatan dan lebih penting dengan komuniti itu dapat dilaksanakan?

■ 1600

Oleh kerana itu, dalam perbincaraan kita tadi, saya pun ada bertanya dengan sahabat saya tadi Yang Berhormat bagi Petra Jaya, di mana sebenarnya ahli komuniti, rakyat sebenarnya nampak perkara ini berlaku, tetapi nampaknya tidak berbuat apa-apa. Termasuk Yang Berhormat bagi Kepong sendiri, dia menyatakan bahawa dia selalu nampak orang luar bawa pengemis dari semasa ke semasa, tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, ada atau pun tidak membuat laporan? Kalau ada, sudah pasti ada tindakan?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Nanti saya teruskan dahulu Yang Berhormat bagi Kepong. Sekejap lagi. Jadi apa yang saya hendak kaitkannya begini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sikit.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong kerana membangkitkannya.

Saya hendak teruskan begini. Jadi kalau setiap individu kita nampak kemungkaran ini atau penyelewengan ini, atau salah laku ini berlaku maka seharusnya ada satu agenda bertindak di mana sekurang-kurangnya ada satu bilik operasi *online* dengan izin, pada ketika itu. Sekarang ini zaman sudah begitu moden. Kita boleh menggunakan telefon tangan kita untuk, umpamanya menelefon *Rakan Cops* yang begitu berkesan, dengan pihak polis. Jadi dengan serta-merta bila sesuatu perkara itu berlaku, maka satu tindakan akan diambil.

Kalau ini dilaksanakan berterusan. Kita yakin mungkin Yang Berhormat bagi Kepong telah pun membuat satu tindakan, tetapi kita hendak supaya tindakan itu diteruskan sehingga satu agenda akan dilaksanakan. Sila Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, di Sabak Bernam mungkin pasar di situ tidak begitu besar, pusat orang berkumpul pun tidak begitu besar, mungkin dia tidak menghadapi masalah ini. Saya, setiap minggu menghadapi masalah ini. Saya pun ada memberitahu pihak kebajikan. Bukan sahaja memberitahu di situ, tetapi di dalam Dewan yang mulia ini pun saya pernah membangkitkan perkara ini dari semasa ke semasa tapi malangnya, pihak penguat kuasa mungkin tidak mempunyai anggota yang cukup, mungkin ada *priority* yang lain, keutamaan yang lain tidak dapat melaksanakan. Mungkin dengan kenyataan hari ini, pihak yang berkuasa mungkin boleh melakukan sesuatu supaya masalah pengemis tidak akan timbul lagi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Kita berharap supaya kerjasama itu akan dapat diteruskan malah harus dikembangkan kepada semua pihak khususnya kita yang bertanggungjawab terhadap rakyat di kawasan kita.

Perkara yang ketiga, yang ingin saya bangkitkan ialah tentang hukuman. Tuan Yang di-Pertua, seperti juga yang telah dibicarakan oleh teman-teman, nampaknya kita lebih menekan kepada berapa lama mereka harus dipenjarakan kalau melakukan satu-satu jenayah. Saya bersetuju bahawa pemenjaraan itu antara pilihan yang perlu. Mungkin antara pilihan yang terpenting tetapi kita harus ingat kalau ia melibatkan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak, kira harus lihat dalam konteks masa depan mereka.

Sabak Bernam ada pengalaman dalam konteks seorang pelajar, berusia 12 tahun, yang melakukan jenayah dipenjarakan, dan tidak dilawati oleh ibu bapa mereka. Kita memikirkan, walaupun jenayah yang mereka lakukan itu begitu dahsyat dalam konteks umur dia, memang kita tidak harus terjebak dengan emosi. Kita yakin bahawa hakim yang menghakimi kes ini pun tidak

terjebak dengan emosi. Kita harus melihat dalam konteks pendidikan masa depan mereka. Jadi oleh kerana itu dalam akta ini seperti yang telah ditentukan, walaupun ada tempoh pemenjaraan dan seumpamanya, kita berharap ia dapat digunakan secara berhemah, dalam konteks ia harus melihat dari segi masa depan seseorang individu pelajar itu.

Akhir sekali yang Sabak Bernam ingin tegaskan ialah tentang pemerdagangan orang ialah dari segi masalah dan punca masalah. Kita harus melihat ini bukan setakat masalah umpamanya apabila perkara itu berlaku maka kita mengambil tindakan. Punca masalah harus kita ambil perhatian.

Jadi dalam konteks macam dadah juga, ada kaitan dengan isu *supply and demand* dengan izin, ada kaitan dengan isu penawaran dan permintaan selagi ada penawaran, *demand*, maka ada *supply*. Atau sebaliknya selagi ada bekalan maka akan ada *demand*. Jadi yang mana satu, tapi yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, aspek pencegahan ini seperti yang telah ditegaskan oleh teman-teman.

Saya sangat menyokong supaya laluan sama ada darat, laut dan udara ini harus dipastikan bahawa tempat-tempat ini sebenarnya tidak boleh dibolosi dalam apa keadaan pun oleh saudagar ataupun penjenayah pemerdagangan manusia kerana memang mereka tidak lain hanya menekankan keuntungan semata-mata tanpa melihat jenayah yang mereka lakukan itu akan merosakkan satu-satu bangsa.

Dengan itu Sabak Bernam menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

16.05 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasaan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terutama sekali mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana saya rasa dengan wujudnya, jika diluluskan oleh Parlimen ini Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ia akan memastikan bahawa undang-undang dalam negara kita adalah sealiran dengan kehendak dan juga hasrat komuniti antarabangsa pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kewujudan aktiviti pemerdagangan orang-orang ini adalah merupakan salah satu daripada hasil ataupun produk yang kita tidak mahu dalam zaman globalisasi ini. Saya difahamkan pada masa kini, negara kita masih lagi menggunakan undang-undang yang lama apabila seseorang itu diperdagangkan daripada luar negara ke dalam negara kita, dan kita bukan sahaja menuduh orang yang melakukan perbuatan pemerdagangan itu, tetapi kita tidak sengaja menggunakan undang-undang imigresen ke atas mangsa itu yang telah pun diperdagangkan ke dalam negara kita. Ini sentiasa menyebabkan mangsa yang sama itu teraniaya buat kali yang kedua dalam negara kita.

Dengan adanya undang-undang yang sealiran dengan masa kini, saya rasa ini telah pun menunjukkan tanggungjawab negara kita di bawah konvensyen. Saya difahamkan ialah *Palermo*

Convention, Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Jenayah Rentas Negara Terancang. Dengan rang undang-undang ini, ia merupakan satu refleksi ataupun gambaran ke atas protokol untuk mencegah, menghapus dan menghukum pemerdagangan orang terutamanya wanita dan kanak-kanak yang merupakan sebagai satu tambahan kepada konvensyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat rang undang-undang ini, sebenarnya merangkumi aspek bukan sahaja dari segi pencegahan tetapi juga dari segi peperangan negara kita ke atas aktiviti-aktiviti jenayah yang melibatkan pemerdagangan orang-orang di dunia ini. Saya lihat bahagian yang berkenaan, wujudnya Majlis yang dikatakan akan ditubuhkan untuk memastikan dasar-dasar antipemerdagangan ini dapat dilaksanakan dan juga merupakan satu badan induk yang boleh memastikan bahawa penguatkuasaan itu adalah sealiran dengan kehendak undang-undang ini.

Saya berasa lega apabila saya melihat keahlian bagi Majlis ini yang sebenarnya merangkumi tidak kurang daripada tujuh kementerian dan juga melibatkan jabatan-jabatan penguatkuasaan yang berkenaan dan termasuk juga NGO-NGO dalam keahlian Majlis ini.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin merujuk bahagian yang berkenaan iaitu bahagian yang menghuraikan kesalahan-kesalahan dan juga penguatkuasaan dan perlindungan yang telah pun dihuraikan di bawah rang undang-undang ini. Disebabkan oleh rang undang-undang ini yang merupakan satu percubaan secara holistik bagi negara kita iaitu pencegahan dan juga penguatkuasaan undang-undang, maka kita memerangi masalah ini dan juga memberikan perlindungan kepada mangsa-mangsa yang berkenaan.

Sepatutnya ia merupakan satu percubaan ataupun satu peringkat usaha secara holistik dan juga berpanjangan dan mempunyai kesinambungan antara satu sama lain, tetapi saya tidak begitu faham mengapa apabila kita katakan kita mewujudkan satu peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang dan juga memberikan perlindungan dan bantuan kepada mangsa-mangsa yang berkenaan.

■ 1600

Tetapi di subseksyen (1). Subseksyen (2) pula, yang mengatakan Yang Berhormat Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya peruntukan yang berlainan akta ini. Ini bermaksud menteri boleh menentukan berkuat kuasanya undang-undang di bawah akta ini jika diluluskan iaitu pada masa-masa yang berlainan. Jadi saya tidak faham, apakah rasionalnya kita berbuat begitu? Kerana sepatutnya ia mempunyai satu prosedur ataupun satu susun lapis yang berlarutan daripada 'A' hingga 'Z', supaya kita dapat melaksanakan hasrat rang undang-undang ini.

Jadi saya tidak faham mengapa pula kita memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk meletakkan *change the even* dalam rang undang-undang ini? Ini yang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian.

Satu lagi yang ingin saya rujuk ialah seksyen 27, yang menyenaraikan *enforcement officers*. Seksyen 27 yang berbunyi dengan izin,

“27 (1) The following officers shall be enforcement officers for the purpose of this Act and may exercise all powers of enforcement:

- (a) any police officer;*
- (b) any immigration officer;*
- (c) any Officer of customs; or*
- (d) any officer of the Malaysian Maritime Enforcement Agency”*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah dengan senarai yang dikatakan Pegawai Penguatkuasaan di bawah undang-undang ini, cuma saya hendak mengutarakan kekhuatiran saya kepada Dewan yang mulia ini iaitu janganlah kita mengulangi lagi pengalaman kita yang mana seperti di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga iaitu kita ada *police officer*, kita ada pegawai-pegawai yang berkenaan tetapi mereka tidak melaksanakan hasrat undang-undang itu, kerana wujudnya kelewatan dan juga wujudnya kepekaan yang tidak cukup ke atas keperluan yang diberikan kepada mangsa.

Saya berharap supaya, walaupun wujudnya pegawai-pegawai pelaksanaan empat kategori yang telah pun disenaraikan di bawah seksyen 27 ini, saya berharaplah supaya kepekaan yang tinggi haruslah ada dan juga janganlah wujud apa-apa kelewatan dalam perlaksanaan. Misal kata, apabila kita dapat jumpa seorang mangsa dan daripada perjumpaan dengan mangsa itu sampai ke satu tahap yang mana *place of refuge*, tempat perlindungan yang kita berikan sehingga ke tahap mungkin kita perlu menghantar balik ke negara beliau.

Dalam proses itu, mungkin dari segi keperluan bahasa kerana mungkin orang-orang asing, mereka tidak fasih dalam Bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malaysia. Saya berharaplah supaya wujudnya kepekaan yang tertentu supaya kita dapat betul-betul melaksanakan hasrat mengikut rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya pegawai penguatkuasaan ini juga, saya rasa satu aspek lagi iaitu kita haruslah mempunyai kesinambungan juga dengan pejabat-pejabat duta daripada negara-negara lain, kerana ini merupakan satu-satunya rang undang-undang yang digubal dalam Parlimen negara kita, yang bukan sahaja memerlukan kerjasama seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, tetapi juga kesinambungan daripada agensi-agensi penguatkuasaan daripada negara-negara lain. Juga kerana rang undang-undang ini adalah merupakan satu rang undang-undang yang bercorak global dan ia tidak sahaja terpakai dalam negara kita kerana saya difahamkan di bawah rang undang-undang ini, ia terpakai juga kepada orang-orang Malaysia yang telah pun diperdagangkan ke luar Malaysia ataupun orang-orang asing yang diperdagangkan ke dalam Malaysia.

Saya percayalah dengan pelaksanaan undang-undang ini, yang saya rasa itu adalah satu aspek yang cukup penting, kerana pelaksanaan itu akan menentukan setakat mana kita

akan dapat memenuhi kehendak dan juga setakat mana kita akan menunaikan obligasi negara kita dan mengikut Parlimen *protocol*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Beluran. Kalau dapat 10 minit itulah.

4.10 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat bahawa undang-undang negara yang ada sekarang tidak pernah *silent* terhadap penyeludupan orang untuk tujuan pelacuran.

Begitu juga saya yakin bahawa undang-undang kita yang ada sekarang ini tidak mengizinkan seperti yang dikatakan oleh bekas Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T. Huhtala pada tahun 2005, memetik bahawa seramai 45,000 hingga 50,000 wanita di seludup ke US dan dibayangkan bahawa lebih kurang seramai 17,000 orang yang di seludup ke Amerika Syarikat itu melalui Malaysia.

Saya percaya kita mempunyai undang-undang. Kita mempunyai undang-undang imigresen yang ada dan di bawah CPA juga menghalang untuk Malaysia dijadikan sebagai transit *point* untuk menyeludup wanita ke luar negara. Masalahnya undang-undang itu sendiri yang dijadikan sebagai landasan untuk menghalalkan aktiviti ini.

Kalau kita lihat senario, seorang wanita China masuk ke negara kita melalui *Social Visit Pass* untuk satu bulan. Kemudian apa yang berlaku di dalam negara ini ialah, adanya keterlibatan sindiket dalam usaha memalsukan dokumen perjalanan daripada dokumen-dokumen yang dilaporkan hilang tersebut termasuklah kad pengenalan dan juga pasport Malaysia. Pelawat daripada China tadi mendapat *get whole of Malaysian Passport* melalui sindiket ini dan keluar daripada negara Malaysia untuk dihantar sebagai orang yang diperdagangkan.

Maknanya kita tidak pernah mengizinkan perkara ini berlaku. Tidak mengizinkan perkara-perkara ini berlaku, iaitu masuk secara *legal* dan mendapat visa secara *visit* visa juga secara *legal*. Dengan adanya sindiket dokumen ini, yang mengizinkan pelawat memegang dokumen ini untuk keluar daripada negara kita dan dijadikan sebagai orang yang diperdagangkan.

Kerana itu saya melihat Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang kita bahas ini harus memfokuskan terhadap kelemahan-kelemahan tersebut untuk menjadikannya sebagai rang undang-undang yang berkesan. Untuk menjadi rang undang-undang yang menghalang pemerdagangan orang ini. Jika tidak ianya akan menjadi satu lagi undang-undang yang boleh *defeat* oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Dari itu saya membawa agar kerajaan dapat melihat bahawa banyak hubungan antara kad pengenalan hilang, pasport hilang sebagai satu titik permulaan untuk menghalalkan aktiviti sindiket pemerdagangan orang ini.

Begitu juga kerajaan harus melihat persefahaman ASEAN terhadap *social visit on the sport* ini, satu bulan yang telah diberikan sebagai syarat kemasukan bagi anggota ASEAN. Bukan menghalang mereka masuk sebagai pelawat tetapi dalam konteks melihat pelawat yang *very*

frequent, yang kerap melawat. Kita mesti ada satu undang-undang iaitu tindakan melihat mereka ini kerana aktiviti itu bermula daripada urusan pelawat melalui *Social Visit Pass* ini. Tuan Yang di-Pertua, itu apa yang harus dilihat.

Begitu juga harus ditetapkan soal penggantian kad pengenalan yang hilang, harus diperketat. Soal penggantian terhadap pasport Malaysia yang hilang ini, yang begitu banyak sekali kekerapannya setiap bulan, harus diperketat. Saya mengajak agar rang undang-undang ini melihat kelemahan-kelemahan ini, untuk menjadikannya satu rang undang-undang yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ASEAN merupakan forum yang terbaik kerana untuk membanteras pemerdagangan orang ini, ia perlu melibatkan kerjasama semua pihak. Negara kita mempunyai undang-undang, tetapi negara yang lain juga harus menjadi sebahagian daripada pihak-pihak yang harus bekerjasama dengan Malaysia untuk menjayakan rang undang-undang ini.

■ 1620

Saya melihat bahawa ASEAN harus lebih serius untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas memerangi gejala pemerdagangan orang ini. Kalau UN ada UNHCR untuk menangani masalah pelarian. Tiba masanya saya melihat ASEAN mesti ada satu agensi atau satu badan yang melihat terhadap gejala pemerdagangan orang dalam ASEAN itu sendiri. Kita tidak boleh membuat *Joint Declaration* dalam ASEAN, tidak memadai. Tidak memadai untuk membuat ulasan bersama tetapi ASEAN harus lebih serius dalam perkara untuk menangani masalah pemerdagangan orang ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ada badan di ASEAN namanya ASEAN *Regional Cooperation to Prevent People Trafficking* di bawah *United Nation Purview* dan agensi ini diketuai oleh seorang bernama 'Susan Tom' daripada Vietnam dan seorang lagi bernama 'William Fritoriast' daripada Greece.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih. Tapi kita lihat bahawa agensi itu tidak berkesan kerana itu kita melihat tindakan yang lebih berkesan diambil oleh ASEAN. Kalau kita lihat sekarang ini selain daripada Ukraine, negara-negara Romania wanita daripada ASEAN merupakan wanita atau orang yang diperdagangkan begitu banyak sekali di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat agar majlis yang ditubuhkan dalam rang undang-undang ini, tiga orang anggota yang akan diambil daripada mereka yang lain daripada agensi-agensi kerajaan yang ada. Saya melihat agar pemilihan tiga wakil *independent* dalam majlis ini akan dipilih daripada mereka yang mengetahui secara mendalam tentang perkara yang dibincangkan. Kalau ia harus melibatkan seorang yang luar daripada negara kita, orang lain atau orang asing, mereka yang berada di United Nations dan sebagainya harus dimasukkan dalam majlis itu, kerajaan harus mempertimbangkan. Saya ingat bahawa dengan berbuat demikian, kita akan dapat memperkasakan tujuan dan matlamat rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat ahli keanggotaan majlis ia tidak lari daripada mereka yang mengendalikan juga masalah dadah, masalah sosial yang lain yang terdiri daripada agensi penguat kuasa polis, Kementerian Sumber Manusia dan sebagainya. Kita lihat bahawa agensi yang dibentuk oleh mereka yang terdiri daripada anggota yang sama juga menghadapi masalah untuk mencapai matlamat umpamanya dadah dan sebagainya. Oleh itu, saya melihat bahawa untuk rang undang-undang ini berkesan, penguatkuasaan yang ada sekarang ini harus dilakukan dengan proses-proses pembelajaran terhadap metodologi sindiket yang ada. Dengan berbuat demikian, kita akan menentukan bahawa agensi penguat kuasa ini akan lebih cekap dan akan lebih berkesan dalam melaksanakan rang undang-undang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Bagi Yang Berhormat bagi Batu Gajah dulu.

4.25 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan rang undang-undang ini sebab saya diberitahu oleh badan bukan kerajaan iaitu Tenaganita bahawa negara Filipina, Indonesia, Cambodia dan Thailand telah mempunyai undang-undang sedemikian dan ini tepat pada masanya. Tapi saya ada beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan berkenaan rang undang-undang ini agar dapat penjelasan yang teliti sebelum kami boleh bersetuju dengan keseluruhan kelulusan rang undang-undang ini.

Seterusnya saya merujuk pada seksyen 42. Saya amat prihatin berkenaan tempat perlindungan yang bakal akan dibekalkan kepada mangsa-mangsa yang akan di bawah perlindungan pihak-pihak yang bertanggungjawab. Saya ingin mengambil kesempatan ini menekankan bahawa pihak pegawai penguat kuasa dan juga pegawai pelindung saya rasa mereka kedua-dua ini memainkan peranan yang sangat penting di bawah akta ini. Mereka perlu diberi latihan yang mencukupi.

Saya ingin tahu setakat ini apakah kategori golongan sasaran yang akan diberi tanggungjawab yang berat ini? Kalau orang yang telah diperdagangkan ini diselamatkan, mereka tidak harus dipandang sebagai penjenayah tapi sepatutnya bukan sahaja diberi perlindungan tapi dilihat sebagai mangsa yang memerlukan kaunseling, yang memerlukan bantuan dan sokongan dari segi mental. Apakah pihak kementerian yang bertanggungjawab bersedia? Yang penting ialah pegawai penguat kuasa dan pegawai pelindung. Itu persoalan yang sangat penting dan tempat perlindungan yang bakal disediakan.

Seksyen 42 menyatakan bahawa menteri boleh mengisytiharkan mana-mana rumah, mana-mana bangunan atau tempat sebagai tempat perlindungan. Tapi yang saya sangat risau Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengendalikan kes-kes isteri yang didera di bawah keganasan rumah tangga, apabila saya tanya pegawai kebajikan kalau mereka tak ada tempat hendak tinggal sebab ini ialah isteri asing akan hantar mereka ke mana? Dia kata akan hantar

mereka ke salah satu tempat yang paling dekat dengan Ipoh ialah ke rumah orang tua. Kompaun yang sama, persekitaran yang sama, dia kata makan sama tapi jangan risau mereka tidak akan tinggal bersama. Tapi persekitaran yang sama.

Jadi saya prihatin dalam aspek ini. Golongan ini iaitu mangsa ini, mental mereka telah terjejas oleh trauma yang mereka lalui. Kita bayangkan apakah *environment* yang bakal disediakan itu akan bersesuaian kepada mangsa-mangsa ini. Jadi dalam aspek ini, saya pohon penjelasan.

Seksyen 43 - pelantikan pegawai pelindung. Tadi saya kata pegawai pelindung dan pegawai penguat kuasa mempunyai tanggungjawab yang amat berat. Mereka perlu sensitif dan mereka perlu faham apa yang dilalui oleh orang yang diperdagangkan atau mangsa ini.

Seksyen 43(2)(c) pegawai pelindung ada diberi tanggungjawab dan kuasa untuk mengawasi orang yang diperdagangkan. Saya sangat khuatir mengawasi. Apa yang dimaksudkan dengan mengawasi? Apakah mangsa-mangsa ini akan dilihat sebagai "orang tahanan"? Mereka perlu dikawal dan diawasi sepanjang masa agar mereka tidak lari dari tempat perlindungan. Saya tahu bahawa seksyen ini ada hukuman kalau mereka lari. Ini yang saya prihatin. Apa yang dimaksudkan dengan mengawasi mereka ini dan juga perintah perlindungan? Saya berasa hairan seksyen 44 (1) - seseorang pegawai penguat kuasa boleh, atas syak yang munasabah orang yang dijumpai adalah orang yang diperdagangkan.

Dia boleh ambil orang itu bawah jagaannya dan mengemukakan orang yang disyaki diperdagangkan itu kepada majistret dalam masa 24 jam bagi mendapatkan perintah perlindungan interim agar ia boleh ditempatkan di tempat perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, apa makna tujuan perintah perlindungan interim ini apabila kalau pegawai pelindung telah membawanya untuk menempatkannya di tempat perlindungan. Jadi hendak melindungi orang yang diperdagangkan ini, melindunginya daripada dcederakan oleh siapa? Mereka di dalam tempat perlindungan, 14 hari interim ini. Jadi hendak elakkan mereka daripada siapa?

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ada perbandingan rang undang-undang ini dengan kes-kes keganasan rumah tangga, kes warga asing dan isteri warga asing didera. Apabila berjaya dalam permohonan perintah perlindungan daripada Mahkamah Majistret melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, isteri asing ini dimasukkan dalam *shelter home*, tidak berani pun untuk keluar ke mana-mana. Jadi ini sama, isteri asing ini tidak ada tempat yang mana boleh dia bergantung kehidupan. Tetapi dalam kes ini kalau pegawai pelindung telah membawanya pulang ke tempat perlindungan, mengapa perlu dapat interim perintah perlindungan lagi?

Ini saya pohon penjelasan dalam aspek ini. Apa tujuan perintah perlindungan ini, melindunginya dari dcederakan? Kalau dcederakan, siapa? Kerana dia telah dibawa di dalam bangunan tempat perlindungan tersebut. Saya ingin rujuk kepada seksyen 51 di mana kalau majistret berpuas hati bahawa orang yang dibawa di hadapannya adalah orang yang

diperdagangkan, majistret boleh mengeluarkan perintah perlindungan. Tadi interim, yang ini perintah perlindungan. Kalau warga Malaysia ialah dua tahun dan kalau dia warga asing adalah tidak lebih daripada tiga bulan. Di bawah seksyen 51(3)(a), ia boleh ditempatkan di tempat perlindungan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan majistret boleh buat perintah sedemikian selepas laporan dikemukakan oleh pegawai penguat kuasa.

Aspek yang saya pentingkan ialah dalam seksyen 51(3)(a) ada mengatakan kalau majistret berpuas hati bahawa orang yang dibawa ke hadapan ialah orang yang diperdagangkan dan memerlukan jagaan dan perlindungan majistret boleh membuat satu perintah perlindungan. Saya hendak tahu apa bentuk jagaan dan perlindungan yang akan dibekalkan? Apakah bentuk sokongan dan apakah ada kaunseling kaunselor disediakan bagi membantu mereka melalui tempoh trauma yang pernah mereka lalui tersebut untuk *rehabilitate* mereka? Jadi definisi jagaan dan perlindungan itu, apakah kandungannya, saya ingin tahu.

Apabila kita meletakkan seseorang mangsa di dalam tempat perlindungan selama dua tahun, kita mesti tahu apa faedah atau bantuan yang bakal dibekalkan kepada mereka. Jadi saya pohon penjelasan dalam aspek ini dan yang saya juga ingin penjelasan ialah seksyen 51(4) menyatakan majistret boleh pada bila-bila masa atas permohonan pegawai penguat kuasa atau pegawai pelindung mengikut mana-mana yang berkenaan melanjutkan atau membatalkan perintah perlindungan yang dibuat di bawah seksyen ini. Kalau pelanjutan tempoh perintah perlindungan ini bermaksud orang yang diperdagangkan ini iaitu warganegara Malaysia kena menetap lebih lama di tempat perlindungan melebihi dua tahun itu dan ini kuasa lanjutan tidak ada tempoh.

Ini berdasarkan permohonan pegawai penguat kuasa. Mengapakah ia hanya seorang pegawai penguat kuasa yang buat keputusan sama ada ingin memohon atau tidak untuk melanjutkan perintah perlindungan ini. Apakah memerlukan laporan daripada pihak kaunseling kaunselor untuk disertakan bersama? Jadi saya pohon ini tidak ada *timeframe* langsung, tempoh lanjutan. Tetapi warga asing ada dinyatakan lanjutan tempoh yang membolehkan pegawai buat rakaman keterangan. Jadi ini beberapa perkara yang saya prihatin.

Akhirnya ialah seksyen 54. Seksyen 54 ialah memperuntukkan bahawa apabila tempoh perlindungan ini telah tamat atau dibatalkan, pegawai pelindung mestilah menghantar kalau ia adalah warga asing, melepaskan warga asing ini kepada pegawai imigresen untuk diambil tindakan mengikut Akta Imigresen. Walau seksyen ini ada menyatakan bahawa pegawai imigresen patut menguruskan penghantaran balik mangsa ini ke negara asalnya tanpa kelengahan dan tidak perlu dengan mengambil kira keselamatannya saya hendak tahu apakah mangsa ini boleh ditempatkan di dalam *refugee centre* atau *detention camp* sebelum aturan pengangkutan menghantar mangsa balik. Apakah mereka akan ditempatkan dalam pusat-pusat tahanan tertentu kalau aturan pengangkutan belum siap? Saya risau jika sedemikian, kita akan

memandang orang yang diperdagangkan ini yang kita cuba selamatkan ini akan merasakan bahawa mereka seperti menerima layanan sama sebagai orang tahanan.

Jadi ini beberapa perkara yang saya amat prihatin dan juga ada kerisauan. Tuan Yang di-Pertua, seksyen ini membenarkan majistret memberi perintah meletak mangsa dalam tempat perlindungan tidak lebih dari dua tahun. Ada satu kes, kami dimaklumkan oleh Tenaganita bahawa ada satu kes dia mana seorang mangsa dan dia adalah warganegara Malaysia telah diperdagangkan ke Australia. Apabila mengetahui kalau dihantar pulang ke Malaysia beliau akan berada dalam tempat perlindungan, jika ibu bapa dan ahli keluarga tidak memohon untuk mengeluarkannya dari tempat perlindungan. Jadi ada kerisauan mereka untuk pulang ke negara ini kalau mereka mempunyai anggapan bahawa seksyen ini dan kalau kerajaan tidak jelaskan ia bukan untuk menahan mereka tetapi membantu mereka dan ada apa-apa kemudahan disediakan membantu mereka balik kembali kepada masyarakat. Mungkin ini akan menjadikan mereka lebih rela untuk pulang ke rumah.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, tadi ramai yang berucap yang bukan-bukan dan tidak ada kaitan. Saya terus berkenaan akta rang undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat yang akhir.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya mengendalikan kes dan saya diberitahu ada banyak kes isteri asing *foreign brides* dengan izin, di mana ada satu kes bahawa isteri asing ini mereka diperkenalkan melalui agen di negara asal. Saya punya kes yang saya kendalikan ialah dari Vietnam. Lelaki ini 70 tahun dibawa ke Vietnam, diminta untuk memilih bakal isterinya dan mangsa ini ialah lebih kurang 30 tahun diberi pelbagai janji bahawa kalau balik sini dan kahwin dengan lelaki ini, dia akan dapat apa-apa kemudahan tanpa bayaran akan diberi serta dihantar balik ke rumah keluarganya di Vietnam.

■ 1640

Tetapi apabila isteri asing ini didera, mereka tidak ada pilihan sebab mereka tidak dapat bantuan untuk menetap di sini. Ini kerana kalau mereka hendak menetap di sini lagi, mereka memerlukan suaminya menjadi *sponsor* untuk membuat lanjutan pas sosial mereka. Ini kes yang baru datang dan ejen memegang pasport mereka. Jadi apabila mereka lari keluar daripada rumah, apabila mereka didera, mereka lari, tidak ada tempat hendak pergi. Ini masalahnya. Mereka akan dilihat sebagai pendatang tanpa dokumen sebab pasport tidak ada kerana ejen memegangnya.

Dalam aspek ini, ada banyak perkahwinan sedemikian. Bagaimanakah pihak kementerian akan mengenal pasti bahawa ini bukan di bawah orang yang diperdagangkan. Mereka ada dokumen perkahwinan tetapi isteri asing ini didera. *Foreign brides* ini didera di rumah. Pengalaman yang pahit ialah saya berurusan dengan polis. Selepas buat laporan polis,

pegawai polis tidak ada yang fasih berbahasa Vietnam, tidak boleh buat apa-apa. Dia duduk di balai polis sampai 3.00 pagi, selepas itu apa yang dibuat? Hantar dia balik ke rumah yang di mana dia cuba lari kerana didera.

Ini masalah kalau isteri-isteri asing didera pun tidak dapat ditangani, bagaimana pula? Saya hendak tahu bahawa akta ini, bahawa rang undang-undang yang bakal diluluskan ini akan kita perolehi pegawai yang sensitif, terlatih dan memahami situasi serta pengalaman mangsa atau orang yang diperdagangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

4.42 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Pada bulan Julai 2006, pernah membuat satu kertas kerja kepada kerajaan untuk mencadangkan undang-undang sedemikian diwujudkan, bukan sahaja untuk merealisasikan Konvensyen *Trans-border Crime* yang telah kita tangani tetapi juga untuk menyesuaikan keadaan penyelarasan pelaksanaan undang-undang *trafficking women* ataupun perdagangan manusia di rantau ini.

Pada ketika itu, saya dimaklumkan bahawa walaupun Malaysia telah menandatangani konvensyen ini tetapi ada tiga protokol di bawah konvensyen ini belum ditandatangani. Jadi saya ingin bertanya dengan pihak kementerian sama ada protokol kerana Malaysia adalah salah sebuah negara yang belum menandatangani protokol oleh kerana penyelidikan dibuat oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta bersama dengan kementerian lain juga untuk melihat undang-undang.

Persoalannya, sudahkah tidak protokol ini ditandatangani?

Pada ketika itu saya dimaklumkan juga bahawa soal perdagangan manusia di negara ini ditangani oleh undang-undang *Penal Code*, *Child Act*, Imigresen dan Perlembagaan Malaysia. Tetapi ini nampaknya tidak mencukupi di bawah pandangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hinggalah Malaysia daripada *tier 2* pada ketika itu turun pada *tier 3* kerana kita tidak mempunyai undang-undang khusus, khususnya untuk menangani masalah penjagaan orang yang telah diperdagangkan dari satu negara ke satu negara yang lain. Dalam keadaan yang sedemikian, saya menyarankan supaya undang-undang ini dilaksanakan untuk mempertahankan nama baik Malaysia di masyarakat antarabangsa.

Saya telah mengajukan satu memo sepanjang lapan muka surat kepada kementerian supaya difikirkan undang-undang untuk dilaksanakan. Saya telah banyak berjumpa di sini dengan *Senior Programme Management Officer United Nation on Drug and Crime Regional Center South East Asia* iaitu 'Mr. Packett Darman'. Dalam perbincangan saya dengannya, dua tiga perkara yang perlu diadakan dalam perundangan. Syukur alhamdulillah apabila saya melihat

undang-undang ini tadi, terasnya telah mencukupi. Tetapi adakah butiran sepertimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Gajah berhubung dengan teras undang-undang ini kerana dalam perbincangan itu ternyata sekali United Nation melihat bahawa undang-undang mesti mempunyai tiga teras.

Teras yang pertama iaitu mengelakkan orang-orang yang diperdagangkan itu dari satu negara ke satu negara lain diletakkan sebagai seorang *illegal immigrant*. Maksudnya dia boleh dituduh di bawah undang-undang Imigresen. Sepatutnya dia adalah seorang *victim* dan sepatutnya tidak diletakkan di bawah undang-undang Imigresen. Walaupun kemasukannya menyalahi undang-undang Imigresen, tetapi kedatangannya adalah secara paksa oleh pihak yang memperdagangkan *victim* ini (mangsa) ini. Jadi itu teras yang pertama supaya orang yang menjadi *victim* ini tidak mendatangkan satu masalah kepada dirinya yang secara paksa datang di negara kita.

Yang kedua ialah soal penjagaan saksi. Penjagaan saksi kadang-kadang mengikut pengalaman negara-negara lain, apabila seseorang itu ditangkap oleh kerana dituduh di bawah seksyen undang-undang ini dan saksinya enggan bekerjasama oleh kerana takut kena paksa, takut kena *harass*, takut kena *blackmail* dan bermacam-macam lagi ataupun *intermediation* begitu rupa sehingga saksi enggan pergi ke mahkamah ataupun memberi bukti-bukti untuk menyabitkan kesalahan kepada yang dituduh. Dalam keadaan sedemikian, telah disarankan bahawa kita mesti mempunyai satu *protection* kepada saksi-saksi, kepada kes-kes di bawah *trafficking of people* ini, dengan izin.

Dalam keadaan sedemikian, undang-undang kita telah dilaksanakan tetapi belum dikuatkuasakan iaitu undang-undang CPC yang baru kita luluskan pada tahun 2006. Tetapi oleh kerana satu perkara yang tertentu, undang-undang itu belum dikuatkuasakan di Malaysia hingga *protection of witnesses* ini dan mekanismenya cukup elok dirancang oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen di Malaysia dan malangnya undang-undang ini belum lagi dilaksanakan. Tetapi insya-Allah kalau undang-undang CPC itu dilaksanakan nanti, *the protection of witness* yang dicurigai dan ditakuti oleh pihak United Nation ini akan dapat diatasi juga masalahnya.

Yang kedua iaitu *identification parade*. Kita bimbang kalau seseorang yang telah dikatakan menjadi mangsa pemerdagangan orang ini berlaku dan ia terpaksa menghadiri satu *identification parade* di mana dia terpaksa memperkenalkan siapa orang yang melakukan kesalahan dalam cara yang kita buat sekarang ini. Ini juga telah dilaksanakan undang-undang CPC kita yang masih tergendala hingga sekarang ini, insya-Allah saya nampak sudah ditablekan di Dewan untuk dilaksanakan untuk pindaan yang terakhir dan ini juga akan dapat kita atasi masalah-masalah yang dicurigai oleh pihak United Nation itu.

Tetapi ada satu lagi yang saya tidak melihat iaitu *witness protection system* yang kita tidak *in place* sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh negara-negara lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin undang-undang ini boleh diguna pakai tetapi ada perkara-perkara yang

perlu kita halusi khususnya dalam konteks perlindungan. Sebagaimana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah di bawah seksyen 42 tadi iaitu perlindungan ini, saya pernah buat satu rumah perlindungan di Vietnam yang mana melaksanakan satu perlindungan yang begitu elok sekali dan dianggap oleh pihak UNODC iaitu UNIP iaitu United Nations Convention Against Transnational Organized Crime dan Regional UNODC sebagai yang terbaik.

Rumah perlindungan ini digunakan apabila seseorang itu didapati secara terpaksa diperdagangkan dan disimpan di rumah ini. Semasa mereka di rumah ini, mereka diberi latihan-latihan tertentu.

■ 1650

Latihan-latihan ini ada dimasukkan dalam saranan saya sebagaimana yang saya sebutkan tadi semasa menulis surat kepada kementerian. Cadangan saya ialah mesti ada;

- (i) ada penjagaan, *care and rehabilitation*;
- (ii) *recovery and orientation*. *Recovery* dan *orientation* ini kadang-kadang perempuan telah diperdagangkan, dia menjadi seorang pelacur dan dia telah tidak lagi bersifat sebagaimana dia asalnya. Jadi orientasi kepada seseorang yang jadi mangsa ini mestilah dibuat dengan sebaik mungkin supaya selepas dia di *recovery* apa dikatakan telah didapati daripada orang menyimpan dia dan diorientasikan sebelum kita menyerapkan dia ke dalam masyarakat. Iaitu kalau dia rakyat Malaysia, kita hendaklah menerangkan dia, masukkan dia dalam masyarakat. Macam di Vietnam, dicari kerja kepada mereka ini di kilang-kilang yang tertentu, tempat-tempat kerja yang tertentu atas saranan *center* ini ataupun rumah kediaman ini supaya dia boleh bekerja dan hidup macam sedia kala, tidak lagi sebagai pelacur.

Dan tapi apabila seseorang itu orang asing, proses dia mestilah dihantar balik ke negara mereka. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita mesti melihat juga peraturan ekstradisi dan *repatriation of people* dengan izin, di antara negara kita dengan serantau. Ini kerana undang-undang ini ialah untuk menyesuaikan keadaan kita sendiri dengan negara-negara serantau.

Jadi *extradition* dan *repatriation treaty* kita mestilah diperbaiki, selain daripada kita mengadakan kerjasama yang khusus walaupun telah ada dikatakan *Asian Poll* iaitu Asian Polis yang bekerjasama, tapi apa yang dilihat mengikut laporan yang diterima hanya kerjasama di antara Malaysia dengan Singapura, Malaysia dengan Indonesia sahaja ini nampaknya ada baik tapi kerjasama di antara kita dengan negara-negara lain belum lagi menepati.

Sebab-sebab yang didapati ialah oleh kerana keadaan undang-undang yang berlainan, *judicial system* yang berlainan. Kita ada yang *Commonwealth*, ada pula dari negara-negara lain yang menjajah negara-negara dari Asian sebelum kita. Jadi oleh kerana perbezaan *judicial system* ini, maka *repartition of people* yang menjadi mangsa di bawah undang-undang ini telah

tidak dapat diatur dengan sebaik mungkin. Bahkan saya menerima rungutan daripada satu badan NGO semasa saya di Ho Chi Minh City yang mengatakan bahawa agensi-agensi penguat kuasa di Malaysia tidak hendak bekerjasama dengan mereka apabila hendak *recover* seseorang yang dianggap telah menjadi mangsa perdagangan orang ini yang dibawa ke Malaysia.

Dan saya dapat berpeluang berjumpa anak ini hanya berumur 17 tahun selepas duduk di Malaysia selama dua tahun menjadi seorang pelacur. Akhirnya atas desakan daripada pihak *Embassy* Vietnam, barulah kerjasama diberi dengan secara *reluctant* dengan izin, oleh jabatan-jabatan yang tertentu dan baru orang itu dibawa balik ke Vietnam. Semasa itu dia telah duduk di rumah kediaman itu selama empat bulan untuk menjalani proses orientasi sebelum diterapkan ke dalam masyarakat mereka atau dipulangkan kepada keluarganya ataupun diberi kerja yang tertentu supaya dia boleh hidup sebagai orang yang lain, biasa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut suatu perkara kerana kuasa undang-undang ini amat luas iaitu kuasa menyelidik dan mendakwa. Ini juga penting, kerana pengalaman yang telah diterima daripada pihak-pihak yang tertentu dah menguatkuasakan undang-undang sedemikian. Apabila kes ini terbengkalai lama sangat di mahkamah, orang-orang yang menjadi *victim* enggan datang ke mahkamah untuk memberi bukti hingganaya orang yang dah dituduh kita itu dah tidak dapat dituduhkan lagi oleh kerana bukti-bukti telah hilang dan saksi-saksi enggan datang ke hadapan oleh kerana satu, mungkin dia telah berkahwin kalau dia wanita.

Kedua, dia telah mempunyai kerja yang stabil, dia tak nak orang tahu siapa dia lagi. Yang ketiga, mungkin dia telah mempunyai satu tempat dia tak nak orang tahu. Jadi ini kita kena ingat apabila kes sedemikian berlaku, kita kenalah membawa kes-kes itu supaya kes yang cepat dan penting di bawa ke hadapan, ke pengadilan supaya kes itu tidak terbengkalai begitu lama hingganaya seorang mangsa itu boleh memberi bukti-bukti yang terperinci untuk mendapat orang itu didapati bersalah.

Satu lagi kecurigaan yang dimaklumkan kepada kita ialah soalan penyitaan barang dan *confiscation* dengan izin, *profit*, *proceed*, keuntungan yang didapati daripada seseorang yang mendagangkan orang ini. Jadi alhamdulillah dalam undang-undang ini, kita mempunyai *proviso* yang tertentu di mana keuntungan daripada perdagangan penjualan manusia ini boleh diambil oleh pihak kerajaan dan di *confiscate*. Jadi persoalannya yang nak ditanyanya, apakah kegunaan sumber kewangan ini nanti. Ini kerana ia ada hubung kait dengan soalan *money laundering*, kerana dalam perbincangan kita ada menyentuh semua sekali berhubung dengan penjualan manusia, penghantaran eksport manusia dan sebagainya. Lepas itu ada juga berhubung dengan *laundering* kewangan. Kalau ini dapat diatasi, saya cukup yakin kita boleh mengatasi masalah yang dilihat sebagai kelemahan daripada sistem perundangan untuk menangani masalah perdagangan manusia di serantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut sedikit soalan-soalan perlindungan ini nanti. Saya berharap pihak-pihak kementerian mesti berubah pinda di bawah kementerian mana sahaja undang-undang ini ditempatkan, pegawai-pegawai yang dilantik mengawal selia ataupun mengawalkan tempat-tempat ini nanti mestilah melihat dalam satu perspektif iaitu seorang yang ditangkap ataupun diambil ataupun di bawa ke rumah perlindungan ini mestilah dilihat sebagai seorang yang menjadi mangsa. Bukan seorang yang telah melakukan kesalahan. Jadi kalau perspektif kita betul daripada awalnya hingga ke akhirnya, insya-Allah kita akan melihat bahawa orang ini tak payahlah dia di bawa, diserahkan kepada pihak Imigresen lagi dan untuk dicari kesalahannya berlandaskan undang-undang Imigresen.

Saya belum menyelidik sepenuhnya undang-undang Imigresen. Sama ada undang-undang Imigresen itu berlandaskan fakta, *intention* dan sebagainya. Kalau dia berada di sini dengan kehendak dia sendiri dan didapati bersalah dengan sedemikian ataupun undang-undang ini *the fact that* dia berada di Malaysia sudah menjadi dia *liable* kepada kesalahan Imigresen. Kalau ini berlaku, maknanya keadilan tetap tidak berlaku kepada *victim* ataupun mangsa sedemikian. Jadi saya bimbang kalau undang-undang kita tidak selaras dengan apa yang dikehendaki oleh pihak *United Nations*, kita hanya akan dilihat mengeluarkan satu undang-undang tapi tidak belum lagi tepat kepada jurusan yang dikehendaki sebagaimana yang telah disebutkan oleh pihak *convention* yang kita tangani.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, secara terperinci biarlah kita membincangkan nanti satu persatu di bawah komiti tetapi sebagai dasarnya kita mesti ingat bahawa undang-undang ini ialah untuk menjangakan keselamatan orang yang telah diperdagangkan oleh seseorang. Dan yang kedua, orang yang mendagangkan orang ini tidak boleh beruntung daripada keuntungan yang didapatinya dan kita berhak untuk mencari dan mengambil wang itu dan akhirnya apakah kegunaan wang ini kepada negara kita dan kepada siapakah wang ini nanti akan diserahkan. Adakah *compensation* yang tertentu difikirkan supaya mangsa boleh diberi bantuan secara peribadi kepadanya oleh kerana dia telah menjadi mangsa.

Oleh kerana dia juga, si pedagang orang ini nanti telah mendapat keuntungan. Supaya dia mendapat keuntungan sedikit, *compensation* sedikit, ganti rugi sedikit daripada apa yang telah berlaku kepadanya...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh minta jalan sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Santubong. Kalau mengikut Akta *Protection*, dalam masalah memperdagangkan manusia ini khususnya wanita, di Filipina di sebut sebagai '*mediatory service*'. '*Mediatory services*' ini tidak ada dalam Akta ini.

Tempat perlindungan ada, tetapi kaunseling tidak ada. Pampasan tidak ada. Jadi, saya harap dapat kementerian dan minta melalui Yang Berhormat bagi Santubong supaya di bawah Fasal 42 dimasukkan *mediatory service* sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Boleh setujukah?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Di dalam kertas kerja saya kepada kementerian, saya telah menyebut oleh sebab sumber kewangan yang didapati oleh sebab kita menyita dan menjual ataupun mengambil keuntungan, *proceed* dan sebagainya daripada pihak yang memperdagangkan orang ini tadi, didapati oleh kita sebab dijual harta bendanya dan sebagainya. Keuntungan ini mungkin kita tidak tahu apa hendak buat pada masa sekarang?

Mungkin di bawah undang-undang ini ada satu mekanisme. Tetapi kita mesti kena lihat dari mana datangnya wang ini sebenarnya? Ialah oleh kerana dia memperdagangkan orang. Jadi orang yang telah jadi mangsa tadi sepatutnya mendapat pampasan sedikit oleh sebab kerosakan telah berlaku kepada dirinya. Oleh sebab tindak tanduk seseorang yang tidak bermaruah itu tadi.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta sikit lagi...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tetapi walaupun undang-undang ini belum lagi membuat peruntukan yang tertentu, saya mencadangkan supaya kerajaan memikirkan semula membuat pemindaan selepas ini lagi supaya diperuntukkan supaya mangsa ini boleh diberi satu ganjaran yang bukan kata berpatutan, ganjaran yang boleh sekurangnya sedikit membantu mereka dalam mengalami trauma yang begitu rupa selepas diperdagangkan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya minta Yang Berhormat Santubong kalau boleh di dalam akta ini perlu ditambah sebagai *mediatory service* dibutirkan supaya apabila diluluskan pihak pegawai tidak terpinga-pinga apa yang mesti dibuat. Empat perkara sebagaimana yang ada dalam Akta Filipina ini, iaitu *shelter*, tempat perlindungan sudah ada di sini, kaunseling tidak ada, pampasan tidak ada, *legal service* tidak ada. Kalau boleh dibutirkan di dalam Fasal 42 ini, ia lebih *complete*, lebih sempurna.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya juga ada membaca undang-undang di Vietnam. Di Vietnam pun tidak mempunyai peruntukan yang menyeluruh di bawah undang-undang mereka. Tetapi apabila seseorang itu telah datang ke pusat penjagaan ini, pusat penjagaan ini juga dijaga dan ditadbirkan oleh pihak badan bukan kerajaan yang ingin memberi perkhidmatan mereka. Badan bukan kerajaan ini telah memberikan kerja sampingan yang diterima pakai, yang diguna, yang digalakkan oleh pihak kerajaan yang mengawal selia pusat ini.

Jadi *legal service*, latihan, selepas itu pemberian pekerjaan, *placement of works* dan *career* dan berbagai-bagai lagi telah dibolehkan oleh pihak kerajaan yang menjaga *center* ini dan

NGO ini sebagai pekerja tiap-tiap hari di tempat itu. Bahkan ada doktor, dan *nurses*. Ada pengajar menjahit, ada pelajar bertukang kayu, ada pelajar mekanik dan berbagai-bagai lagi. Jadi dalam konteks penjagaan ini, saya berlainan sedikit dari Yang Berhormat bagi Batu Gajah kerana pengawalseliaan ini perlu dibuat. Kerana dalam peringkat itu bahawa pihak yang mengimport ataupun memperdagangkan orang ini nanti masih mungkin mengetahui di mana tempat *centemya* dan mereka boleh pergi ke tempat itu dan mengganggu tempat itu.

Jadi dengan ada kawal seliaan ini mungkin kita boleh menghalang mereka ini daripada mengganggu gugat mereka yang duduk di tempat itu dan membawa mereka itu pergi ke kilang dan tempat latihan yang tertentu di mana diterima pakai oleh pihak pengurus badan tempat ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali Yang Berhormat bagi Jerai ya, yang terakhir sekali saya sebut sini ialah kerjasama serantau. Kerjasama serantau ini amat penting. Berlandaskan pengalaman saya berbincang dengan pihak UNDOC dan UNIP saya dapati bahawa kerjasama serantau ini amat penting. Kalau kerjasama serantau ini tidak dilaksanakan oleh negara kita dengan mana-mana negara serantau ini, nescaya undang-undang kita ini hanya boleh dilaksanakan dalam negara ini sahaja. Pelaksanaannya nanti mungkin tidak menyenangkan perasaan jiran-jiran kita walaupun undang-undang ini khususnya digubal kan untuk memperlengkapkan undang-undang serantau supaya dia untuk melaksanakan undang-undang serantau sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak *United Nation*.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita kena memperkuat lagi kerjasama serantau dengan semua *member ASEAN Nation* supaya undang-undang di negara mereka dengan undang-undang di negara kita ini boleh diselaraskan dan *treaty* soalan *repatriation* orang ataupun *repatriation* sumber kewangan dan sebagainya itu mesti juga diselaraskan supaya ia memperlengkapkan undang-undang di seluruh ASEAN. Memang betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi mengatakan badan-badan yang menjaga belum ketat. Memang kalau undang-undang ini semua sudah *in place* nanti, saya cukup yakin kalau kerjasama boleh dibuat di antara ASEAN, walaupun *judicial system* kita berlainan, dia punya pelaksanaan boleh dibuat di bawah kawalan pemantauan pihak UNDOC dan *Regional Center East Asian* dan juga pihak UNIP ini. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

5.06 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, semua orang menyokong dan saya dengar pihak pembangkang pun menyokong rang undang-undang ini. Bermaknanya ini adalah satu rang undang-undang yang begitu mulia. Terutama sekali kita sebagai sebuah negara Islam memperdagangkan orang ini adalah perkara yang terkutuk dan perkara yang hina. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-

Pertua, kita akan meluluskan rang undang-undang ini. Tetapi yang penting Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan yang selalu saya nampak gagal untuk menguatkuasakan undang-undang yang kita luluskan ini. Pemantauan yang lemah, tindakan yang lambat.

Jadi, bila tindakan lambat, ia akan menganiayakan. Kerja kita dalam rang undang-undang ini ialah untuk menghapuskan 'bapak ayam' dengan 'ibu ayam', bahasa kasarlah. 'Bapak ayam' dengan 'ibu ayam' kerja dok berniaga orang. Tetapi dalam konsep ini Tuan Yang di-Pertua, dia ada dua. Ada dengan sukarelanya mahu kerja macam itu. Untuk kesenangan, untuk dia hendak seronok, dapat pendapatan lebih dan sebagainya. Ada yang teraniaya.

Jadi ada dua kumpulan. Dua kumpulan, tetapi kalau tidak ada tauke ataupun 'bapa dan ibu ayam' ini maka perkara ini tidak akan berlaku. Kita, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh tunjuk, di ibu kota di mana-mana. Kita tahu di mana tempat dia. Di mana berlaku rumah-rumah maksiat, di mana berlaku pusat-pusat pelacuran. Di mana berlaku pusat-pusat hiburan yang keterlaluan dan sebagainya. Kita tahu, saya tahu, saya lihat dan saya nampak. Sampai jalan dekat Jalan P.Ramlee itu, malam-malam kita hendak pergi ke Hotel Shangri-La itu *jam*, kerana hiburan. Hiburan bukan di dalam, sampai di tepi jalan hiburan. Jadi benda ini berlaku di hadapan mata, berlaku di mana-mana dan kita tahu benda ini berlaku. Tetapi kerana penguatkuasaan ini tidak berlaku, maka ia berlaku dengan begitu ketara sekali. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, hendak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi telah pun sebut dan nampaknya ada sokongan supaya ibu kota kita ini bersih daripada gejala memperdagangkan manusia, macam tadi disebut Jalan Bukit Bintang dan seumpamanya. Masalah penguatkuasaan, apa pandangan Yang Berhormat, kalau dari segi penguatkuasaan ini kita ada penguat kuasa yang pakai preman sahaja. Jangan pakai uniform sepanjang masa. Sebab kita nampak di situ memang itu tempat dan semua orang pun sebut.

■ 1710

Jadi dengan adanya penguatkuasaan 24 jam ini, mungkin dalam tempoh tertentu besar kemungkinan tempat ini boleh dibersihkan daripada gejala ini. Apa pandangan daripada Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat maksiat ini, pusat-pusat pelacuran ini bukan kata di Kuala Lumpur sahaja, di rata-rata tempat ada. Kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini dianggap sebagai sebuah negara, yang orang kata apa, perniagaan daging ini, *flesh trade*. Kita tidak mahu. Jadi, orang hendak kata kalau hendak seronok, mai di Malaysia. Macam ada sebuah negara dekat-

dekat dengan kawan-kawan kita, jiran-jiran kita ini, sampai begitu *trademark*. Kononnya hendak menarik pelancong.

Kita tidak payah perdagangkan manusia untuk menarik pelancong. Jadi, yang pertamanya undang-undang yang kita lihat di muka surat 15 rang undang-undang ini, iaitu 3 tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan juga denda, saya ingat itu cukup-cukup ringanlah. Saya setuju sebatan. Satu lagi saya hendak minta bahawa tempat-tempat di mana perdagangan manusia ini berlaku, pusat-pusat maksiat ini, harus diambil oleh kerajaan, disita oleh kerajaan, dirampas oleh kerajaan, *enforcement*, kita rampas.

Maknanya, kalaulah kedai ini, kita tahu bangunan ini dijadikan pusat pelacuran, maka apabila kerajaan tangkap dan kita tahu, kita rampas bangunan itu. Walaupun bangunan itu dia sewa, sepatutnya tuan yang menyewa itu patut kena faham. Dia sewa bangunan ini untuk apa? Kalau untuk buat pusat hiburan, untuk pusat maksiat, pusat pelacuran, maka rampas bangunan ini. Kita sebat orang yang melakukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, merosakkan maruah seseorang wanita itu adalah sesuatu yang cukup hina, Tuan Yang di-Pertua. Bayangkanlah kalau seorang dara itu diperdagangkan, dirosakkan kedaraannya hancur hidup dia, Tuan Yang di-Pertua. Kalau pula sudah dirosakkan dia, kena pula penyakit AIDS, maka harapan dia untuk hidup habis. Dia akan menunggu maut. Apakah ini kita hendak boleh *tolerate* lagi dengan hanya hukuman 3 minimum dan 20 tahun maksimum dan denda sahaja? Di sini kita tambah sebat. Tambah satu di sini, didenda dan sebatan. Ditambah sebatan dan juga dirampas segala harta-harta perolehan yang dia dapat daripada perniagaan perdagangan manusia ini.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Rang Undang-Undang Antipemerdagangan Orang ini, manusia ini yang sebenarnya pada hari ini patut kita luluskan tetapi saya mahu ingin tahu daripada Yang Berhormat bagi Jerai, undang-undang yang ada ini tidak cukupkah. Kita ada polis, kita ada imigresen, kita ada macam-macam jabatan dan jabatan agama untuk menguatkuasakan perdagangan.

Contoh, Yang Berhormat bagi Jerai, di kawasan Pantai Timur Sabah, di sebelah Tawau, perdagangan ini tidak pakai pasport untuk masuk, mereka bawa lintas batas kemudian ditaruh di tempat-tempat dan hotel-hotel tertentu. Kalau kita kata kita ambil tindakan orang punya hotel, susah sebab orang ini menyewa. Apabila kita lapor, tidak ada tindakan. Kalau lapor pun, kalau imigresen atau polis mahu pergi, sebelum sampai hotel sudah kosong. Bagaimana kita mahu

kuatkuasakan kalau sekiranya agensi yang ada ini tidak boleh menguatkuasakan undang-undang?

Jadi, saya minta supaya mungkin Yang Berhormat bagi Jerai boleh cadangkan sesuatu, kerana kalau saya cadang pun memang tidak boleh. Saya tidak tahu apa yang patut dicadang. Ini kerana kalau kita lapor tidak ada tindakan. Gagal, penguatkuasaan gagal. Kalaupun penguatkuasaan mahu mengambil tindakan, apabila sampai ke tempat itu pelacur-pelacur ini semua sudah tidak ada. Ini di sebelah Pantai Timur Sabah yang orang masuk ini tidak ada dokumen sama sekali. Kalau yang ada dokumen dari China dan lain-lain masuk ke semenanjung, mungkin kita boleh kesan lagi tetapi ini tidak ada sama sekali.

Jadi Yang Berhormat, bolehkah kita fikir sesuatu, mungkin orang-orang yang tidak dapat dikesan ini atau agensi-agensi yang tidak boleh mengesan ini, dengan laporan pun tidak ada tindakan. Mungkin ada sindiket yang ada salah faham saya kalau saya cakap, mungkin ada wang sogokan kepada penguatkuasaan supaya mereka ini tidak dapat mengambil tindakan kepada apa yang patut diambil tindakan.

Jadi, kita minta supaya mungkin kaedah-kaedah untuk agensi lain daripada penguatkuasaan yang ada sekarang ini. Dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, kita menghantar *plain cloth* daripada Bukit Aman atau daripada ibu pejabat imigresen di sini untuk pergi ke tempat-tempat secara *undercover* untuk menangkap keadaan seperti ini. Bagaimana Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat memberi pandangan yang cukup panjang lebar. Memang, sebab itulah saya kata tadi penguatkuasaan dan di sini kalau kita lihat, di bahagian penguasaan iaitu pegawai-pegawai berkuasa, saya tidak nafikan, bukan kata semua pegawai yang sedemikian rupa. Kita dapat lihat di kaca TV kadang-kadang pasukan kita, dia *raid* ataupun menyerbu tempat-tempat.

Kadang-kadang polis bekerja sampai pukul tiga, pukul empat pagi dengan pegawai agama, majlis agama dengan majlis-majlis kariah tempatan. Tetapi maksud saya di sini ialah pegawai-pegawai ini harus kita adakan macam kita kata UPP di bahagian utara, ia kata Unit Anti Penyeludupan. Ia *join* di antara polis, kastam, imigresen dan sebagainya dan mereka ini di bawah satu pasukan untuk menyerbu dan menangkap pusat-pusat ini. Memang sukar. Di "mana ada gula, di situ ada semut". Memang sukar, saya faham tetapi saya berterima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan memikirkan sesuatu untuk menghalang sedaya upaya yang kita mampu, *business*, perdagangan manusia ini ataupun perniagaan ini.

Jadi, di sini hukuman itu, contoh saya hendak ambil Tuan Yang di-Pertua, dalam undang-undang kita lulus dalam Dewan Rakyat, sesiapa sahaja yang melindungi pendatang haram, dia boleh dihukum denda dan penjara dan sebatan. Sampai hari ini tidak dengar sekali pun kena sebat. Cuba kita sebat, tengok. Kalau sesiapa ambil atau pun ladang-ladang ambil, pegang

tauke ladang, pegang CEO ladang itu bawa ke penjara sebat dia enam kali, taubat dia tidak ambil sudah. Dia tidak bawa masuk sudah.

Setakat denda ini, *is not the problem to them*. Tetapi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh ada *problem*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada *problem*, ada *problem*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada *problelem*, *what is the probelm?*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat bagi Jerai selalu kata macam kena pukul orang, sebat orang, kita boleh menegah semua orang untuk melalukan jenayah. Kita lihat rang undang-undang berkenaan dengan antidadah, ada sebatan, hukuman gantung sampai mati, kita masih lihat selalu masih ada ramai orang menjadi penagih dadah dan ramai orang menjual dadah. Kenapa semua ini tidak berkesan. Jadi, ini menunjukkan yang teori untuk adakan sebatan, hukuman mati semua itu sebenarnya bukan cara yang paling baik untuk menegah sesuatu jenayah daripada berlaku.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat belum berumah tangga, belum ada anak, belum ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini tidak ada kaitanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan, kalau ada sesuatu berlaku kepada anak kita, keluarga kita, keluarga kita dirogol, keluarga kita dianiaya, macam mana perasaan kita. Kalaulah anak kita yang kita jaga elok-elok diperdayakan oleh bapa ayam, ibu ayam ini menjadi pelacur. Macam mana perasaan kita? Kita bela, kita menyusu. Bini kitalah menyusu dia [*Ketawa*] bagi hingga besar, bagi pelajaran. Sudah besar, sudah elok, cantik apa semua, mai orang perdaya dia, bawa dia jadi pelacur. Macam mana perasaan Yang Berhormat Seputeh.

■ 1720

Kalau tidak percaya tanya Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Dia ada anak, ada cucu semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi soalan daripada Yang Berhormat bagi Seputeh bukan tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat - cara hukuman.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia tidak dapat jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Ketawa*] Jadi, sebatan ini, contohnya katakanlah CEO sebuah ladang yang mengambil pekerja haram masuk bekerja dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada berapa minit lagi yang diperlukan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya, kalau hendak melengkapkan undang-undang ini setengah jam lagi cukup, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bagi Yang Berhormat 10 minit lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sepuluh minit tidak lengkap untuk ini macam mana kita hendak lulus undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Ini Yang Berhormat Menteri nanti akan lengkapkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yakah? *[Ketawa]* Jadi kalau kita serius tentang hukuman memang dia akan berlaku. Macam saya kata CEO ladang yang besar, jangan hukum pengurusnya, jangan hukum mandurnya tetapi hukum CEOnya. Bawa dia ke mahkamah jatuhkan hukuman kerana mengambil orang yang tidak ada permit bekerja, rotan dia. Saya percaya ia tidak akan berlaku lagi.

Apa salahnya kalau kita tambah sedikit di sini, orang yang merosakkan hidup orang, Tuan Yang di-Pertua, kita hanya denda dan juga penjara minimum tiga tahun maksimum 20 tahun. Bagi saya tidak adil. Tidak adil kalau berlaku kepada keluarga dan anak-anak kita. Hancur masa depan hidup mereka. Habis. *Worthless*. Mereka ini tidak ada nilai. Teraniaya. Banyak kes teraniaya. Tetapi kes wanita-wanita yang sengaja memperdagangkan dirinya kerana hendak mencari makan...*[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa]* Orang yang hendak jual daging - *boi bak*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *Boi*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Boi bak* itu jual daginglah. Itu dia sendiri mahu jual. Sendiri cari makan. Itu bapak ayam sama ini orang pun mahu kena tangkap, ini orang... *[Ketawa]* Orang ini, Tuan Yang di-Pertua harus kita hantar ke rumah pemulihan. Sebab itulah di bawah sini ada pusat pemulihan. Macam dadahlah, penagih dadah kita hantar ke pusat pemulihan. Tetapi saya tidak bersetuju kalau orang-orang daripada luar negara yang masuk ke Malaysia dan memperdagangkan diri mereka, kita hendak pulih mereka di sini baru kita hendak hantar balik. Pasal apa kita hendak habiskan duit rakyat Malaysia untuk hendak memulihkan orang luar negara kita. Kalau dia datang daripada negara lain cari makan di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi Tuan Yang di-Pertua janji 10 minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini bercanggah dengan Islam Hadhari. *You* tidak ada kasih sayang terhadap mangsa pemerdagangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order.* Minta saya laluan. Jangan terus cakap macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, teruskanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kenalah hormat saya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya janji 10 minit Tuan Yang di-Pertua. Ini baru dua minit. Tuan Yang di-Pertua yang janji bukan saya minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta setengah jam. Kita tolak ansurlah. Tidak apalah kurang 20 minit bagi 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau bagi satu jam pun sama jugalah, pusing sana pusing sini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, kita tidak boleh membelanjakan duit rakyat untuk hendak memulihkan orang daripada luar negara, kita hantar balik. Tetapi jangan kita aniaya, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bersetuju kalau dianiaya. Kadang-kadang yang datang itu kononnya hendak mencari kerja di Malaysia. Sampai di sini sindiket ambil pasport. Kemudian mereka ini dihantar menjadi pelacur. Kemudian mereka ini sudah tidak ada tempat berlindung. Di sini pihak penguat kuasa seperti Imigresen atau polis dan atau sebagainya harus mengambil kira. Jangan pula caj mereka masuk secara haram dan sebagainya. Ini kerana mereka telah teraniaya.

Mereka ini harus diproses untuk dihantar kembali ke negara mereka. Tetapi rakyat Malaysia yang terlibat dalam perdagangan tubuh badan ini harus kita pulihkan mereka, bagi pendidikan agama kepada mereka, bagi pendidikan kemahiran kepada mereka untuk mereka boleh hidup kembali sebagai rakyat yang bermaruah. Ini yang harus kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong supaya penguatkuasaan ini harus diperketat dan hukuman-hukuman yang berat ini harus dikenakan kerana kalau tidak perkara ini berlaku berleluasa. Saya tengok di mana-mana sahaja pun ada pusat-pusat ini. Kita lihat pada hari ini pelajar-pelajar universiti sudah terlibat dalam maksiat, jadi GRO, jadi pelacur untuk menambah pendapatan mereka. Biasiswa yang kerajaan beri tidak cukup. PTPTN beri pun tidak cukup, dia hendak pergi cari makan lagi. Jadi kita kena menyekat perkara macam ini. Macam mana budak-budak pusat pengajian tinggi ini yang masih muda remaja boleh melibatkan diri?

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu di pusat-pusat hiburan selalunya ia bermula daripada hiburan yang keterlaluan. Di pusat inilah berlaku pengedaran dadah, berlaku pengedaran pil *ecstasy*, berlaku pengedaran pil karan. Pil karan, dia makan naik karan.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Pil kuda.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pil kuda dan sebagainya. Di sini dia mulakan apabila dia lupa diri, diperdaya oleh lelaki dan sebagainya. Saya lihat kadang-kadang pusat hiburan ini dia kata pukul 12 kena tutup, pukul tiga pagi dok *happening* lagi. Pasal apa kita tidak boleh tahan? *First warning, second warning, third warning. Sealed, tangkap dan blacklisted* orang-orang ini, dia tidak boleh buka di mana-mana pun pusat hiburan dan pusat hiburan ini pun kuranglah sikit. Majlis-majlis kerajaan tempatan kurangkanlah sikit pusat hiburan. Ini sampaikan pekan kecil pun bubuh pusat hiburan - rumah urut. Lelaki hendak urut pergilah cari lelaki yang mengurut. Perempuan hendak urut pergilah cari perempuan yang mengurut. Tangan orang perempuan lembut macam mana dia boleh urut badan orang lelaki. Keras. Perkara macam ini berlaku.

Alhamdulillah, saya tengok baru-baru ini dalam TV mereka *raid*, pergi tangkap di merata tempat. *[Bentara meletakkan dokumen di atas meja Yang Berhormat bagi Jerai]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Wah, nota sudah sampai Yang Berhormat. Untuk jawapankah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak. Bukan, Tuan Yang di-Pertua. Saya maksudkan di sini perkara ini kita yang buat rang undang-undang untuk menyekat dan ada pula undang-undang boleh membuka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tinggal lagi dua minit. Tuan Yang di-Pertua, saya kira sekejap tadi ada dua minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, gulung. Jadi, di sini saya memerlukan supaya kerajaan, penguatkuasaan kena serius, kurangkan pusat-pusat hiburan yang berlaku hari ini. Kalau ada laporan, terus diambil tindakan supaya perkara ini tidak merebak dan berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu bapak ayam dan ibu ayam ini memperalat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Macam mana kita hendak menarik pelancong kalau kita tutup semua pusat hiburan? Mereka datang ke sini buat apa? Tengok Yang Berhormat bagi Jerai berucap?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inilah Seputeh. *[Bercakap dalam bahasa Cina]* ...dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Hokkien memang dia tidak faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tidak faham, dia Kungfu punya orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hailam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pun tidak faham dia cakap. Tetapi saya Hokkien. Sekarang ini saya tengok pelancong daripada Arab datang dia bawa anak dia semua, takkan dia mahu bawa anak dia yang kecil-kecil masuk disk. Pelancong pun kalau hendakkan hiburan di negara mereka pun hiburan mereka lebih lagi.

■ 1730

Macam mana hiburan dia hendak pun ada, naik atas meja, naik atas kerusi pun ada hiburan depa. Di Malaysia ini pelancong mai, maksud saya ada pusat hiburan yang dia boleh pergi ke pub, dia boleh pergi di karaoke, hiburanlah. Bukan maksud saya hiburan keterlaluan sampai tidak ada batasan dan malu kita Tuan Yang di-Pertua kalau anak-anak muda, anak-anak Malaysia kita, anak-anak perempuan kita ini tahu-tahu pi jadi pelacur, jadi GRO, pelancong-pelancong bawa budak-budak Malaysia berjalan. Malu Tuan Yang di-Pertua.

Kita tengok malu. Anak-anak kita mahu orang Mat Saleh atau orang Negro, mai pegang berjalan. Kita tengok, Seputeh, tak malu kah? Sekarang *you* jalan sama orang Negro, *you* ada malu kah?... [Ketawa] [Dewan riuh dengan ketawa] Kita pun takut ho...!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, apa dia cakap sekarang ya? Dia pusing, pusing dan semua ini tiada kaitan dengan antipemerdagangan manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa ini cakap. Dia main-main sahaja. Dia harus dihentikan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah saya hentikan Yang Berhormat. Sila duduk, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

5.31 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan akta ini. Kalau kita merujuk kepada definisi pemerdagangan yang digunakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu dalam dengan izin *Recommended Principal and Guideline on Human Right And Human Trafficking, Julai 2002*.

Pemerdagangan manusia merujuk kepada satu tema utama iaitu paksaan. Dengan izin *trafficking refers to the recruitment transportation transfer covering or received of persons by means of the threat or use of force or other forms of question of abduction of fraud of deception or the abuse of power or of opposition of vulnerability or of the giving or receiving of payment or benefit to achieve the concern of the person having control over another person for the purpose of exploitation*.

Definisi PBB merangkumi tema tersebut di mana ia mengambil kira paksaan iaitu seseorang manusia walau pun diberi wang dan manfaat dipaksa dan kalau kita merujuk kepada contoh undang-undang dari negara Filipina, pemerdagangan manusia juga termasuk *that bondage* ataupun pengabdian yang disebabkan hutang.

Dengan izin saya ingin menyenaraikan definisi pemerdagangan dari sisi undang-undang di Filipina. *The attraction of work or services from any person by means of enticement, violence, intermediation of rape, use of force or question including they privation of freedom, abuse of authority or moral ascendancy that bondage or deception.*

Dengan jelas pemerdagangan manusia tidak semestinya tertumpu kepada eksploitasi perempuan dan kanak-kanak yang dipaksa bekerja dalam industri seks tetapi pekerja-pekerja biasanya dari luar negara yang dipaksa untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang tidak dipersetujui dalam kontraknya.

Sebagai contoh, saya ingin mengemukakan satu contoh kes yang dilaporkan baru-baru ini dalam akhbar tempatan iaitu yang telah meninggal dunia iaitu mendiang R. Ganesh dari Tamil Naidu, India. Beliau telah sampai ke Malaysia tanah air kita mencari sesuatu kehidupan yang lebih bermaruah dengan melakukan kerja yang telus dan jujur tetapi akhirnya mengalami penderaan, pemukulan dan kebuluran sehingga beliau dibuang oleh pihak majikannya di semak samun dan dibiarkan sahaja.

Bukankah kes merupakan satu contoh di mana tenaga kerja manusia diperdagangkan dan dieksploitasi. Tidakkah mangsa-mangsa seperti R. Ganesh dan lain-lain pekerja berhak dilindungi oleh undang-undang negara kita. Akan tetapi rang undang-undang yang didebatkan hari ini kelihatan seperti satu undang-undang keselamatan dan tidak untuk perlindungan mangsa.

Kalau kita mengkaji contoh-contoh yang sedia ada dari negara-negara lain seperti di Indonesia, Filipina, Cambodia dan lain-lain, hak asasi mangsa yang diperdagangkan diutamakan dan dihormati. Langkah pertama kita seharusnya memastikan supaya maruah seseorang manusia dikembalikan bukan sahaja menghukum orang yang terlibat dalam pemerdagangan manusia.

Perlindungan dan pemulihan – proses perlindungan dalam rang undang-undang hari ini mengemukakan beberapa soalan pokok khas apabila kita mengkaji Bahagian V seksyen 42 hingga 57. Pertamanya *shelter* ataupun tempat perlindungan adakah mangsa-mangsa ditempatkan di pusat penahan yang sedia ada ataupun di tempat perlindungan baru yang akan dibina. Mengapakah tempat perlindungan kelihatan seperti tempat tahanan biasa? Apakah *facility* dan perkhidmatan pemulihan yang akan diberi untuk mangsa-mangsa dalam tempat perlindungan tersebut.

Keduanya adakah tempoh yang terhad untuk perintah perlindungan itu iaitu sehingga tiga bulan cukup untuk proses mahkamah menyelesaikan kes-kes tersebut. Kalau kita mengikut kes-kes jenayah biasa kebanyakan kes-kes tersebut memakan masa sehingga beberapa tahun.

Adakah mangsa-mangsa tersebut akan dibawa pulang ke Malaysia untuk menjadi saksi dalam mahkamah?

Kita seharusnya mengambil kira bahawa Malaysia disenaraikan dalam beberapa laporan sebagai sebuah negara yang digunakan oleh pihak pemerdagangan manusia sebagai tempat laluan ataupun *transit point* di mana mangsa-mangsa dari Asia Tenggara di bawa masuk ke Malaysia lalu dikirim ke negara-negara lain seperti Eropah, Australia dan Jepun.

Orang yang terlibat bukan orang-orang kecil tetapi yang ada hubungan rapat dengan jaringan antarabangsa dan berkait juga dengan jaringan mafia antarabangsa yang ganas. Adakah pihak pendakwa boleh menjalankan tugas dengan sempurna dengan masa yang sebegitu singkat. Saya juga tidak puas hati dengan kekurangan maklumat tentang proses pemulihan mangsa-mangsa yang diperdagangkan. Saya berbeza dengan Yang Berhormat bagi Jerai tadi.

Kalau kita lihat contoh undang-undang pemerdagangan manusia dari Filipina ia jelas mengutamakan proses pemulihan. Sebagaimana Yang Berhormat Jerai katakan, mereka ini adalah anak kita, adik kita, keluarga kita yang kalau terjadi kepada kita apa perasaan kita. Proses pemulihan rehabilitasi dan yang paling penting untuk saya integrasi semula mangsa-mangsa dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, ini termasuk bantuan perumahan, kaunseling, bantuan guaman percuma, bantuan kesihatan dan perkhidmatan psikologi dan latihan kemahiran kerja. Untuk kanak-kanak yang diperdagangkan selain daripada yang disenaraikan bantuan pendidikan juga diberi sepatutnya.

Saya menyeru supaya kerajaan kita mencontohi negara-negara lain yang lebih maju dalam pelaksanaan mencegah pemerdagangan manusia. Saya juga mohon kepada Dewan ini supaya Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007 diteliti semula dan diberi lebih masa untuk mengetatkan kelonggaran dari sisi undang-undang supaya matlamat utama iaitu perlindungan, pemulihan dan maruah mangsa-mangsa industri pemerdagangan manusia direalisasikan dan dapat dicapai.

Saya juga ingin menarik perhatian seperti mana yang telah diberi oleh laporan Tenaganita, mereka yang diperdagangkan mula-mulanya *dehumanize* dengan izin. Mangsa-mangsa yang datang sekarang ini melibatkan orang-orang Melayu. Dahulunya memang dikatakan bahawa orang-orang Tionghoa yang terlibat dibawa ke Eropah, ke Jepun, ke Australia.

Akan tetapi sekarang ini melibatkan mangsa-mangsa daripada *Cambodia* yang diambil oleh orang-orang Melayu, lelaki-lelaki Melayu yang mengahwini lebih pada satu. Ini amat membimbangkan kerana kalaulah mereka menjadi mangsa-mangsa yang diperdagangkan dan negara kita menjadi satu negara transit bagi perniagaan begitu dan ini adalah sungguh memalukan kita. Dengan itu saya menyokong tetapi mestilah diperketat lagi. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua orang sahaja kah? Jadi bolehkah saya selesaikan perbahasan ini pada jam enam? Jadi Yang Berhormat Menteri boleh mulakan jawapan. Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Yang Berhormat bagi Pasir Mas, 10 minit dan 10 minit untuk Yang Berhormat Seputeh.

5.41 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas budi bicara yang baik ini untuk memberi kesempatan sedikit kepada saya. Saya menyokong penuh akta yang sedang kita bincangkan ini untuk mengatasi masalah perdagangan kepada manusia kerana ia bertentangan secara langsung sama ada dari segi agamanya, dari segi moralnya dan dari segi sosialnya. Tidak mengira sama ada Islam dan agama-agama lain mengutuk perbuatan yang begini hina, yang tidak bermaruah yang berlaku di khalayak kita ini. Saya menyokong apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Jerai yang mengatakan kerja ini adalah kerja hina.

Saya kembali terus kepada akta yang dibincangkan yang akan yang telah dikemukakan di antara lain iaitu bahagian yang ketiga yang menyebut fasal 12 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang bagi maksud eksploitasi. Ia membawa hukuman penjara bagi tempoh tidak melebihi dari 15 tahun dan juga boleh didenda apabila disabitkan. Saya melihat kalimat boleh juga didenda semacam ada pilihan di situ dan boleh juga di denda ertinya memberi kuasa kepada hakim memilih sedangkan dalam mana-mana akta dia mesti tepat dan tidak ada sebarang pilihan.

Jadi pada pandangan saya terus 15 tahun dan didenda apabila disabitkan kesalahan bukan sahaja... Saya setuju dengan apa yang di cadangkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai bukan sahaja sebab malah kalau mereka melakukan lebih daripada dua kali lebih daripada satu kali maka mereka harus dibuang daerah dan dibuang negeri kerana dalam hukum syarak pun bila dia seorang Islam yang meminum minuman keras secara berulang dia disebat 40 kali pertama sehingga 80 rotan kalau dia mengulangi kali kedua, disebat 80 rotan kemudian dibuang daerah. Dalam kitab Fiqah Islam ada menyebut.... *[Membaca sepotong hadis Rasulullah]* Ertinya, mereka hendaklah dibuang negeri atau daerah selama setahun. Jadi kalau ini kita dapat laksanakan barangkali setidak-tidaknya dapat kita kurangkan kerja-kerja yang kotor, kerja-kerja yang hina begini.

Barangkali saya melihat pada hari ini di antara punca-punca, kita mesti melihat sebenarnya jangan kita hanya mengadakan hukum atau pun benda-benda yang berkaitan dengannya. Kadang-kadang sebagaimana saya melihat dalam tasawur atau pun dalam konsepsi Islam. Dia bukan sekadar menggunakan hukum tapi di sana ada semacam tarbiah, mendidik masyarakat. Sekarang ini, benda ini tidak diketengahkan kepada masyarakat dalam bentuk boleh menasihati masyarakat, motivasi kepada masyarakat, kerana kita baik orang Cina, baik orang Melayu, orang India kita ada Yang Berhormat Menteri-Menteri. Walaupun Yang Berhormat

Menteri jaga kerja raya tapi sebenarnya dia menjaga orang India. Walaupun menteri di Jabatan Perdana Menteri menjaga bahagian agama sebenarnya dia juga ditugaskan supaya jaga agama Islam dan jaga orang Melayu dan begitu juga orang Cina.

Jadi dalam konteks negara yang tidak ramai lagi 25 juta, 26 juta ini saya rasa kalau masing-masing mengambil satu sikap yang benar-benar sungguh bukan sekadar hanya semacam yang kita buat sekarang ini. Siapa yang setuju katakan setuju, siapa yang tidak setuju katakan tidak setuju. Sudah tentu pihak kerajaan yang mempunyai suara majoriti walaupun mereka hadir 10 orang, mereka menang di dalam memberi kata putus setuju atau tidak setuju. Bukan masalah itu, masalah sekarang ini kita mesti bincang dengan semasak-masaknya dalam Dewan ini.

Saya lihat semacam tidak ada prihatin daripada Ahli-ahli Dewan. Kehadiran Dewan pun tidak berapa sangat, sedangkan perkara ini perkara negara yang menyentuh negara kita. Kita kena mencari punca Tuan Yang di-Pertua sebab apa yang berlaku. Dadah misalnya, di negara kita ini, saya bimbang Tuan Yang di-Pertua kalau banyak sangat benda-benda yang berlaku sekarang ini saya bimbang, rahmat, nikmat ini akan dicabut akan hilang. Saya senarai sekejap tadi ada 10 macam perkara-perkara besar berlaku di negara kita ini. Dadah, AIDS, pembunuhan, rompakan, curi, ragut, rogol, zina, pelacuran, pecah amanah, rasuah, samseng jalan, samseng sekolah, kemalangan jalan raya yang tinggi dan perdagangan manusia. Kalau ini yang berlaku kepada negara yang begitu kecil tidak ramai bilangannya dan sempit geografinya, kita bimbang satu ketika nanti nikmat dan rahmat yang memang ada yang diberikan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada kita akan ditarik balik, akan hilang daripada kita.

Kita yang tidak berdosa ini akan menerima sama bala, ia dikenakan oleh Allah S.W.T. kerana itulah kita mesti melihat semula kepada peringatan Al-Quran di mana surah A'raf ayat yang kedua menyebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Berapa banyak negeri-negeri yang kami telah rosakkan mereka. Berapa banyak negeri-negeri yang kami telah hancurkan mereka kerana mereka lalai, kerana mereka lupa, kerana mereka mengikut hawa nafsu dan berbagai-bagai lagi. Nikmat yang telah diberikan ini bukan berkekalan. Allah S.W.T. menyebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Allah S.W.T. tidak akan merubah nikmat yang diberi kepada kita tetapi kita yang merubah nikmat yang telah diberi oleh Allah S.W.T. kepada kita selama kita tidak jaga benda ini.

Kalau kita tidak jaga benda ini, maka nikmat yang telah ada kepada kita dengan segala kemudahan semuanya nanti akan di cabut oleh Allah S.W.T. Kerana itulah punca yang pertama sekali saya rasa bahawa punca, tamak kepada harta, punca kefahaman kebendaan yang begitu tinggi di kalangan masyarakat kita. Kita rasuk masyarakat kita supaya berfahaman bertuhankan kepada kebendaan. Tuhan sebenar Allah S.W.T. seolah-olah *second class*, nombor dua kita letak kebendaan nombor satu. Kita didik masyarakat kita, kita didik anak kita, kita didik orang kita dengan kebendaan, tamak kepada harta. Ini punca pertama sekali bila masing-masing tamak

kepada harta maka tidak ada kasih sayang kepada ibu bapa. Tidak ada kasih sayang kepada jiran, tidak ada kasih sayang kepada siapa, kerana apa kerana mengutamakan harta, satu.

Yang keduanya pula, mempertuhankan, menjadikan hawa nafsu sebagai tuhan. Ini masalah besar. Mesti diselesaikan. Kita nampak sekarang ini negara kita sekarang ini, menjadikan hawa nafsu sebagai tuhan yang disembah. Dan benarlah Al-Quran menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Berapa ramai kamu dapati wahai Muhammad, manusia mengambil hawa nafsu sebagai Tuhan disembah. Pemuda-pemuda kita jauh daripada solat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada lagi satu minit setengah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Dua minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak sampai dua minit.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi saya melihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ...Saya melihat kepada benda-benda ini kerana itulah kita kena letak satu garis panduan tentang kebendaan, tentang kefahaman kebendaan ini, jangan bermatlamatkan kepada kebendaan. Hidup kita bukan kebendaan. Ada satu lagi kehidupan. Bagi kita orang Islam hidup kita ukhrawi, kehidupan akhirat mesti dipertimbangkan kerana apa, kerana yang dikerjakan kerana itulah Nabi Muhammad S.A.W. bentuk umatnya, umat Nabi Muhammad ini bukan 26 juta bukan 30 juta, dia mencecah kepada bilion umat tetapi kalau berpegang kepada ini kerana itulah kita jumpa dalam hadis Rawa Bukhori, riwayat Rawa Bukhori.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *[Bangun]*.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya tidak ada masa Yang Berhormat bagi Jerai. Saya sudah sokong Yang Berhormat bagi Jerai tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Baik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa Pasir Putih cukup. Masa Pasir Mas cukuplah.

■ 1750

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya buang masa, bazirkan masa dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Antipemerdagangan ini merupakan rang undang-undang yang telah lama dinantikan oleh orang ramai. Jenis dan sebab-sebab pemerdagangan wanita dan kanak-kanak termasuk:-

- (i) buruh paksaan;
- (ii) pelacuran paksaan;
- (iii) penyeludupan bayi;
- (iv) industri pornografi

- (v) pemerdagangan dadah;
- (vi) pengantin perempuan secara kiriman ataupun paksaan;
- (vii) buruh kanak-kanak;
- (viii) penjualan organ badan;
- (ix) pelajar asing dan sebagainya.

Jenayah pemerdagangan orang mengikut paten mengikut satu paten yang sama iaitu seseorang yang direkrut ataupun diculik dari negara asal. Kemudian dipindahkan ke sesebuah negara dan kemudian dieksploitasi di tempat destinasi. Selalunya orang yang menjalankan pengambilan ataupun rekrut, orang yang mengangkut mangsa dan orang yang mengeksploitasi mereka bukannya terdiri daripada orang yang sama. Modus operandi sindiket ataupun penyeludup ini selalunya bertukar-tukar cara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, definisi yang terkandung dalam rang undang-undang ini adalah agak sama dengan definisi pemerdagangan orang yang terkandung dalam *United Nations Human Right Commision*. Tetapi apa yang tidak disebut ialah isu buruh paksaan ataupun *force labour* dalam rang undang-undang ini. Walaupun kita tidak seperti Myanmar yang membenarkan buruh paksaan tetapi buruh paksaan masih wujud di masyarakat kita iaitu melalui sindiket yang menyeludup ataupun mengimport pekerja asing dari luar negara ke negara kita secara tipu. Kalau kita rujuk kepada Undang-undang Pemerdagangan Orang di Filipina, ia merangkumi buruh paksaan dan hamba abdi dalam definisi undang-undang ini iaitu definisi *force labour and slavery* dalam undang-undang itu berbunyi dengan izin, *refer to the abstractions of work or services from any person by means of enticement, violence, intimidation or threat, use of force or coercions including deprivation of freedom, abuse of authority or moral ascendancy depth bondage or deception*.

Jadi saya cadangkan supaya buruh paksaan dimasukkan di dalam definisi pemerdagangan orang dalam rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan terhadap komposisi Majlis Antipemerdagangan Orang ini. Ia haruslah diambil pendekatan yang memberi lebih penekanan perlindungan daripada keselamatan seperti pendekatan yang diambil oleh Majlis Antipemerdagangan yang diambil oleh Filipina. Ini bermaksud jawatan pengerusi majlis ini seharusnya dipegang oleh Menteri ataupun pegawai kanan daripada jabatan ataupun kementerian yang bertanggungjawab kepada undang-undang ataupun keadilan. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat haruslah dijadikan naib pengerusi dalam majlis ini.

Selain itu, majlis ini juga merangkumi ketua setiausaha ataupun wakil daripada kementerian yang tiada kaitan dengan isu pemerdagangan orang. Misalnya apa tujuan kita masukkan wakil daripada Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Penerangan dalam majlis ini? Kedua-dua Kementerian sepatutnya hanya melaksanakan cadangan dan perintah yang dikeluarkan oleh Majlis Antipemerdagangan Orang dan mereka tidak perlu berada dalam majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rang undang-undang ini hanya memberi tiga kerusi kepada wakil daripada NGO yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran tentang isu pemerdagangan orang. Jadi saya cadangkan supaya rang undang-undang ini juga memasukkan wakil daripada SUHAKAM dan Majlis Peguam selain daripada tiga kerusi bagi NGO kerana wakil daripada SUHAKAM dan Majlis Peguam akan dapat memainkan peranan yang lebih penting berbanding wakil daripada kedua-dua kementerian yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menyebut tentang kuasa menteri di beberapa tempat. Seksyen 8 menyebut tentang kuasa menteri untuk memberikan arahan kepada Majlis Antipemerdagangan Orang. Seksyen 57 menyebut tentang kuasa Menteri untuk memindahkan orang yang diperdagangkan dari satu tempat perlindungan ke satu tempat perlindungan yang lain. Seksyen 66 memberi kuasa kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa penuh atau bagi menjalankan peruntukan akta ini. Seksyen 67 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat ubahsuaian kepada mana-mana peruntukan akta ini dalam masa dua tahun permulaannya kuat kuasanya. Soalan saya ialah kenapakah kuasa yang begitu besar diberi kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri tetapi bukannya kepada Majlis Antipemerdagangan Orang yang ditubuhkan ini.

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri merupakan satu kementerian yang besar dan jawatan Menteri dipegang oleh Perdana Menteri. Selalunya dipegang oleh Perdana Menteri dalam dua puluh tahun yang lepas. Jadi kenapakah kita memberikan kuasa yang begitu besar kepada beliau tetapi bukan kepada Majlis Pemerdagangan Orang yang terdiri daripada wakil daripada pelbagai kementerian dan NGO yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 52(3) dalam rang undang-undang ini memberi kuasa kepada majistret untuk merakamkan keterangan orang yang diperdagangkan dan menyelesaikan perakaman dalam masa tujuh hari dari tarikh pengemukaan orang yang diperdagangkan ke hadapannya.

Sebenarnya seksyen ini adalah tidak sehaluan dengan pindaan Kanun Tatacara Jenayah pindaan 2004 yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun lepas. Di mana seksyen 115 berkenaan dengan perakaman keterangan yang dilakukan oleh majistret telah pun diluluskan. Jawatankuasa Pilihan Khas membuat keputusan ini selepas mengambil kira cadangan daripada Peguam Negara sendiri iaitu mengikut pandangan Peguam Negara yang bertemu dengan Jawatankuasa Pilihan Khas, beliau berkata majistret haruslah dibebaskan daripada urusan membuat rakaman keterangan saksi supaya majistret tidak dibabitkan dari pertelingkahan kejituan sesuatu keterangan dan boleh dielakkan daripada hadir dalam perbicaraan Mahkamah Tinggi pada masa kelak. Jadi saya ingin tanya kenapakah majistret sekarang diberi tanggungjawab untuk merakamkan keterangan daripada mangsa pemerdagangan orang.

Oleh kerana mangsa pemerdagangan telah mengalami pengalaman yang amat pahit sebelum beliau diselamatkan. Jadi memang tidak mudah mangsa pemerdagangan untuk memberitahu kesemua pengalamannya kepada seorang majistret yang beliau tidak kenal. Dalam masa yang singkat, keterangan yang diberi olehnya kepada orang yang dipercayainya khususnya di hadapan kaunselor yang berpengalaman. Jadi bukankah keterangan haruslah diambil diberi oleh pegawai pelindung dan pekerja sosial di tempat perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pertubuhan bukan kerajaan agak prihatin terhadap tempoh perlindungan yang diberi kepada mangsa pemerdagangan orang iaitu mangsa boleh dihantar oleh majistret ke tempat perlindungan sebanyak empat belas hari bagi majistret untuk menjalankan penyiasatan terhadap latar belakang siasatan. Selepas itu, pegawai perlindungan akan memberi laporan kepada majistret. Sekiranya majistret berpendapat seseorang itu ialah mangsa pemerdagangan bagi orang Malaysia majistret boleh membuat satu perintah perlindungan kepada beliau selama tempoh tidak lebih dari dua tahun dan bagi orang asing majistret boleh memberi perintah perlindungan kepada beliau untuk ditahan di tempat perlindungan tidak melebihi tiga bulan.

Mengadakan tempat perlindungan kepada mangsa pemerdagangan orang adalah perkara yang dialu-alukan. Tetapi apakah konsep perlindungan ini? Apakah perlindungan sementara selama empat belas hari, kemudian tiga bulan bagi mangsa asing dan dua tahun bagi mangsa warga Malaysia itu? Satu bentuk penahanan dan ataupun bentuk pemenjaraan terhadap mereka? Apakah yang akan dilakukan oleh mangsa pemerdagangan di dalam tempat perlindungan tersebut? Apakah pegawai penguat kuasa dan pegawai pelindung adalah pegawai yang terdiri daripada kaunselor juga? Oleh kerana kebanyakan mangsa pemerdagangan adalah orang yang telah melalui kepahitan dan kesengsaraan yang mendalam, jadi adalah amat penting bagi kerajaan untuk melatih lebih kaunselor dan pekerja sosial untuk menjaga mangsa pemerdagangan itu.

Selain itu, adalah penting bagi kaunselor dan pekerja sosial untuk belajar bahasa asing supaya mereka boleh berhubung dan berkomunikasi dengan mangsa yang ditahan di tempat perlindungan tersebut.

■ 1800

Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung tetapi sebelum itu saya ingin tunjukkan kepada *Anti Trafficking Person Act of 2003* di Filipina yang mana kita dapati undang-undang Filipina amat menekankan pemulihan dan menghulurkan bantuan kepada mangsa pemerdagangan orang untuk kembalikan kepada pangkuan masyarakat aliran utama. Ia menghendaki agensi kerajaan untuk memberi perkhidmatan kepada mangsa pemerdagangan iaitu:-

- (i) perlindungan kecemasan ataupun perumahan yang sesuai;
- (ii) kaunseling;

- (iii) perkhidmatan undang-undang percuma yang mengandungi maklumat mengenai hak mangsa dan prosedur untuk memfailkan aduan, mendapat pampasan dan mendapat maklumat lain dalam bahasa yang difahami oleh mereka;
- (iv) perkhidmatan perubatan dan psikologi;
- (v) latihan kemahiran hidup; dan
- (vi) bantuan pendidikan kepada kanak-kanak yang diperdagangkan.

Jadi, saya ingin cadangkan supaya selain daripada tawaran tempat perlindungan kepada mangsa, bantuan yang termaktub dalam undang-undang pemerdagangan orang di Filipina juga boleh dimasukkan dalam undang-undang kita. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sesetengah mangsa pemerdagangan orang adalah dijual ataupun diculik oleh orang yang dipercayai di negara asalnya termasuk ahli keluarganya sekiranya beliau berasal dari keluarga yang miskin.

Jadi apabila seseorang mangsa pemerdagangan ini diselamatkan, beliau mungkin tidak ingin pulang ke negara asal dan kampungnya kerana tempat itu mungkin amat tidak selamat baginya. Jadi saya ingin cadangkan supaya kerajaan boleh memberi lebih ruang kepada mangsa pemerdagangan orang asing seperti ini iaitu dengan menawarkan visa sementara yang lebih panjang kepada golongan mangsa seperti ini ataupun menghantar mereka ke negara lain melalui bantuan dari agensi seperti UNHCR. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

6.02 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ringkas Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, akta ini satu akta yang relevan pada masa sekarang. Tetapi saya rasa antara perkara yang tidak ada dalam klausa-klausa atau akta ini adalah mengenai *retraining* kepada pihak-pihak yang akan terlibat selepas akta ini diimplementasikan. Di antaranya adalah hakim-hakim, pihak pendakwa dan pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya rasa perkara ini sangat mustahak dan di Amerika ada spesifik klausa yang mengatakan bahawa setiap tahun beberapa pegawai berkenaan akan dihantar untuk *retraining* supaya satu *mind set* yang baru.

Ini adalah satu perkara yang sangat unik dan luar biasa dari semua perkara dan tindakan yang diambil oleh pihak polis atau pihak imigresen di mana yang kena pada ini adalah pihak-pihak yang berada dalam satu situasi yang sangat trauma dan sangat serius. Kalau kita tengok akta di Amerika itu adalah berkaitan. Saya rasa itu adalah satu perkara yang pada pandangan saya sangat mustahak kerana gender dan sebagainya. Kedua, kenapa dalam proses membuat akta ini, kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan tidak mengadakan apa-apa perbincangan dengan NGO-NGO dalam negara ini? Kenapa?

Saya rasa ini adalah satu pemikiran yang cacat dan ini tidak boleh diterima. Walhal ini adalah satu perkara yang sangat mustahak. Saya akan terangkan kenapa kerajaan membawa rang undang-undang ini bukan kerana Yang Berhormat bagi Padang Rengas atau kerajaan ingin undang-undang ini, sebenarnya ada faktor-faktor yang saya akan tunjuk dengan jelas iaitu sebab-sebab tekanan luar negara bukan kerana kerajaan sukarela ingin membawa satu kebaikan kepada semua di negara dan rantau ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sangkaan jahatlah ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi tahu apa yang dia tahu pasal *internet*? Kasihan dengan dia. Saya akan terangkan *free of charge*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan pandang rendah....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: No, dia kawan baik saya. Hari ini tidak baca *Internet*, saya dengan dia banyak lemah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pagi sebelum dia datang, dia sudah buka, dan malam akan buka lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau macam itu saya minta maaf. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa *consultation* dengan NGOs terutama Tenaganita yang terlibat sejak beberapa tahun yang lalu dan kasihan sekali Tenaganita telah menulis kepada BNBBC dan juga kepada pembangkang. Kita bukan sahaja rela tetapi berani dan telah berjumpa dengan mereka. Akan tetapi BNBBC tidak dapat kebenaran daripada Yang Berhormat bagi Padang Rengas jadi ia tidak dapat berjumpa dengan Tenaganita. Kenapa Yang Berhormat bagi Padang Rengas ada membuat satu arahan sedemikian? Mungkin kita boleh dengar pandangan dia.

Tuan Yang di-Pertua, apa dia *tier* sistem? Kenapa saya cakap kerajaan Malaysia bukan dengan sukarela membawa rang undang-undang ini. Bukan dengan sukarela. Kalau kita tengok dalam *US Department of State* ia punya *list*, Malaysia adalah *tier two watch list*. *Tier* satu adalah negara-negara yang terbaik. Antara salah satunya ialah Australia, UK, Singapore, Poland, Norway dan sebagainya. *Tier 2* adalah negara-negara Afghanistan, Albania Romania, Rwanda dan sebagainya. *Tier 2 watch list* adalah negara-negara seperti Malaysia. Termasuk China Cyprus, Jamaica dan sebagainya. Apakah kalau kita tidak membawa undang-undang ini akan membawa *sanction* dari Amerika Syarikat tahun hadapan?

Itu adalah sebab kerajaan dengan tergesa-gesa dengan keterpaksaan membawa rang undang-undang ini. Sila akui kebenaran ini. Ini adalah jelas kalau kita tengok di *internet* dan sebagainya. Saya difahamkan *tier two watch list* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya baca, '*Countries on tier 2 requiring special scrutiny because of high or significantly increasing number of victims, failure to provide evidence of increasing efforts to combat trafficking in persons or an*

assessment as the tier 2 base on commitments to take action over the years'. Kalau kita baca saya ada banyak yang akan di antaranya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... dengan izin, 'Malaysia is a *destination and to a lesser extend a source and transit country for man and women to be traffic for the purposes of sexual exploitation and force labour.*. Banyak di antaranya mengatakan dengan izin pada tahun 2004 Disember *Women's Ministry* dengan izin, "*Women Ministry announces that the establishment of a dedicated shelter for foreign trafficking victims though the shelter has never yet to open and care for victims.*"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Baru mula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat berjanji ... dalam masa yang...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya selalu simpan janji, tetapi sedikit *kelonggaran.*

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu hendak longgarlah, Tuan Pengerusi kena ikut dengan janji.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi kalau sedemikian, Tuan Yang di-Pertua dengan izin saya baca dengan Bahasa Inggeris kerana saya tidak mahu *translate* dengan izin;

"During 2005 there were reports of foreign women escaping from apartments where they were held and force to serve as unwilling prostitutes. According to news reports, these women said they were lured to the country by promises of legitimate employment".

Ini adalah Malaysia, dan perkara ini bukan sahaja di Kuala Lumpur, saya difahamkan *entry point* di antaranya saya rasa malu tetapi betul adalah Ipoh dan bukan baru. Sebelum saya dilahirkan 60 tahun dahulu pun *entry point, the tin mine industry* dan saya difahamkan sekarang pun perkara macam itu. Saya pun berasa hairan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab Ipoh?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab Ipoh?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak tahu, saya tidak hendak cakap. Skudai pun saya tidak berani, tetapi saya tidak tahu.

[Ketawa]

Tetapi ia kata Teluk Intan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kerana Yang Berhormat ya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu saya kata 50 tahun dahulu, 60 tahun dahulu. Saya belum 50 tahun lagi. Jadi kalau kita tengok *tier* sistem ini, itulah sebab saya difahamkan kerajaan oleh kerana *pressure* tunduk dan kerana takut ada *sanction* dari Amerika Syarikat dan oleh kerana Dewan Rakyat ini ramai di antara Ahli Parlimen selalu berhujah sangat tak taruk sama Amerika, tetapi apabila perkara macam ini dia tidak berani cakap, dia tidak akan berani mengaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat masa cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengaku sahajalah bahawa kita tertakluk, kita ada sebahagian kehendak Amerika Syarikat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Menteri sila.

6.09 petang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Saya pertamanya ingin mengucapkan banyak terima kasihlah kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 15.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 15 semuanya? Termasuk yang mencelah sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang berucap....

[Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang berucap. Saya ucapkan banyak terima kasih dan saya percaya bahawa apa yang telah dibahaskan saya telah dengar dengan teliti dan sememangnya ia banyak memberikan pandangan-pandangan yang baik dan sudah tentu kita akan mengambil kira di mana yang perlu dilakukan, insya-Allah akan kita lakukan, yang mana yang sudah ada memang tetap sudah adalah.

■ 1810

Jadi pertamanya Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah mempertikaikan tentang prosedur keselamatan mengatakan ia amat longgar terutamanya di lapangan terbang dan sempadan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Keselamatan Negara (BKN) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan isu-isu keselamatan dan kawalan darat. Sehubungan itu satu jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Penyelarasan Keselamatan Sempadan Darat bagi memperkemas struktur sedia ada dan jemaah menteri juga telah bersetuju supaya Pasukan Gerak Am (PGA) Polis Diraja Malaysia mengawal sempadan darat dan pintu-pintu masuk negara dalam memastikan keselamatan di lapangan terbang, PDRM sentiasa mengambil langkah-langkah yang berikut:-

- i) menjalankan pemeriksaan secara mengejut;

- ii) mengadakan kerjasama antarabangsa melalui perkongsian maklumat perisikan; dan
- iii) menempatkan anggota-anggota di lapangan terbang.

Tetapi sudah tentulah apa juga yang kita buat, pihak yang mahu melanggar undang-undang sentiasa mencari jalan memikirkan bagaimana untuk mengatasinya sebab itulah perjuangan kita ini tidak kehabisan kerana ada sentiasa cara-cara baru yang akan dilakukan oleh pihak penjenayah untuk mengatasi apa yang kita lakukan.

Yang Berhormat dalam perbincangan juga telah mencadangkan hukuman sebat dan ini juga telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memastikan menunjukkan kesungguhan bagi pihak kerajaan maka mereka mencadangkan supaya hukuman sebat ini dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita mengadakan rang undang-undang ini ialah kerana kita mahu *comply* dengan keperluan Bangsa-bangsa Bersatu di mana kita telah pun menandatangani UNTOC tetapi kita tidak dapat hendak *ratify* secepat mungkin memandangkan ada perkara-perkara prasarana seperti undang-undang yang belum lagi dapat kita letakkan. Jadi inilah yang menahan kita daripada meratifikasikan UNTOC ini secepat yang kita mahu. Sebab itulah undang-undang ini kita adakan *to comply with requirement of the United Nations*. Jadi tujuan kita mengadakan undang-undang ini ialah kerana kita hendak memenuhi kehendak *United Nations* untuk menjadi sebuah negara sebagai satu UN *citizen* yang baik.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sungai Petani.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, saya tengah cakap, terpotong. Nanti dulu ya. Maka oleh kerana itu kita tidak boleh mengenakan hukuman sebat diperuntukkan kerana ia tidak selari dengan kehendak undang-undang antarabangsa yang semakin menjurus kepada penghapusan hukuman *corporal punishment*. Jadi sebab itu kalau kita hendak *comply* dengan kehendak UN maka sudah tentu kita tidak boleh mengadakan undang-undang yang tidak selari seperti mana kita semua tahu bahawa desakan untuk tidak mengadakan *corporal punishment* ini merupakan kemiripan di kalangan pemikiran pihak Bangsa-bangsa Bersatu.

Jadi *to comply* dengan kehendak mereka maka kita tidak boleh mengadakan hukuman yang tidak dipersetujui oleh pihak Bangsa-bangsa Bersatu. Maka oleh kerana itu kita tidak mengenakan hukuman sebat kepada mereka yang telah melakukan kesalahan. Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak tanya mengenai hukuman tadi. Selain daripada kita tidak boleh melakukan hukuman sebat kerana dengan izin *in complying with United Nations*. Betul. Tetapi soalnya mengapa tidak *punishment* yang lain seperti merampas semua harta bapa-bapa ayam atau ibu ayam ini tadi di mana perolehan mereka adalah dari segi pelacuran. Jadi bagaimana? Adakah ini akan dipertimbangkan seperti mana orang mendapat

ganjaran daripada penjualan dadah misalnya. Adakah ini akan juga dikenakan kepada bapa-bapa ayam atau ibu ayam?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, perampasan ini boleh dilaksanakan di bawah akta yang lain yang sememangnya memperuntukkan barang-barang dan aset kepunyaan mereka yang menjadi ejen itu boleh dirampas. Saya akan sampai ke situ nanti. Kemudian Yang Berhormat bagi Kinabatangan

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:Juga bertanya berkenaan dengan masalah

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:Syarikat yang, sekejap. Syarikat yang *outsourcing company* yang membawa masuk pekerja asing. Adakah ini melibatkan eksploitasi dan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat ini. Kalau adanya undang-undang ini bermakna *outsourcing company* itu juga akan terbabit di bawah kesalahan iaitu di bawah rang undang-undang ini syarikat itu boleh dikenakan tindakan di bawah fasal 12 ataupun 13 atau 14 rang undang-undang ini. Jadi memang boleh diambil tindakan terhadap syarikat yang *outsourcing company* ini yang telah menipu pekerja-pekerja yang telah datang dengan janji-janji yang manis. Tetapi apabila datang ke Malaysia mereka tidak mempunyai kerja dan lain-lain lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri baru-baru ini telah mengatakan bahawa kita ikut niat Bangsa-bangsa Bersatu, protokol dan konvensi-konvensi tersebut dan itulah sebab membawa rang undang-undang ini. Kalau itu benar, beberapa konvensi yang mana sepatutnya sudah ada ratifikasi dan undang-undang di negara ini, kenapa ia tidak dibuat dari tahun 1947 *cultural and economic rise* dan sebagainya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ia ada dua proses. Satu kita tandatangan. Tandatangan semua negara boleh tandatangan apa-apa konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu tetapi bila hendak *ratify* kita terpaksa melakukan perkara-perkara yang dikehendaki oleh protokol-protokol yang di bawah konvensyen itu. Jadi inilah yang menyebabkan kita terlambat sedikit sebagai contoh macam *corruption*, UNCAC. Kita masih lagi belum *ratify* walaupun kita tandatangan disabitkan oleh kerana kita belum ada lagi *Whistle Blowing Act* yang akan insya-Allah kita bawa kepada sidang ini pada sesi yang kedua nanti. Jadi tandatangan satu hal.

Ratification memerlukan kita melakukan dan menyediakan prasarana-prasarana, *infra*. Sebagai contoh macam yang ini akta sekarang ini Rang Undang-undang *Anti Trafficking* kita kena menyediakan rumah perlindungan yang kita belum ada. Jadi tidak guna kita ada undang-undang kita tandatangan dan kita tidak boleh *ratify* kerana kita belum lagi menyediakan prasarana-prasarana dan keperluan-keperluan yang ditentukan oleh protokol untuk kita lakukan.

Bila kita lakukan barulah kita boleh *ratify*. Jadi inilah sebabnya mengapa kadangkala kita tandatangan dulu konvensyen tapi kita belum *ratify*. Belum *ratify* bukan kerana tidak bersetuju tapi kita belum lagi *put in place* apa-apa juga infrastruktur yang diperlukan untuk membolehkan kita meratifikasikan konvensyen itu.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat bagi Jasin dia tidak berpuas hati dengan hukuman penjara yang terlalu rendah dan hukuman denda yang jumlahnya tidak disebut. Ada yang terlalu ringan dan dia kata bukan dia seorang sahaja, ramai Ahli Yang Berhormat yang lain juga berasa tidak puas hati kerana sesetengah daripada kesalahan itu daripada satu hari sampai ke 15 tahun. Ada lagi satu pula tiga tahun sampai ke 20 tahun. Jadi mengapa diberikan ruang kepada mahkamah.

■ 1820

Mengapa tidak ditentu awal-awal untuk menunjukkan kesungguhan kita benci kepada *human trafficking* kita masukkan terus. Tuan Yang di-Pertua dia *anti trafficking* ini dia berlaku banyak kategori dan banyak dia punya fakta-fakta yang tidak ada kepada kita tetapi apabila ianya dibawa kes ke dalam mahkamah maka segala bukti akan keluar dan yang mendengar kes ini ialah hakim dan hakim ini ialah manusia yang akan menurunkan penghakiman dan hukuman terhadap orang yang bersalah. Jadi sebab itu kuasa diberikan kepada dia kerana dia yang akan mendengar bukti-bukti yang akan dibawa di dalam mahkamah itu.

Maka kalaulah perbuatan itu mungkin tidak serius mungkin tidak ada paksaan di situ ada penipuan jadi mungkin melibatkan cuma satu orang apakah kalau dia melibatkan satu orang dan macam kes-kes yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, kata mengahwini orang di sana dengan penipuan di Cambodia bawa sini selepas itu hendak jual dia. Jadi kalau melibatkan satu orang maka apakah kita boleh tentukan di Dewan ini iaitu kita terus bagi 20 tahun sebagai menunjukkan bahawa kita *do not tolerate* dengan izin *human trafficking*. Tetapi *human trafficking* yang saya sebut sebentar tadi ialah dia banyak kategori.

Jadi kita berikan kepada hakim yang mendengar bukti-bukti yang ada di hadapan beliau dan dia boleh menentukan penghukumannya, memberi penghakimannya dan kemudian ditentukanlah hukumannya. Saya percaya hakim bukan merupakan orang yang bersimpati kepada mereka yang melakukan kesalahan. Mereka juga manusia seperti kita, kita Ahli Parlimen merasakan begitu marah terhadap *human traffickers* saya percaya hakim juga begitu dan saya percaya merekalah orang yang layak sekali untuk menentukan apakah bentuk hukuman yang harus diberikan.

Kita menentukan iaitu bahawa dalam kes ini satu kes kita kata dalam perkara tertentu seksyen tertentu kita menentukan 15 tahun. Terpulanglah kepada hakim untuk menentukan sama ada berdasarkan kepada apa yang telah berlaku sepatutnya diberikan tujuh tahun kah lapan tahun kah maka budi bicara ini kita berikan kepada hakim yang mendengar kes-kes ini untuk menentukan hukuman yang diberikan kepada mereka. Sebab itulah kita memberikan budi

bicara ini. Walau bagaimanapun, seperti mana yang kita semua sedia maklum kalau kita merasakan iaitu bahawa 15 tahun ini tidak mencukupi, akta ini dalam masa dua tahun menteri mempunyai kuasa untuk menaikkan dalam masa dua tahun ini.

Bila diwartakan dalam masa dua tahun kalau kita dapati bahawa 15 tahun bagi sesuatu kesalahan itu tidak mencukupi kita boleh menambahkannya tanpa kita membawa di dalam Dewan ini dalam masa dua tahun ianya digazetkan. Semua kesalahan di bawah rang undang-undang ini adalah serius namun kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan bergantung pada kategori kesalahan dilakukan. Ketiadaan hukuman minimumlah bagi membolehkan mahkamah membuat pertimbangan berdasarkan fakta kes serta bagaimana kesalahan dilakukan dengan izin *the mode* Amalan ini selaras dengan tanggungjawab yang diletakkan kepada mahkamah.

Jika hukuman tidak mencukupi pendakwa raya masih boleh membuat rayuan di atas hukuman-hukuman yang rendah *inadequate* dengan izin yang telah ditentukan oleh mahkamah. Bagi kesalahan yang memperuntukkan hukuman minimum, ini diperuntukkan bagi membezakan kategori kesalahan yang dilakukan. Dengan adanya perbezaan peruntukan hukuman ini ia akan menggariskan graviti kesalahan yang dilakukan. Tujuan meletakkan jumlah denda yang boleh dikenakan minimum dan maksimum khusus di Seksyen 15 adalah bagi menekan faktor keuntungan yang dibuat oleh pesalah di bawah seksyen ini.

Perlu diingatkan mesej yang ingin dihantar adalah orang-orang yang mengaut keuntungan daripada aktiviti memperdagangkan orang perlu dihukum dengan setimpal. Walaupun tiada peruntukan bagi pesalah ini yang kata *repeat offenders*. Walaupun tiada peruntukan bagi pesalah yang mengulangi kesalahan namun rekod kesalahan lampau yang dulu akan disimpan oleh pendaftar penjenayah ini akan dikemukakan ke mahkamah bagi menunjukkan pesalah tersebut telah sebelum ini melakukan kesalahan yang sama. Ini akan dipertimbangkan oleh mahkamah bagi mengenakan hukuman yang lebih berat. Memandangkan Malaysia belum menyertai *TIP Protocol*, TIP ini *Trafficking In Person*, kerajaan berpendapat bahawa hukuman penalti yang ditetapkan adalah tinggi dan bersifat *deterrent* dengan izin.

Berbanding dengan negara-negara barat lain yang telah menyertai *TIP Protocol* yang hanya memperuntukkan hukuman antara dua hingga 10 tahun sahaja. Jadi kita punya kalau kita bandingkan dengan undang-undang negara-negara barat yang telah pun menerima *TIP Protocol* ini kita jauh lebih tinggi lagi dari segi pemenjaraan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya dapat tahu adakah apa-apa analisa atau apa-apa fakta yang sedia ada dengan kementerian bahawa ada pihak-pihak yang terlibat dengan *trafficking* ini di negara ini kerana saya difahamkan saya bagi dua asas, satu adalah baru-baru ini di mana tiga orang terlepas oleh dalam *Emergency Ordinance*. Saya difahamkan dua orang di antaranya adalah *kingpin* di negara ini, saya

difahamkan. Nombor dua adalah bila Tenaganita memberi penerangan semalam saya hairan bahawa ini adalah satu bilion dolar industri. Dia kata satu *customer* membayar RM150 satu *session*. *One girl averages eight customers is RM1,200. 100 girls per syndicate per day is RM120,000.*

100 *girls* untuk satu bulan *is* RM3.6 bilion dan untuk satu tahun sindiket itu boleh mengaut untung RM43,000,200 menunjukkan bahawa kenyataan ini bilion dolar industri adalah betul. Jadi soalan saya berkaitan adalah apakah ada asas sedemikian kerana NGO ini membuat dari penyiasatan mereka dalam negara ini semestinya satu kerajaan yang merangkumi *north, east, south, west*, dalam, depan, atas, belakang semua dia semestinya tahu adakah ini betul atau tidak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak tahu Yang Berhormat siapa yang kata perniagaan ini sindiket, siapa yang kata?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan saya cakap *is it a billion dollar industry* dan adakah jadi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya dalam ucapan saya kata *business* ini ialah USD10 bilion saya tidak kata ia perniagaan kecil *in my speech I don't know whether you hear* tetapi saya sebut *USD 10 billion is a big amount*. Jadi dalam kes yang spesifik yang disebut oleh Yang Berhormat saya tidak dalam serta-merta ini boleh beritahulah maklumat sebab saya perlu mendapat maklumat daripada pihak yang mempunyainya. Berkenaan dengan apakah rasional menjadi pegawai kastam sebagai ahli majlis dan pegawai penguat kuasa. Saya ingin menyatakan di sini ini Yang Berhormat bagi Jasin, pegawai kastam di bertanggungjawab menjalankan tugas di *point of entry* dengan izin. Oleh itu mereka boleh bertindak dengan serta-merta apabila terdapat kes-kes kemasukan orang melalui kontena-kontena.

Kalau kita masih ingat orang membuat pengangkutan dalam kontena. Jadi kontena ini selalunya diselidik oleh pihak pegawai kastam *at the point of entries* sebab itu ini melibatkan mereka memerlukan penglibatan mereka sebagai pegawai penguat kuasa kita. Kemasukan orang melalui kontena-kontena tanpa perlu menunggu pihak polis untuk mengambil tindakan. Kes-kes membawa masuk orang melalui kontena telah pun berlaku sebelum ini di negara barat yang mana beberapa orang daripada Taiwan telah dibawa ke Amerika Syarikat dalam kontena.

Kemudian Yang Berhormat bagi Jasin juga cakap tentang masalah kanak-kanak dijadikan peminta sedekah. Tindakan ini juga eksploitasi ini boleh diambil terhadap individu atau sindiket itu di bawah Seksyen 14 berdasarkan takrif eksploitasi yang melibatkan kerja paksa, memang ada dan sekarang ini boleh ambil tindakan dan tidak soal imigresen sahaja. Yang Berhormat bagi Jasin juga minta pihak Jabatan Imigresen Malaysia mengkaji semula kemudahan *Visa On Arrival (VOA)* kerana banyak pendatang asing telah menyalahgunakan kemudahan tersebut. Kemudahan VOA ini diberikan kepada untuk memudahkan warga asing memasuki Malaysia.

Ini tujuan kita sebagai sebuah negara pelancong yang meminta pelancong datang ke negara kita melancong di sini. Sudah tentulah sebagai *guest* kita kena memberikan kemudahan yang sebaiknya kepada mereka dan di antaranya ialah VOA. Kemudahan VOA dikeluarkan kepada negara-negara yang memerlukan visa kecuali kepada 25 buah negara yang kita tidak bagi iaitu negara-negara Afrika ada beberapa buah negara di Afrika, Colombia, Israel, Serbia dan Montenegro.

■ 1830

Pemberian kemudahan VOA dilaksanakan atas arahan jemaah menteri. Kerajaan telah menyedari, memang betul-betul masalah yang timbul dengan pemberian VOA ini. Kita dapat tahu daripada sektor mana, kapal terbang mana mereka turun yang telah banyak menyalahgunakan VOA ini dan di antaranya yang telah disenaraihitamkan ialah warga asing daripada kawasan tertentu seperti Chennai. Ini telah banyak menyalahgunakan VOA. Kerajaan akan terus memantau dan menguatkuasakan undang-undang supaya kemudahan VOA ini tidak disalahgunakan.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah bertanya mengapakah di bawah Seksyen 16 hanya memperuntukkan kerelaan tidak relevan. Bagi Seksyen 12, 13 dan 14 sahaja dan tidak terpakai kepada Seksyen 15. Seksyen 15 boleh terpakai ke atas mana-mana orang yang tidak secara langsung terlibat dalam memperdagangkan mangsa. Oleh itu isu kerelaan mangsa tidak timbul di sini. Contohnya, tuan punya premis di mana aktiviti-aktiviti larangan dilakukan. Manakala seksyen 12, 13 dan 14 adalah keadaan di mana orang yang terlibat berhubung secara langsung dengan mangsa.

Oleh itu, disebabkan wujudnya penglibatan secara langsung dengan mangsa, maka di sinilah isu kerelaan mangsa itu timbul. Relevan bagi seksyen 12, 13 dan 14 itu kita kekalkan kerana mangsa terlibat secara langsung. Walhal, mereka yang salah di bawah seksyen 15, dia tidak *direct*, tidak secara langsung terlibat sebagai mangsa.

Kemudian Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan fasal 51, mengapakah terdapat perbezaan antara perintah perlindungan antara warganegara Malaysia dan warganegara asing. Kenapa warganegara diletak terlalu lama sehingga dua tahun dan mengapa perlu meletakkan warganegara asing selama tiga bulan dan tidak pula menghantarnya pulang secepat mungkin. Penempatan mangsa di tempat perlindungan melibatkan kos kepada kerajaan. Oleh itu kerajaan membezakan prosedur perlindungan bagi warganegara Malaysia dengan warganegara asing. Warganegara Malaysia diletakkan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun untuk juga tujuan pemulihan.

Bagi warganegara asing, mereka hanya ditempatkan untuk tiga bulan bagi tujuan penyiasatan ke atas kesalahan di bawah rang undang-undang dan untuk merekodkan keterangan mereka. Sekiranya mereka terus dihantar pulang ke negara masing-masing, akan mengakibatkan kesukaran untuk memanggil mereka ke Malaysia bagi maksud mendapatkan

keterangan daripada mereka. Di sini ada perbezaan pendapat antara Ahli-ahli Parlimen. Ada Ahli-ahli Parlimen suruh panjangkan, tiga bulan tidak cukup. Ada Ahli Parlimen kata iaitu bahawa *we should not detain more than necessary*. Jadi ini berbelah bahagilah, tetapi kepada kita, lagi cepat kita hantar dia pulang, lagi baik kepada kita. Kita tidak mahu menahan mereka lebih daripada apa yang diperlukan. Sebab itulah kita hanya menahan mereka selama tiga bulan.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya menyatakan apakah tindakan pencegahan yang telah dibuat ke atas sindiket kanak-kanak yang berleluasa kini. Satu mesyuarat telah diadakan pada 9 April 2007, bagi membincangkan isu ini. Hasil daripada mesyuarat tersebut, satu *taskforce*, dengan izin, telah ditubuhkan dan diketuai oleh PDRM serta dianggotai oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, JAKIM...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap. Jabatan Imigresen Malaysia dan PBT bagi tujuan menjalankan pemantauan dan pembersihan di bandar-bandar besar.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri mungkin boleh bagi penjelasan. Yang Berhormat tadi kata kalau dia adalah warga asing ditahan untuk tujuan siasatan sahaja. Saya rasa ini kurang *humanitarian* sebab kalau kita lihat rang undang-undang ini jelas kata jika orang yang diperdagangkan dan memerlukan jagaan dan perlindungan. Kalau sedemikian, kalau mangsa ini mendapati pihak pegawai penguat kuasa hanya menerima maklumat daripada dia untuk siasatan dan tindakan, itu sahaja, selepas itu akan hantar dia balik, bagaimana kita boleh dapat kerjasama daripada orang yang diperdagangkan ini.

Jadi mungkin pihak menteri boleh *rephrase* menggunakan perkataan yang lebih baik dalam Dewan ini. Jangan menggunakan perkataan menahan, tetapi menempatkan mereka. Itu adalah perbezaannya. Kalau menahan, ini meletakkan satu atau melabelkan bahawa orang yang diperdagangkan ini adalah orang tahanan, satu. Yang kedua, rang undang-undang ini jelas, seksyen 51(3) memberi jagaan dan perlindungan, tetapi menteri kata siasatan sahaja, selepas itu hantar balik. *Wash your hand clean and then* itu masalah lain. Jadi bolehkah menteri jelaskan aspek ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, kita tahan dia tiga bulan sebab kita kena ingat iaitu bahawa orang-orang ini, warga asing, dia pun sudah ada keluarga dan keluarga dia sudah tentulah berkehendakkan supaya mereka ini dipulangkan secepat mungkin. Sebab itu, walaupun mungkin keluarga dia tidak rela dia diletak walaupun satu hari dalam rumah perlindungan ke, tetapi kita kena tahan dia juga sebab kita hendak dapat maklumat. Sebab itu saya guna perkataan tahan kerana keluarga dia, kalau boleh tiga bulan itu pun sudah lama. Sudah tentu keluarga dia datang ke Malaysia, jumpa dengan *embassy* dia, mintak keluar cepat, sebab keluarga dia. Yang Berhormat cakap bukan adik Yang Berhormat duduk dalam itu.

Kalau ibu bapa orang itu datang, dia dengar anak dia kena tahan, dia tidak mahu tiga bulan, dia hendak lebih daripada itu, tetapi kita terpaksa tahan dia tiga bulan untuk

mendapatkan maklumat. Kita tidak mahu lebih daripada tiga bulan. Tetapi kita jangka itulah jangka masa yang diperlukan untuk membolehkan kita mendapat dia punya kenyataan. Sebab itulah kepada saya, kita masih lagi kata iaitu bahawa tiga bulan itu cukuplah kerana kalau lebih daripada itu sudah tentu keluarga dia tidak akan merelakan duduk lebih lama dan kita tidak ada justifikasi pun untuk menahan mereka lebih daripada tiga bulan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tahanlah sebab keluarga dia hendak dia balik. Keluarga dia hendak dia balik. Mana ibu bapa hendak anak dia duduk dalam itu. Jadi kita kena tahan jangan pergi lagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lindung ini daripada orang yang aniaya dia. Ibu bapa dia tidak mahu aniaya dia. Ibu bapa hendak dia balik. Jadi kita kena tahan dulu, nanti dulu. *[Disampuk]* Apa pula, kita cakap betullah. Melindung ini daripada orang yang hendak menganiaya, kita lindung. Sekarang ini ibu bapa dia hendak. *[Disampuk]* Ha, dia tidak faham, pergi belajarliah. Kalau tidak faham bahasa, *you* jangan kacau saya. Saya tahu apa saya cakap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Petra Jaya telah bertanya, mana-mana orang dalam undang-undang ini hanya melibatkan manusia iaitu orang perseorangan, tetapi kesalahan ini banyak juga melibatkan sindiket iaitu syarikat besar. Jadi perkataan mana-mana orang ini di dalam rang undang-undang tidak terhad kepada manusia sahaja. Mengikut Akta Tafsiran, orang yang disebut di dalam mana-mana undang-undang bertulis bermaksud individu ataupun syarikat ataupun pertubuhan perbadanan.

Kemudian Yang Berhormat bagi Petra Jaya telah membangkit isu mengapa tiada peruntukan mengenai lucut hak harta tetap syarikat dan pembekuan akaun bank syarikat. Apa-apa pelucuthakkan harta tetap dan pembekuan akaun bank syarikat yang melakukan kesalahan di bawah rang undang-undang ini boleh diambil tindakan di bawah akta *Anti Money Laundering Act* dan juga *Anti Terrorism Financing Act 2001*. Tidak ada masalah untuk mengambil tindakan melucutkan hak mereka.

Yang Berhormat bagi Kepong – Yang Berhormat bagi Kepong tidur ke? Walaupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak. Dia buat catatan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walaupun dia punya perbahasan tidak bermutu, tetapi saya tengok saya kena jawab jugalah sebab untuk menghormati dia sebagai Ahli Yang Berhormat. Saya kena jawab juga walaupun tidak bermutu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat bagi Jerai punya lagi teruk.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bertanya mengapakah anggota Majlis Antipemerdagangan Orang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Oh, Petra Jaya. Yang ini ada mutu. [Ketawa] Okey, boleh tanya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi perkara yang saya bangkitkan, mohon penjelasan ialah berkaitan dengan peruntukan untuk harta tetap ataupun harta yang peruntukan tadi mengatakan berkaitan dengan pelucutan hak berkaitan dengan harta alih. Bagaimana pula dengan harta tidak alih, bangunan ataupun tanah? Adakah ada peruntukan di dalam akta ini? Yang saya melihat tidak ada peruntukan untuk kita melucut hak harta tetap. Terima kasih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Ya, Yang Berhormat. Saya akan *check* benda ini tapi saya rasa dia tidak terhad kepada harta boleh alih. Harta tidak alih itu yang kita boleh ambil juga. Tak mungkin kita hanya membuat peruntukkan hanya untuk harta yang boleh alih, duit sahaja tapi harta yang didapati sebagai orang kata apa hasil daripada jenayah itu..

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walaupun bangunan kah, apakah itu, memang boleh diambil alih ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Yang saya maksudkan, dalam peruntukkan Seksyen 36. Seksyen 36(1) hanya menyebut; Seksyen 36(1) "Semua pengangkut harta alih buku, rekod, laporan atau dokumen atau mana-mana organ manusia yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa di bawah boleh dilucut hak". Tidak menyebut harta tak alih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sebab itu saya kata yang harta tak alih itu boleh dibuat di bawah akta, *Anti Money Laundering Act* dan *Anti Terrorism Financing Act*. Dia boleh diambil tindakan di bawah pengalihan aset itu boleh dibuat di bawah akta ini ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong telah bertanya berkenaan dengan anggota Majlis Antipemerdagangan Orang, kenapa tidak termasuk Kementerian Pelancongan dan pihak berkuasa tempatan?

Kementerian berpendapat anggota Majlis di bawah Fasal 62 adalah kementerian-kementerian yang terlibat secara langsung dengan masalah pemerdagangan orang. Walaupun Kementerian Pelancongan dan PBT tidak termasuk sebagai anggota mereka, boleh dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Majlis di bawah Fasal 9(5) ataupun boleh dilantik sebagai anggota jawatankuasa di bawah Fasal 10.

Jadi, yang mana kementerian yang secara langsung terlibat, yang itu kita letak di bawah jawatankuasa ini. Macam PBT secara tak langsung kerana bangunan itu digunakan dan pelancong, Kementerian Pelancongan secara *indirect* juga sebab bukan kerja Kementerian Pelancongan ini untuk memperdagangkan orang secara *direct*, tidak ada. Dan ini bukan

Kementerian Pelacuran, ini Kementerian Pelancongan. Jadi sebab itu, tak. Banyak orang selalu sebut kata ini Kementerian Pelacuran bukan Pelancongan. Tak betul. Kita hendak *genuine* pelancong yang datang tapi kalau yang datang itu dia meniaga, itu bukan kehendak kita.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat bagi Kepong juga, ini Yang Berhormat bagi Kepong ada berbeza sedikit dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kata kita buat akta ini tergesa-gesa. Yang Berhormat bagi Kepong pula kata kita terlambat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga tahun kajian dibuat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, tiga tahun lambat. Jadi sama dia pun tak betul. Tak sekata. Macam mana?... [*Dewan riuh*] Apa masalah? Itulah. DAP itu, DAP. Sama dia pun tak betul.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Kalau kita salurkan yang sama, Yang Berhormat Menteri akan kata...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada. *You* kata tergesa-gesa, yang ini kata lambat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini *the stooges*... *We are not stooges*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana yang kita nak pakai?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Masalah kepimpinan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu kita tak nak dengar cakap pembangkang dah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini betul, betul. Ini betul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You* pergi *settle* luar, cium sikit nanti masuk balik ya. Kita ambil jalan tengah. Yang Berhormat bagi Kepong tanya apakah *instrument* atau memorandum persefahaman yang kerajaan telah tandatangani bagi membanteras kegiatan jenayah rentas sempadan. Jadi yang pertama kita telah tandatangani *ASEAN Treaty On Mutual Assistance In Criminal Matters Among Like-Minded Countries* yang ditandatangani oleh negara Asian, pada 29 November 2004, tiga tahun dulu. Kemudian kita juga tandatangani UNTOC, pada 26 September 2002, iaitu lima tahun dahulu. Ini yang Yang Berhormat bagi Kepong kata lambat ini kan.

Treaty between the Government of Malaysia and the Government of Australia on Mutual Assistance in Criminal Matters, ditandatangani pada 15 November 2005. Dua tahun dahulu. *No, one half years*. Satu setengah tahun dahulu. Kemudian *the Treaty between the Government of Malaysia and the Government of the United States of America on Mutual Legal Systems in Criminal Matters*, ditandatangani pada 28 Julai 2006, tahun lepas. Tahun lepas. Ini dengan US. Dia bukan macam Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kata kita takut, tak. Ini perkataannya pun "*treaty*". *Treaty* ini persetujuan di antara dua negara, *mutual legal assistance*. Saling bantu-membantu. Bukan soal takut ya, bukan soal takut. Ini soal hormati, sama-sama hormat. Tak apa,

saya rasa kita negeri kecil daripada dia. Amerika besar tapi kalau dia setuju dengan kita, maka kitalah hebat ya? Kitalah hebat. Betul? Padahal kita kecil sahaja. Sebenarnya tak peduli pun. Kalau dia nak kira, Malaysia dia tak peduli pun tak apa tapi dia datang turun, dia runding, dia cakap baik-baik. Kita kata ok lah. Dia hormat kita...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia bagi amaran, dia bagi amaran.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia hormat kita... [Ketawa] Ini banyak silaplah. Banyak silap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini kenyataan syok sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, sebelum ini kita tidak ada *mutual legal assistance*. Jadi bila kita dah ada, kita runding sama-sama. Nama pun *mutual legal assistance*. *Mutual* itu cium mulutlah. Bukan macam Yang Berhormat bagi Kepong dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, tak cium mulut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong baik Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat bagi Kepong puji Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Puji Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak tahu. Dia puji saya, tak puji saya serupa sahaja. Dia perkataan daripada dia serupa sahaja pada saya. Kadang-kadang ada orang Melayu kata, sokong bawa rebah. Maknanya itulah itu. Dia nampak sahaja sokong tapi dia tarah bawah. Tak adalah... [Ketawa]

Kemudian 5, kita ada tandatangan, *agreement between the Government of Malaysia and the Government of the Hong Kong Special Administrative Region of the People Republic of China, Concerning Mutual Legal Assistance in the Criminal Matters*, yang telah ditandatangani pada 17 Oktober 2006. Jadi, sama sahaja dekat-dekat dengan Amerika. Satu 17 Oktober, satu Julai 28.

Dan perjanjian yang *last* sekali ialah *Memorandum of Understanding Between the Government of Malaysia and the Government of Australia and the Co-operation in Immigration Matters*, ditandatangani pada Mac 2007. Yang kita lambat sikit Yang Berhormat bagi Kepong, dengarlah orang cakap ini. Jangan tidur. Kita lambat sikit..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia memang mengambil perhatian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia ambil perhatian?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha. Jangan salah tafsir. Dia tak tidur.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak, saya fikir dia ambil perhatian sebab kita selalu cakap *anti trafficking, human trafficking*. Kita cakap tentang perempuan dengan kanak-kanak, dia marah. Dia kena masuk juga lelaki lembut, sebab lelaki lembut juga merupakan

mangsa dalam hal ini. Jadi saya faham lah Yang Berhormat bagi Kepong. Dia memang betul, dia prihatin. Kita terlupa tentang lelaki lembut. Kemudian beliau, Yang Berhormat bagi Kepong tidak berpuas hati. Kita lambat sikit Yang Berhormat sebab kita nak kena ada infra dia. Kita tak boleh ada akta terus begitu. Akta memang kita boleh buat atas kertas, tapi kalau kita buat akta, kemudian dia punya *complimentary* punya prasarana tidak sedia sebagai contoh kerana kita perlu *officers* yang kaunseling, khidmat kaunselor kita kena wujudkan. Kemudian bangunan-bangunan untuk nak dijadikan sebagai *shelter house*. Ini kita kena sediakan. Kemudian, akta ini melibatkan banyak kementerian yang lain. Enam yang lain. Jadi dia makan masa sikit dan kita memang serius Yang Berhormat sebab negara nanti...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah dulu. Saya nampak *you*. Belum gelap lagi, siang lagi. Saya nampak. Jadi, ha dia nak kacau saya tu. Jadi Yang Berhormat, sebenarnya Malaysia sebuah negara yang dilanda teruk oleh *human trafficking* ini. Pertama, dia terlibat tiga jenis negara. Satu *destination country*. *Destination country* ini Malaysia pun terlibat sebab banyak sini yang inilah. Pelacuran di sini banyak. Ada *demand* di sini. Jadi bila pelacuran ada di sini, yang diharamkan oleh negara kita tapi ada, bermakna ada *demand* untuk perempuan-perempuan dihantar ke negara ini. Termasuk juga kanak-kanak dihantar ke sini untuk mengemis sebab negara Malaysia maju. Jadi kita juga merupakan *destination country*. Kemudian lagi satu jenis negara itu ialah *exporter*. Dan kita dengar di mana macam ada seorang wanita, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada sebut tadi. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kah, yang mana? Dia takut nak balik. Dia di Australia.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha? Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebut dia di Australia. Dia takut nak balik. Jadi ini bermakna bahawa ada juga wanita-wanita kita jadi mangsa yang dieksport ke luar negara. Jadi kita juga merupakan mangsa sebagai *exporting country*.

Dan yang ketiga, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh sebut tadilah, *transit*. Ini semua berlaku tanpa pengetahuan kita. Rupanya *transit*. Orang masuk secara sah, dia dapat tiga bulan rupanya di sini berlaku pemalsuan dan hantar ke negara *destination*.

■ 1850

Sebagai sebuah negara mangsa, kita mangsa tiga-tiga ini, kita menjadi mangsa. Sebab itu benda ini kita serius Yang Berhormat bagi Kepong. Jangan dok tengok komputer itu, saya tengah *explain* dengan penuh *action* ini. [Disampuk] Ha, bukan sensasi, *patience*. Kita negara yang terlibat dalam tiga kategori. *Destination country*, negara yang *exporter* dan *transit*. So, ini serius. Bukan main-main, bukan kerana takut kepada Amerika. Ini perkara yang serius, yang melibatkan negara kita secara langsung dalam tiga kategori negara yang terlibat di bawah *Anti Human Trafficking* ini. Sebab itu kita serius Yang Berhormat bagi Kepong ya? Bukan main-main

dalam hal ini. Kita mengadakan rang undang-undang ini kerana kita serius menjadi sebuah negara mangsa, Malaysia ini. Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, betulkah bila Yang Berhormat berdiri dan kata bahawa bila infrastruktur sistem dia sedia, barulah kita bawa satu undang-undang. Kalau betul, kalau katakan itu betul, saya rela terima. Bolehkah bagi satu alasan kepada saya yang benar-benar, kenapa tahun dahulu bulan September kita meluluskan akta *Penal Code* dan *Criminal Procedure Code* yang sangat mustahak *which goes* dengan izin, *to the rule of the system of the criminal justice*. Sampai sekarang, belum diimplementasikan. Bukankah memalukan kerajaan kalau pendirian Yang Berhormat Menteri adalah kita baru sedia membawa satu rang undang-undang, ini tidak berasaslah. Kerana membawa undang-undang adalah dipaksa oleh Kerajaan Amerika. Kalau tidak ada, *sanction* saya akan bawa. Itulah sebab. Akui dan kita pergi ke topik yang lain. *[Disampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan takut dengan Amerika, ya. Sebab itu, walaupun dia tekan tentang AFTA, dia hendak sebelum Mac, kita kata *no way*. Kita tak boleh terima. Mengapa tidak mahu *sanction* Malaysia pula? Mengapa Malaysia, Korea boleh bersetuju, dia punya petani-petani semua marah? *Rice farmers, padi farmer, rice farmer* itu marah. Itu pun Korea kerana takut kepada Amerika, terima. Tetapi kita, *no way*. 3 Mac, dia kata, *by 21st March, sorry man*. Kita kata tak boleh, ha itu '*terror*' lah Malaysia. Bukan, kita rakyat Malaysia yang berwibawa dan berani. Bukan macam Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang buat guna semua ikut telunjuk daripada Amerika Syarikat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa benda ini, sudah habis? Kemudian Yang Berhormat bagi Kepong....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, atau peringkat..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Belum, belum, jawab soalan saya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana? Yang mana?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan saya katakan kalau....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu CPC...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan lari..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Eh... mana boleh lari dengan you, ya. Kita tunggu lagi, bukan kita lari, ya. Kita tunggu. Kita tunggu, "Patah sayap bertongkat paruh, namun tunggu tetap ku tunggu". *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tunggu sampai Yang Berhormat habis.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tunggu... saya tak boleh lari sebab saya jawab. Saya jawab, saya tak lari, saya tunggu punya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Saya hendak tahu...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: CPC, itu adalah kerana dia melibatkan juga kementerian-kementerian yang lain. Kerana sebagai contoh *Committee Service*. *Committee Service* kalau kita hendak mengurangkan parol, kita hendak ada *Committee Service*. *Committee Service* di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jadi hendak kena ada kaunselor. Hendak kena ada orang yang jaga. Mesti ada infranya untuk menyediakan supaya... kemudian kena *create post*. Kena *apply* kepada JPA, menyediakan banyak jawatan untuk mereka yang akan mengawasi orang yang menjalankan tanggung jawab *Committee Service* ini. Dia banyak lagi, melibatkan kementerian lain. Sebab itu dia, ada yang kita buat akta. Nanti kalau CPC kita lulus, kita kata *Committee Service*, okey tidak payah masuk jel, buat *Committee Service*, tetapi tidak ada infra untuk menjalankan, melaksanakan *Committee Service*, macam mana? *It becomes the pointless* punya arahan, jadi sebab itu banyak hal yang seperti ini, yang menyebabkan kita terpaksa tunda dulu.

Ada yang *consequential*. Ini biasa *consequential*. Buat satu undang-undang, tapi dia ada *consequential* kepada undang-undang yang lain pula kerana undang-undang ini banyak, bukan satu, dua. Beratus undang-undang ini. Kita pinda yang ini, tengok-tengok oh, yang ... Kalau pinda yang ini, kena pinda yang ini juga. Inilah hendak menyelaraskan supaya *bills consequential* juga dipinda supaya selaras. Inilah yang menyebabkan kita terlambat sedikit. Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Mana Yang Berhormat bagi Batu Gajah? Sudah merajuk? Ha.. tak mahu? Ha, tak mahu dah. Dia merajuk. Dia, hati lembut sedikit. Keras sedikit, dia dah... Tapi tak apa, kita tunggu dia lembut nanti, dia boleh tanya. Kemudian Yang Berhormat bagi Kepong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Nanti...ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bila pula Yang Berhormat bagi Seputeh bangun tadi? Hendak tanya fasal apa? *[Ketawa]* Tapi tak apalah Yang Berhormat bagi Seputeh, saya.. okey, *no problem*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, sebenarnya yang CPC lambat dibentangkan bukan kerana masalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi ada unsur lain. Itu, apa yang saya rasa sedih ialah Yang Berhormat berjanji di Dewan yang mulia ini ia akan dikuatkuasakan pada 1 Januari tahun ini, tetapi ia tidak dilakukan. Jadi, saya rasa sedihlah Yang Berhormat.. macam seorang menteri yang tidak dapat menunaikan janjinya. Janji tidak dikotai di Dewan yang mulia ini. Saya rasa sedihlah. Apakah sebabnya mungkin Yang Berhormat boleh berterus terang beritahu kita semua di Dewan yang mulia ini. Adakah ini disebabkan oleh *little Napoleon* yang berada di jabatan yang tertentu, yang telah memalukan tugas Yang Berhormat? Terus teranglah cakaplah, jangan guna contoh ini, itu dan hanya mengakui kepada kita, Yang Berhormat Menteri tidak ada kuasalah. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, sistem kita, Penasihat Undang-undang kita ialah *Attorney General*. Tetapi *Attorney General* ini dia bukan member of Cabinet. Dia bukan senator, dia bukan Ahli Yang Berhormat. Jadi dia tak bolehlah datang dalam Dewan untuk memberi penjelasan yang patut diberi. Jadi, saya selaku menteri yang bertanggung jawab untuk undang-undang, maka sayalah yang akan menyuarakan perkara-perkara yang hendak dibangkitkan oleh dia. Jadi apabila CPC ini telah dibincangkan tahun lepas, saya tanya kepada beliau. Dia kata, insya-Allah 1 Januari. Jadi saya kata, *sure*, okey? Jadi janjilah di sini 1 Januari. Tetapi apabila ada perkara-perkara yang *subsequently*lah dengan izin, dia *discover*, perlu dilaksanakan, maka dia *apologize to me*. Dia kata, minta maaflah Yang Berhormat, sebab saya sudah janji *1st January*, tetapi ada lagi yang belum kita lakukan yang tidak sempurna, jadi melambatkan sedikit, jadi macam mana? Takkan saya hendak tipu di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi sekarang tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, jadi Yang Berhormat jadi mangsalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, macam mana nak buat? Tapi bukan mangsa *human trafficking*lah. Okey lagilah. Saya harap Yang Berhormat bagi Seputeh jangan jual sayalah, ya. *[Dewan riuh][Ketawa]* Ha, jangan jual saya. Saya tak mahu jadi mangsa...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terlalu keras, tak mahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]* Mana you tahu? *[Dewan riuh]* Okey, okey, okey. Yang Berhormat bagi Kepong tidak berpuas hati dengan penalti..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tak berpuas hati, dia bangun. Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Kepong, saya belum jawab lagi. Nantilah, bagi habis dahulu. Ada lagi dua, dua muka lagi. Habis boleh tanya. Eh, eh... pukul 7.00. *[Menunjuk kepada jam]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Esok ke?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, tak apa lah. Siapa kata tak boleh. Ya, tak apalah. Duduklah dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara][Mengangkat buku]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada... Itu bukan *human trafficking*, itu *select committee* punya. *[Disampuk]* Ha, *tourism...* *[Dewan riuh][Ketawa]* Yang Berhormat nanti dua minit, esok boleh tanya.. Itu bukan *human trafficking*, apalah.... *[Ketawa]* Saya punya mata okey lagi... nampak lagi. Kemudian, dia tidak berpuas hati dengan penalti di bawah seksyen 12, 13 dan 14. Kementerian merasakan hukuman yang ditetapkan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan saya sebut tadi berbanding dengan akta di Eropah kita lebih jauh keras. Walau bagaimanapun sekiranya selepas penguatkuasaan akta, Yang Berhormat ya,

didapati hukuman ini tidak *deterrent* sangat, dengan izin. Menteri boleh menggunakan kuasanya di bawah seksyen 67 untuk meminda mana-mana peruntukan akta dalam tempoh 2 tahun..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ... dari tempoh penguatkuasaan melalui perintah yang disiarkan di dalam warta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, hendak habis dia punya sahaja. Ya, okey. Esoklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Esoklah, sambung. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.